

KERTAS SOALAN PEPERIKSAAN SEBENAR SPM 2018-2023



PERNIAGAAN

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2018

KERTAS 1

- 1 **B**
Ulasan: Organisasi bukan bermotifkan untung (OBBU) bermatlamat untuk meningkatkan penglibatan sektor awam dalam kegiatan kemasyarakatan. OBBU juga menyediakan ruang dan peluang untuk semua golongan melibatkan diri dalam aktiviti yang boleh membangunkan masyarakat kurang berkemampuan.
- 2 **B**
Ulasan: Antara kelebihan perniagaan milikan tunggal ialah keputusan adalah hak pemilik, iaitu bebas menguruskan perniagaan kerana pemiliknya hanya seorang sahaja.
- 3 **B**
Ulasan: Bentuk pemilikan tersebut ialah perkongsian. Perkongsian merupakan kerjasama antara dua atau lebih individu bagi menjalankan perniagaan. Ahli yang terlibat berkongsi ilmu pengetahuan, kepakaran, kemahiran, pengalaman serta beban tugas.
- 4 **D**
Ulasan: Pemilikan Q ialah koperasi. Terdapat tujuh prinsip koperasi, iaitu keanggotaan secara sukarela, kawalan secara demokratik oleh anggota, prihatin terhadap komuniti, bekerjasama antara koperasi, pendidikan latihan dan maklumat, kebebasan autonomi dan penglibatan anggota dalam kegiatan ekonomi.
- 5 **B**
Ulasan: Maklumat perniagaan tersebut menerangkan berkaitan ciri-ciri perniagaan milikan tunggal. Oleh itu, contoh perniagaan yang sesuai ialah Tiga Dimensi Enterprise yang menunjukkan nama jenis milikan tunggal.
- 6 **B**
Ulasan: Perbezaan yang betul antara syarikat sendirian berhad dan syarikat awam berhad ialah berkaitan urusan saham. Bagi syarikat sendirian berhad tidak boleh diniagakan saham di Bursa Malaysia kerana syarikat ini lebih kecil berbanding syarikat awam berhad serta pemegang saham juga hanya terdiri daripada ahli keluarga dan rakan rakan rapat. Sebaliknya bagi syarikat awam berhad, saham boleh diurusniagakan di Bursa Malaysia disebabkan syarikat ini lebih besar kerana mengumpul modal melalui orang awam dengan cara menerbitkan saham.
- 7 **A**
Ulasan: Francaisor ialah syarikat induk yang memiliki hak asal atas jenama produk. Francaisor akan menyediakan produk dan sistem perniagaan. Manakala francaisi yang menjalankan perniagaan francais ini menghadapi risiko kegagalan yang rendah kerana jenama francais itu sudah terkenal dan diberikan latihan serta mempunyai pengurusan yang sistematik.

8 **A**

Ulasan: Francaisi juga bertanggungjawab untuk membayar fi tertentu kepada francaisor. Fi ini merupakan royalti atau yuran kepada syarikat induk untuk mendapatkan lesen menggunakan jenama perniagaan francais.

9 **C**

Ulasan: Usaha sama ialah satu perkongsian strategik antara dua atau lebih individu atau syarikat dan mereka bersetuju untuk bekerjasama mengeluarkan barang atau perkhidmatan dalam jangka masa tertentu.

10 **C**

Ulasan: Gambar 1 merupakan sejenis pemilikan sendirian berhad. Ciri-ciri pemilikan sendirian berhad termasuklah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965 dan ahli menanggung liabiliti terhad, iaitu jika syarikat mufliis, pemegang syer hanya rugi setakat modal yang dilaburkan sahaja.

11 **B**

Ulasan: Ciri-ciri koperasi termasuklah setiap ahli mempunyai kepentingan yang sama serta berhak bersuara kerana modal disumbangkan oleh anggota dan mempunyai hak dalam membuat keputusan. Setiap anggota dalam koperasi mempunyai hak untuk terlibat dalam pembuatan keputusan yang berkaitan dengan koperasi.

12 **B**

Ulasan: Bentuk perniagaan hasil gabungan syarikat Malaysia dan syarikat asing ialah usaha sama. Usaha sama dilaksanakan adalah untuk meningkatkan kedudukan syarikat, perkongsian kepakaran dan menambahkan keuntungan perniagaan pemilik.

13 **B**

Ulasan: Sektor utama (primer meliputi semua aktiviti pengekstrakan sumber semula jadi dengan mengeluarkan bahan mentah atau hasil alam semula jadi dari bumi atau laut. Oleh itu, aktiviti yang terlibat dalam sektor primer ialah Haikal menternak udang dalam kolam.

14 **B**

Ulasan: Sektor X ialah sektor sekunder atau kedua. Sektor sekunder melibatkan pemprosesan bahan mentah untuk menghasilkan barang siap atau barang separuh siap. Bidang pekerjaan yang dikategorikan dalam sektor X ialah pemasangan kereta.

15 **C**

Ulasan: Klasifikasi saiz perniagaan yang tepat ialah maklumat I, iaitu saiz kecil kerana jualan tahunan RM 300 000 hingga kurang daripada RM15 juta. Manakala maklumat II ialah saiz sederhana yang menunjukkan bilangan pekerja tetap 75 orang hingga kurang daripada 200 orang.

16 **D**

Ulasan: Faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi sumber persekitaran perniagaan ialah sumber manusia dan politik. Sumber manusia merujuk kepada pekerja yang sedang berkhidmat dalam sesebuah organisasi perniagaan. Selain itu, keputusan dalam sesebuah perniagaan turut dipengaruhi oleh perkembangan politik.

17 **B**

Ulasan: Inflasi merupakan satu fenomena kenaikan harga barang dan perkhidmatan secara berterusan. Punca berlakunya inflasi adalah disebabkan peningkatan tinggi permintaan berbanding penawaran barang dan kenaikan kos pengeluaran barang dan perkhidmatan.

18 **A**

Ulasan: Tindakan yang perlu dilakukan bagi menangani jualan sedemikian ialah mengeluarkan produk baharu dan meningkatkan pengeluaran secara besar-besaran. Persekitaran perniagaan ini ialah trend mendatar menggambarkan keadaan konsisten dalam perniagaan. Peniaga perlu memainkan peranan penting untuk meningkatkan aktiviti dan operasi untuk mengembangkan perniagaan.

19 **D**

Ulasan: Tugas Puan Maria sebagai seorang pekerja di bahagian pentadbiran sebuah syarikat ialah menyelia fail dan dokumen syarikat. Bahagian fungsian pentadbiran turut berperanan menjalankan urusan dalaman organisasi perniagaan seperti mengurus, menyimpan dan menerima rekod.

20 **A**

Ulasan: Bahagian fungsian tersebut ialah jualan. Bahagian fungsian ini juga melakukan rundingan dengan pengguna berkaitan dengan diskaun dan terma syarat.

21 **D**

Ulasan: Bahagian fungsian teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) memainkan peranan penting untuk mengurus dan menyelaras pembangunan perkakasan dalam sistem aplikasi teknologi maklumat serta rangkaian Intranet dan Internet sesebuah organisasi perniagaan. Selain itu, bahagian ini juga bertanggungjawab terhadap keselamatan sistem ICT.

22 **B**

Ulasan: E-dagang ialah satu sistem urusan perniagaan berkaitan dengan tempahan, pembelian dan pembayaran dilakukan secara dalam talian (*online*). Kelebihan e-dagang juga dapat meluaskan liputan pasaran.

23 **C**

Ulasan: Pihak perniagaan boleh membuat perkongsian urusan perniagaan dengan pelanggan melalui laman sosial. Manfaat yang diperoleh dengan menggunakan kemudahan laman sosial adalah seperti dapat mengiklankan barang atau perkhidmatan dan meluaskan rangkaian rakan perniagaan. Namun terdapat beberapa risiko yang dihadapi oleh peniaga sekiranya menggunakan saluran tersebut, iaitu komen negatif terhadap produk dan terdedah kepada penipuan bayaran.

24 **C**

Ulasan: Bahagian fungsian yang bertanggungjawab terhadap perkara tersebut ialah sumber manusia. Pengurusan sumber manusia melibatkan aktiviti perancangan sumber manusia, pengrekrutan dan pemilihan (temu duga), penilaian prestasi dan kebajikan pekerja dalam organisasi.

25 **D**

Ulasan: Gambar 2 menunjukkan perubahan televisyen yang telah diubah suai dari televisyen lama kepada yang terkini. Bahagian fungsian tersebut ialah penyelidikan dan pembangunan. Penyelidikan dan pembangunan (R&D) melibatkan pembangunan produk baharu dan penambahbaikan produk yang sedia ada.

26 **A**

Ulasan: Bahagian fungsian yang bertanggungjawab menangani masalah ini ialah pemasaran. Aktiviti pemasaran yang berkesan dapat mencipta permintaan bagi sesuatu barang dan perkhidmatan serta mampu meningkatkan keuntungan kepada peniaga. Fungsian pemasaran boleh

mempromosikan barang dan perkhidmatan melalui pelbagai cara pengiklanan dan kaedah promosi.

27 **D**

Ulasan: Jawatan yang terlibat dalam bahagian fungsian kewangan ialah pegawai kredit. Pegawai kredit membantu akauntan dalam menyelia rekod-rekod kewangan dan mengurus semua bentuk hutang.

28 **C**

Ulasan: Bahagian fungsian pembelian berperanan untuk menentukan kuantiti dan spesifikasi barang yang dibeli adalah tepat. Bahagian ini juga turut berperanan menentukan pemilihan pembekal yang bersesuaian dan cekap serta memastikan barang diterima tepat pada masa dan lokasi yang telah ditentukan.

29 **A**

Ulasan: Aplikasi teknologi maklumat yang digunakan untuk membuat tempahan dan pengesahan pembelian barang ialah e-dagang. Penggunaan kaedah ini membolehkan perniagaan mendapat faedah, iaitu meningkatkan hasil jualan sekali gus memudahkan pekerja memenuhi kehendak pelanggan.

30 **A**

Ulasan: Bahagian fungsian teknologi maklumat dapat membantu peniaga menjual produknya secara atas talian. Pasaran perniagaan dapat diperluas ke tahap global melalui kemajuan teknologi maklumat tanpa sempadan.

31 **B**

Ulasan: Encik Rahim terlibat dalam interaksi dengan pembekal. Interaksi berlaku apabila perniagaan membuat tempahan atau pembelian dengan pembekal. Setiap 3 hari Encik Rahim akan berurusan dengan pembekal, iaitu pemborong Hidayah berkaitan penerimaan bahan mentah perniagaannya.

32 **A**

Ulasan: Antara kepentingan yang diperoleh peniaga yang berinteraksi dengan organisasi luar ialah menambah sumber perniagaan seperti pembekalan bahan mentah, pembiayaan dan kepakaran. Selain itu, peniaga juga dapat mewujudkan jaringan perniagaan ke tahap yang lebih baik sekali gus membantu mengukuhkan sistem operasi dan kelangsungan perniagaan dalam pasaran.

33 **D**

Ulasan: X ialah latihan dan pembangunan. Pelaksanaan program induksi dan program latihan pekerja baharu dan sedia ada boleh dijalankan. Selain itu, pembangunan pekerja melibatkan proses meningkatkan keupayaan pekerja untuk menerima tugas baharu.

34 **B**

Ulasan: Aspek yang mampu meningkatkan kecekapan pekerja ialah apabila tugas diagihkan mengikut kebolehan. Ini sangat penting agar pekerja dapat memberikan sumbangan kepakaran dan kebolehan mereka dalam melaksanakan tugas mereka lebih mudah, cekap dan berkesan. Hubungan harmonis yang wujud juga mampu meningkatkan kecekapan apabila pekerja berasa selesa dan seronok bekerja dalam persekitaran yang baik.

35 **D**

Ulasan: Unit latihan dan pembangunan berfungsi menyediakan program induksi untuk pekerja. Program ini diberikan kepada pekerja baharu bagi memperkenalkan tentang perniagaan atau syarikat serta bidang tugas pekerjaan mereka serta program latihan kemahiran.

36 **D**

Ulasan: Faktor yang akan dipertimbangkan oleh pihak bank untuk meluluskan pinjaman ialah nilai aset yang dicagar dan tempoh bayaran balik pinjaman. Nilai aset yang dicagar perlulah lebih tinggi daripada nilai pinjaman dan tempoh bayaran balik perlulah mengikut kelayakan dan kemampuan perniagaan.

37 **A**

Ulasan: Penyata kewangan penting kepada pihak pengurusan untuk menilai prestasi perniagaan, membuat pertimbangan untuk pemberian ganjaran seperti bonus dan menentukan jumlah dividen yang perlu dibayar. Pelabur juga memerlukan penyata kewangan untuk membuat keputusan melabur atau melepaskan pegangan saham syarikat. Penyata kewangan yang baik dapat meyakinkan pelabur untuk melabur dalam perniagaan.

38 **D**

Ulasan: Sesetengah iklan yang disiarkan di televisyen tidak mempamerkan harga produk kerana untuk mendorong pengguna mencari produk tersebut dan ia meningkatkan peluang serta kebarangkalian pengguna untuk membeli produk. Sebagai usahawan perlu cuba menarik perhatian pengguna dengan keadaan produk dan membuatkan pengguna berminat dengan sebab serta kepentingan produk itu sendiri berbanding harga.

39 **C**

Ulasan: Tindakan yang boleh diambil oleh Encik Rashid bagi memulihkan perniagaannya ialah mengubah strategi pemasaran produk, iaitu menggunakan strategi 4P yang terkini. Strategi 4P, iaitu produk, agihan, harga dan promosi perlu diubah dan dirancang semula dalam meningkatkan prestasi jualan kasut sukan.

40 **D**

Ulasan: Media pengiklanan yang sesuai digunakan bagi menjalankan promosi pembukaan pasar mini ialah risalah dan poster. Risalah boleh diedarkan kepada penduduk sekitar kawasan perumahan tersebut dan menampal poster di beberapa tempat yang jelas dan terang agar dapat dilihat oleh penduduk.

Bahagian A

Soalan	Isi	Markah
1(a)	F – Untuk menawarkan barang/perkhidmatan	1
	H – Bertujuan memenuhi keperluan/kehendak masyarakat	1
	H – Bermotifkan untuk mendapatkan keuntungan/organisasi bermotifkan untung	1
	C – Contoh apa sahaja yang menunjukkan untung/contoh bentuk barangan jualan yang spesifik	1
	[Mana-mana 1F + 1H + 1C = 3m]	[Maksimum: 3 markah]
1(b)	H – Melibatkan tanggungan/liabiliti terhad	1
	H – Hanya setakat modal yang dilaburkan sahaja	1
	H – Harta peribadi pemilik tidak terlibat dalam urusan perniagaan	1
	H – Tidak mempunyai sebarang kuasa dalam pengurusan perniagaan	1
	H – Hanya khusus diberikan kepada rakan kongsi berhad	1
	H – Semua liabiliti ditanggung oleh sekurang-kurangnya seorang pekongsi/pekongsi biasa	1
		[Maksimum: 3 markah]
1(c)(i)	H – Modal yang diperuntukkan lebih besar	1
	H – Bilangan ahli dalam syarikat lebih ramai/(2-50 orang)	1
	H – Modal yang dikumpulkan melalui terbitan syer	1
	H – Segala hal ehwal syarikat adalah dirahsiakan	1
	H – Semua laporan kewangan adalah rahsia/tidak perlu diumumkan kepada orang ramai	1
	H – Liabiliti adalah terhad	1
	H – Kerugian ditanggung pemegang syer hanya setakat modal yang dilaburkan sahaja/tiada melibatkan harta peribadi	1
	H – Dapat berkongsi kepakaran/pengalaman/kemahiran	1
	H – Kewujudan syarikat akan kekal berterusan	1
	H – Pengurusan syarikat diuruskan oleh tenaga profesional/Lembaga Pengarah	1
		[Maksimum: 2 markah]
1(c)(ii)	H – Perlu mendapatkan modal perniagaan yang lebih besar	1
	H – Perlu menerbitkan syer tambahan/pemilikan perniagaan ditukarkan	1
	H – Aktiviti promosi yang lebih giat dan aktif perlu dilakukan	1
	H – Contoh mana-mana yang sesuai dengan promosi/seperti atas talian/pengiklanan	1
	H – Perlu menghasilkan perabot yang lebih berkualiti	1
	H – Perabot yang memenuhi cita rasa/perabot moden/canggih/mana-mana contoh yang sesuai	1
	H – Saluran agihan yang sesuai perlu digunakan	1
	H – Melakukan usaha sama/français/buka cawangan	1
	H – Melaksanakan harga yang kompetitif	1
	H – Menggunakan teknologi	1
	H – Mengeluarkan perabot secara besar-besaran	1
	H – Contoh Agensi MATRADE	1
		[Maksimum: 2 markah]

Soalan	Isi	Markah
2(a)(i)	H – Pekerja bekerja dalam tempoh masa pendek pada setiap tahun/tempoh tertentu	1
	H – Setelah tamat tempoh/kontrak pekerja perlu mencari pekerjaan lain	1
	H – Contoh: pekerja yang bekerja di bahagian pembinaan/penoreh/mana-mana contoh yang sesuai	1
		[Maksimum: 2 markah]
2(a)(ii)	H – Berlaku waktu kemelesetan ekonomi/deflasi	1
	H – Perniagaan tidak mampu membayar gaji pekerja/kehilangan sebahagian pendapatan/tidak mendapat untung	1
	H – Bilangan pekerja terpaksa dikurangkan oleh majikan/pekerja diberhentikan	1
	H – Contoh: Syarikat Suzuki menutup beberapa kilang dan membuang pekerja disebabkan kemelesetan ekonomi/mana-mana contoh yang sesuai	1
		[Maksimum: 2 markah]
2(b)	H – Pemberian insentif diberikan kepada peniaga bagi mengatasi masalah pemberhentian pekerja/bantuan modal diberikan	1
	H – Syarikat dikecualikan cukai atas gaji pekerja supaya terus diambil bekerja bagi tempoh masa tertentu/potongan cukai berkurangan	1
	H – Contoh bentuk bantuan yang diberikan oleh kerajaan yang sesuai	1
		[Maksimum: 2 markah]
2(c)	H – Untuk memastikan syarikat memiliki pekerja yang cukup/merekrut/mengambil pekerja baharu	1
	H – Mewujudkan polisi pembangunan kerjaya pekerja	1
	H – Membentuk satu sistem pertukaran/perlu mengikut kebolehan	1
	H – Memberikan peluang kenaikan pangkat kepada pekerja	1
	H – Mengawasi dan memantau tingkah laku pekerja	1
	H – Mewujudkan satu sistem tindakan yang berkaitan dengan disiplin/mewujudkan polisi atau undang-undang untuk pekerja	1
	H – Mewujudkan satu program induksi bagi pekerja baharu/memberikan pekerja program latihan kemahiran/kursus	1
	H – Meningkatkan kemahiran pekerja/membangunkan pekerja menjadi pekerja yang cekap/menerangkan kepada pekerja skop tugas masing-masing	1
	H – Membantu menyelesaikan sebarang permasalahan semasa proses perbincangan dijalankan/mewujudkan hubungan baik	1
	H – Mewujudkan sistem penggajian yang menarik/majikan menjaga kebajikan pekerja	1
	H – Memastikan pekerja kekal setia dalam organisasi	1
		[Maksimum: 4 markah]
3(a)(i)	H – Perancangan organisasi/penetapan hala tuju/merancang masa depan yang ingin dicapai	1
	H – Menggalakkan semua pihak memahami/bekerjasama untuk mencapai visi	1
	H – Mencapai matlamat perniagaan dalam jangka masa panjang/melebihi lima tahun	1
	H – Semua pihak dapat menterjemahkan tindakan untuk mencapai visi	1
	H – Sebagai garis panduan/bagi membuat keputusan	1
		[Maksimum: 2 markah]

Soalan	Isi	Markah
3(a)(ii)	H – Dapat memudahkan pihak pengurusan yang terlibat mengagihkan sumber kepada bahagian/unit dalam organisasi	1
	H – Penggunaan sumber secara cekap/berkesan	1
	H – Sebagai garis panduan menilai keperluan setiap bahagian	1
	H – Sebagai satu asas dalam pembuatan objektif/menerangkan perkara yang hendak dicapai/ Pernyataan ringkas untuk mencapai visi	1
	H – Menjelaskan setiap aktiviti-aktiviti yang sedang dilaksanakan	1
		[Maksimum: 2 markah]
3(a)(iii)	H – Untuk menyelaraskan pernyataan setiap misi dan visi	1
	H – Memberikan kemudahan semua pihak bagi mencapai sasaran yang telah ditetapkan	1
	H – Menunjukkan secara spesifik sasaran yang ingin dicapai	1
		[Maksimum: 2 markah]
3(b)(i)	F – Bahan mentah/daging/ayam/ikan	1
		[Maksimum: 1 markah]
3(b)(ii)	H – Membuat pemeriksaan berperingkat secara berterusan	1
	H – Melakukan kawalan awalan/memastikan daging adalah berkualiti/berada dalam keadaan baik/menepati spesifikasi	1
	H – Melakukan kawalan semasa/memastikan bekalan stok sentiasa mencukupi/ bekalan berterusan/proses pembuatan mengikut standard ditetapkan	1
	H – Melakukan kawalan selepas/membuat pemeriksaan produk/pastikan daging burger mengikut standard/pemeriksaan secara berkualiti	1
		[Maksimum: 3 markah]
4(a)	H – Bagi melindungi suatu hak cipta dalam perniagaan/paten perniagaan/jenama perniagaan	1
	H – Supaya produk tidak diciplak/ditiru oleh perniagaan lain/perniagaan mendapat hak eksklusif	1
	H – Agar dapat mengekalkan kepercayaan pengguna terhadap pengeluar asal	1
	H – Menghindar/mengelakkan supaya tidak disabotaj oleh syarikat lain/elak syarikat lain mendapat keuntungan dengan mudah	1
	H – Melindungi imej syarikat/nama baik	1
	H – Supaya dapat memperolehi pulangan/menampung kos kajian/operasi/ penyelidikan	1
	H – Melakukan dakwaan kepada syarikat yang melakukan peniruan/ciplak	1
	H – Mengelakkan berlakunya masalah kerugian/penyelewengan	1
	H – Untuk menggunakan perisian/harta intelek/kemahiran secara sah	1
		[Maksimum: 3 markah]
4(b)	H – Membuat pembayaran cukai syarikat/melakukan taksiran cukai pendapatan	1
	H – Mengawasi prestasi kewangan perniagaan	1
	H – Mengenal pasti syarikat yang melanggar akta percukaian/peraturan yang telah ditetapkan	1
	H – Mengumpul data untuk tujuan tertentu/mana-mana contoh kegunaan data yang sesuai	1
	H – Memperolehi bantuan modal/pelepasan cukai daripada agensi kerajaan/beri bantuan modal	1
		[Maksimum: 3 markah]

Soalan	Isi	Markah
4(c)	F1 – Sumber pembiayaan dalaman/simpanan sendiri/secara tunai	1
	H1 – Dapat mengelakkan syarikat daripada berhutang	1
	H2 – Mendapat harga yang lebih murah/diskaun	1
	H3 – Mendapat hak milik segera/dokumentasi lebih mudah	1
	H4 – Boleh menambah aset	1
	H5 – Memperoleh jaminan daripada syarikat penjual	1
	ATAU	
	F2 – Secara pajakan/sumber pembiayaan luaran	1
	H6 – Hanya mengeluarkan modal sedikit	1
	H7 – Hanya melakukan pembayaran sewa	1
	H8 – Kos kerosakan mesin ditanggung oleh syarikat pajakan/kos kerosakan mesin pencetak ditanggung oleh syarikat pajakan	1
	H9 – Memiliki modal kerja yang banyak/pembayaran sewa rendah	1
	H10 – Tiada tanggungan risiko keusangan aset	1
	H11 – Dapat mengurangkan pembayaran cukai	1
		[Maksimum: 4 markah]
5(a)	F1 – Matlamat peribadi	1
	H1 – Sumber pendapatan untuk menyara diri dan keluarga/meningkatkan pendapatan/ masa pengurusan fleksibel/kebebasan mengurus jadual kerja/menanggung kos sara hidup/membentuk keperibadian/menjalankan ibadah/mendapatkan pengalaman/memperoleh kemahiran/untuk menguruskan perniagaan sendiri	1
	C1 – Membuka kedai/mana-mana contoh yang sesuai	1
	F2 – Objektif perniagaan	1
	H2 – Memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat/menghasilkan pelbagai jenis produk/menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat/ mengembangkan pemilihan dan penawaran/membangunkan ekonomi negara/ meningkatkan pembangunan di sesuatu tempat/mengurangkan kebergantungan dengan barangan luar negara atau import	1
	C2 – Contoh kerjaya/mana-mana contoh yang sesuai	1
	F3 – Keberuntungan perniagaan/cari untung	1
	H3 – Melaksanakan tanggungjawab sosial/meningkatkan imej perniagaan/ memperolehi sumber manusia yang memiliki kepakaran dan pengalaman/ meluaskan kawasan pasaran/dapat menggunakan peralatan dan teknologi terkini	1
	C3 – Menderma/contoh yang sesuai	1
	[Mana-mana 1F + 1H + 1C = 3m]	
5(b)	H – Menyemak urus niaga/wang masuk dan keluar bagi suatu tempoh	1
	H – Mengenal pasti kesilapan catatan	1
	H – Sebagai bukti melakukan pembayaran/pindahan wang/penerimaan wang	1
	H – Sebagai dokumen rujukan untuk membuat pinjaman	1
	H – Mengetahui baki akaun setiap akhir tempoh/sesuatu masa/sebulan	1
	H – Mengetahui amaun overdraf	1
	H – Penyelarasan baki dalam buku tunai/merekod kewangan	1
	H – Sebagai perancangan perbelanjaan masa depan/bajet/buat belanjawan	1
		[Maksimum: 3 markah]

Soalan	Isi	Markah
5(c)(i)	Kos tetap/kos tak berubah	[Maksimum: 1 markah]
5(c)(ii)	H – Mendapat keuntungan/hasil jualan meningkat H – Pengeluaran melebihi 500 unit H – Jumlah hasil melebihi jumlah kos H – Meningkatkan kecekapan lebih tinggi H – Kos seunit pengeluaran menjadi rendah H – Pengeluaran dapat dilakukan besar-besaran/menikmati ekonomi bidangan H – Pengeluaran meningkat/produktiviti meningkat/permintaan meningkat	1 1 1 1 1 1 1 [Maksimum: 3 markah]
6(a)	H – Kemahiran pembangunan watak diri/penampilan diri/sahsiah diri H – Mempunyai penampilan diri yang kemas/mana-mana ciri-ciri usahawan H – Usahawan menumpukan kepada sesuatu usaha/fokus tenaga H – Mempunyai hubungan baik dengan pasangan/keluarga/hubungan kekeluargaan/semua pihak H – Mempunyai keupayaan untuk membentuk atau membina jenama/imej perniagaan H – Mempunyai keupayaan untuk menyelesaikan masalah kecil terlebih dahulu/dapat menyelesaikan masalah kecil dengan segera	1 1 1 1 1 1 [Maksimum: 3 markah]
6(b)	H – Produk yang dihasilkan berkualiti/mempunyai ketahanan lama H – Mempunyai rupa bentuk yang menarik/terkini/moden/model jenama/gaya yang tersendiri H – Mudah digunakan/mesra pengguna/fleksibel/mudah di bawa ke mana-mana H – Selamat digunakan/tidak memudaratkan alam/mesra alam/teknologi hijau H – Mempunyai pelbagai fungsi produk H – Mempunyai warna yang sesuai/mengikut cita rasa pengguna H – Mempunyai pembungkusan yang menarik H – Mempunyai saiz produk yang bersesuaian H – Memiliki label produk/logo halal	1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Maksimum: 3 markah]
6(c)	F1 – Produk H1 – Mempunyai ketahanan yang lama/rupa bentuk menarik dan disukai pengguna/berkualiti tinggi F2 – Harga H2 – Perlu sepadan dengan kualiti yang dihasilkan/RM1000 (Harga barang murah) F3 – Promosi H3 – Diiklankan di media elektronik/diketahui umum/liputan meluas/potongan RM200/Diskaun 20%/RM800 F4 – Tempatkan H4 – Boleh didapati di cawangan berhampiran/penghantaran percuma [Mana-mana 2F + 2H = 4m]	1 1 1 1 1 1 1 1 [Maksimum: 4 markah]

Bahagian B

Soalan	Isi	Markah
7(a)	H – Menggunakan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi sepenuhnya dalam urusan perniagaan	1
	H – Menggunakan kaedah e-pemasaran/produk dipasarkan secara <i>online</i> atau atas talian	1
	H – Pelanggan dapat mengetahui maklumat berkaitan dengan perkhidmatan yang disediakan	1
	H – Pelanggan boleh membuat pertanyaan secara terus sebelum membuat tempahan	1
	H – Maklumat berkaitan perkhidmatan dapat disampaikan dengan menarik	1
	H – Contoh: Menggunakan kesan animasi/3 Dimensi/berwarna-warni	1
	H – Boleh memuat naik gambar/reka bentuk/gambar hiasan	1
	H – Boleh mendapat liputan pasaran yang luas/jumlah pelanggan menjadi semakin ramai	1
	H – Mengiklankan perniagaannya melalui laman sosial	1
	H – Contoh: laman web/e-mel/Whatsapp/Telegram/Facebook/Instagram	1
	H – Meningkatkan hasil jualan/keuntungan	1
	H – Pelanggan dapat membuat tempahan atas talian dengan segera	1
	H – Urusan pembayaran lebih mudah	1
	H – Boleh menggunakan <i>e-banking/Internet banking</i> /pindahan kredit	1
	[Maksimum: 8 markah]	
7(b)	Kelemahan Perkongsian	1
	H – Perlu terikat dengan perjanjian perkongsian	1
	H – Mudah terjadi perselisihan faham/konflik/perbezaan pendapat	1
	H – Mudah terbubar/contoh yang sesuai	1
	H – Keuntungan yang diterima perlu dibahagi sesama rakan kongsi	1
	H – Segala tindakan yang dilakukan oleh rakan kongsi boleh menyebabkan imej perniagaan terjejas	1
	H – Kesukaran dalam membuat keputusan/perlu mendapatkan persetujuan rakan kongsi	1
	Kelebihan Milikan Tunggal	1
	H – Perniagaan milikan tunggal lebih mudah diuruskan	1
	H – Mempunyai saiz perniagaan yang kecil	1
	H – Mempunyai bilangan pekerja tidak ramai/lima orang	1
	H – Kebebasan dalam menguruskan perniagaan	1
	H – Tidak dipengaruhi oleh pihak ketiga	1
	H – Boleh menjalankan perniagaan di mana-mana/bila-bila masa	1
	H – Keputusan mudah dibuat dengan segera	1
	H – Segala keuntungan adalah milik sepenuhnya pemilik	1
	H – Mempunyai inisiatif bekerja/bermotivasi tinggi memajukan perniagaan	1
	[Mana-mana 7H]	[Maksimum: 7 markah]
8(a)	F – D'Buku Enterprise	1
	H – Peratus pulangan atas modal lebih tinggi	1
	H – Setiap RM1 modal dilaburkan, untung bersih diperoleh RM0.30 berbanding RM 0.25	1

Soalan	Isi				Markah
8(b)	H – Cara Pengiraan seperti jadual di bawah:				
			Dynamic Book Store	D'Buku Enterprise	
	Analisis Nisbah Untung	% Pulangan atas modal $\frac{\text{Untung Bersih}}{\text{Modal Awal}} \times 100\%$ (1m)	$\frac{25\,000}{100\,000} \times 100\%$ = 25% (1m)	$\frac{45\,000}{150\,000} \times 100\%$ = 30% (1m)	1 1 1
	H – Nisbah semasa lebih baik				1
	H – Setiap RM1 liabiliti semasa, perniagaan mempunyai RM2 aset semasa untuk menjelaskannya berbanding RM1.25/kemampuan membayar hutang jangka pendek/liabiliti semasa				1
	H – Cara Pengiraan seperti jadual di bawah:				
			Dynamic Book Store	D'Buku Enterprise	
	Analisis Nisbah Kecairan	Nisbah Semasa $\frac{\text{Aset Semasa}}{\text{Liabiliti Semasa}} \times 100\%$ (1m)	$\frac{25\,000}{20\,000} \times 100\%$ = 1.25: 1 (1m)	$\frac{50\,000}{25\,000} \times 100\%$ = 2: 1 (1m)	1 1 1
	H – Pusing ganti stok lebih pantas				1
	H – Sebanyak empat kali stok telah habis dijual dan telah diganti dengan stok baharu dalam tempoh enam bulan berbanding 3.3 kali				1
	H – Cara pengiraan seperti dalam jadual di bawah:				
			Dynamic Book Store	D'Buku Enterprise	
	Analisis Nisbah Kecekapan	Pusing Ganti Stok $\frac{\text{Kos Jualan}}{\text{Stok Purata}} \times 100\%$ (1m)	$\frac{40\,000}{12\,000} \times 100\%$ = 3.33 (1m)	$\frac{60\,000}{15\,000} \times 100\%$ = 4: 0 kali (1m)	1 1 1
					[Maksimum: 6 markah]
	H – Meningkatkan aktiviti jualan/melaksanakan strategi promosi yang lebih berkesan				1
	H – Melakukan promosi jualan produk kepada pengguna				1
	H – Contoh: Melalui promosi jurujual/promosi kepada pengguna dengan memberikan diskaun/pakej pelancongan				1
	H – Melakukan pengiklanan				1
	H – Contoh: Menggunakan media elektronik/televisyen/Internet/media massa				1
	H – Publisiti				1
	H – Mana-mana contoh yang sesuai/melalui media massa				1
	H – Jualan langsung				1
	H – Ekspo buku/bersemuka/contoh sesuai/pameran jualan				1
	H – Hutang perlu dikutip dengan segera				1
	H – Membuat pengurangan risiko hutang lapuk				1
	H – Tidak melakukan pembelian stok secara berlebihan				1
	H – Strategi pembelian stok disusun semula				1
	H – Melakukan pembelian stok secara berhemah				1
	H – Gaya pengurusan yang diamalkan adalah disukai pekerja				1
	H – Pemberian insentif yang lebih baik diberikan kepada pekerja bagi meningkatkan jualan				1
					[Maksimum: 9 markah]

Soalan	Isi	Markah
9(a)	F1 – Modal	1
	H1 – Terdiri daripada sumber yang jelas/mempunyai syarat fleksibel/mencukupi/ sumber pembiayaan dalaman/sumber pembiayaan luaran	1
	C1 – Contoh simpanan sendiri/pinjaman MARA	1
	F2 – Kemahiran	1
	H2 – Mempunyai pengetahuan berkaitan penyajian nasi lemak/penggunaan teknologi maklumat	1
	C2 – Suzie boleh mengikuti kelas kulinari/mengambil kursus pensijilan di institusi latihan awam/swasta	1
	F3 – Pemasaran	1
	H3 – Mengamalkan konsep 4P/produk/promosi/harga/agihan/sasaran pasaran/ promosi dijalankan dengan berkesan/ agihan dilakukan dengan cekap/mencipta produk nasi lemak yang lazat/berkualiti/pembungkusan menarik/harga berpatutan	1
	C3 – Melaksanakan aktiviti iklan di media bersesuaian contohnya di radio/ penghantaran yang cepat/menawarkan harga yang istimewa	1
	F4 – Stok	1
	H4 – Bahan asas yang mencukupi/mudah didapati/telah sedia ada/dibekalkan secara kredit	1
	C4 – Bekalan ramuan masakan/beras/mengetahui pembekal seperti Syarikat Faiza	1
	F5 – Bantuan profesional	1
	H5 – Pihak yang pakar dalam mengendalikan laman web	1
	C5 – Mengenali/menghubungi pihak agensi pemasaran awam/swasta/penggunaan kepakaran MARA/TEKUN	1
	F6 – Latihan	1
	H6 – Mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan	1
	C6 – Mendapatkan ilmu berkaitan pengurusan perniagaan/motivasi	1
	[<i>Mana-mana</i> $2F + 2H + 2C = 6m$]	
9(b)	H – Akta Pendaftaran Perniagaan 1956	1
	H – Setiap perniagaan wajib didaftarkan/perniagaan perlu didaftarkan	1
	H – Didaftarkan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	1
	H – Pendaftaran dalam tempoh 30 hari tarikh perniagaan dimulakan	1
	H – Tindakan denda sebanyak RM50 000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya	1
	H – Memperoleh permit/lesen/surat kebenaran daripada pihak berkuasa tempatan/ Kementerian Kesihatan Malaysia	1
	H – Segala aktiviti perniagaan boleh dikawal/mengumpul maklumat peniaga	1
	H – Memudahkan penguatkuasaan dilakukan	1
	H – Nama perniagaan boleh ditentukan supaya tidak sama dengan perniagaan lain/ barang kelulusan nama perniagaan	1
	H – Menyediakan wang pembayaran RM30 bagi penggunaan nama atas nama sendiri	1
	H – Menyediakan wang pembayaran RM60 bagi penggunaan nama atas nama lain	1
	H – Mempamerkan Borang D/lesen perniagaan di tempat yang jelas di premis perniagaan	1
	H – Menghadiri kursus pengendalian makanan	1
		[Maksimum: 6 markah]

Soalan	Isi	Markah
	Implikasi	
	H – Pengguna akan lebih yakin dengan perniagaan Suzie/perniagaan dijalankan secara lancar	1
	H – Menjaga kebersihan/tidak menjejaskan kesihatan/selamat	1
	H – Perniagaan dijalankan secara sah	1
	H – Perniagaan dijalankan ikut peraturan/tiada unsur penipuan/penyelewengan	1
	H – Peniaga memakai pakaian kemas/apron/menutup kepala/kasut	1
	H – Pembayaran cukai	1
	H – Nama baik/imej perniagaan akan terjaga	1
	H – Penularan berkaitan nasi lemak di media sosial	1
		[Maksimum: 9 markah]

Bahagian C

Soalan	Isi	Markah
10(a)	F1 – Saiz kecil	1
	H – Jualan tahunan kecil/jualan tahunan RM300 000/RM315 000/kurang daripada RM 3 juta	1
	H – Bilangan pekerja tetap 10 orang/kurang 30 orang	1
	F2 – Sektor ketiga/tertier	1
	H2 – Membekalkan perkhidmatan/menjual kek	1
	$[Mana-mana 2F + 2H = 4m]$	[Maksimum: 4 markah]
10(b)	Setuju	
	H – Dapat menjimatkan/mengurangkan kos	1
	H – Saiz bungkusan yang pelbagai akan meningkatkan kos	1
	H – Cara pembungkusan yang dibuat adalah menarik/berkualiti/selamat	1
	H – Mempunyai warna/berwarna	1
	H – Terdapat maklumat penting yang disediakan/tanda harga/tanda halal/ilustrasi bermaklumat	1
	H – Boleh menikmati pelbagai perisa kek	1
	H – Dapat membina nama baik/imej popular/mudah terkenal	1
	ATAU	
	Tidak setuju	
	H – Cara pembungkusan produk tidak menarik/terlalu ringkas/tidak kreatif/hanya biasa sahaja	1
	H – Tidak mempunyai warna-warni/warna tidak menarik	1
	H – Pelbagai perisa hanya menggunakan satu bungkusan yang sama adalah tidak sesuai digunakan	1
	H – Kekeliruan dalam kalangan pengguna mungkin berlaku semasa memilih perisa yang disukai oleh mereka	1
	H – Kotak mudah rosak/kek mudah tercemar atau rosak/berlakunya pembaziran	1
	H – Untuk meningkatkan jualan	1
	H – Supaya dapat membezakan perisa-perisa yang ada	1
		[Maksimum: 4 markah]

Soalan	Isi	Markah
10(c)	H – Supaya dapat menjadi rakan kongsi lelap	1
	H – Dapat bersama-sama berkongsi keuntungan dalam perniagaan perkongsian	1
	H – Dapat memeriksa rekod dan akaun perniagaan	1
	H – Dapat menumpukan perhatian kepada pekerjaan yang dilakukan asalnya	1
	H – Tidak mahu terlibat dalam kerja pengkhususan perniagaan	1
	H – Tidak perlu mengurus perniagaan	1
	[Maksimum: 5 markah]	
10(d)	H – Trend menurun/jatuh/merosot	1
	H – Semua aktiviti/operasi perniagaan yang dijalankan semakin menurun	1
	H – Bilangan/peratus/jualan sebenar berkurang	1
	H – Perniagaan tidak dapat/gagal mencapai target atau sasaran yang ditetapkan	1
	[Maksimum: 2 markah]	
10(e)	H – Mengikuti latihan/kursus dalam perniagaan	1
	H – Memberi galakan pekerja supaya lebih kreatif/berinovasi/cekap dalam pekerjaan	1
	H – Melakukan penyelenggaraan mesin secara berjadual dan berkala	1
	H – Melakukan naik taraf mesin/pembelian mesin baharu/menggunakan peralatan TMK	1
	H – Melakukan pengeluaran kek sendiri/pembukaan kilang sendiri	1
	H – Melakukan penambahan ruang operasi/bangunan	1
	H – Membuat penambahan bilangan pekerja	1
	H – Memperolehi khidmat nasihat luar/agensi kerajaan	1
	H – Meningkatkan nama baik/imej perniagaan	1
	[Maksimum: 5 markah]	

KERTAS 1**1 A**

Ulasan: Kelebihan bentuk pemilikan Synergy Power Berhad berbanding Kuasa Teguh Sendirian Berhad ialah saham boleh diurus niaga di Bursa Malaysia. Pemegang saham Synergy Power Berhad bebas menjual dan membeli saham di Bursa Malaysia.

2 D

Ulasan: Persamaan antara perniagaan bersaiz kecil dengan perniagaan bersaiz sederhana ialah kedua-duanya adalah fleksibel, iaitu berupaya membuat perubahan strategi perniagaan dengan cepat dan mudah.

3 A

Ulasan: X ialah pembuatan dan perkilangan. Ia melibatkan penghasilan barang melalui proses transformasi input kepada output yang lebih bernilai contohnya aktiviti pemprosesan isi ikan.

4 D

Ulasan: P ialah pengilangan. Pada awal tahun 1990-an sektor kedua, iaitu aktiviti pengilangan mengambil alih sebagai penyumbang utama eksport Malaysia. Q ialah pelancongan. Menjelang abad ke-21, iaitu tahun 2000, penekanan yang lebih tinggi diberikan kepada sektor perkhidmatan termasuklah pelancongan selaras dengan matlamat Malaysia untuk menjadi negara maju.

5 C

Ulasan: Bank Negara Malaysia (BNM) merupakan bank pusat yang berperanan untuk memantau dan mengawal keadaan ekonomi negara termasuklah dalam bidang perniagaan.

6 C

Ulasan: Bagi mengatasi masalah pengangguran bermusim, kerajaan boleh memberi insentif kepada pihak perniagaan supaya pengurusan sesebuah perniagaan, membenarkan pekerja terus bekerja. Contoh insentif ialah pengecualian cukai ke atas pembayaran gaji pekerja yang diambil terus bekerja dalam satu tempoh masa tertentu.

7 B

Ulasan: Persekitaran luaran yang boleh menjayakan sesebuah perniagaan ialah pembekal bahan mentah memberikan kemudahan kredit jangka pendek. Kebiasaannya persekitaran luaran ini berada di luar kawalan syarikat.

8 D

Ulasan: Gaya pengurusan yang ditunjukkan oleh Encik Abas ialah gaya pengurusan autokratik. Gaya pengurusan ini menunjukkan tindakan majikan yang tegas dalam mencapai matlamat yang ditetapkan, iaitu majikan tetap mahukan urusan kerja siap diselesaikan pada hari sebelum esok. Majikan tidak mempunyai keprihatinan dan ini menimbulkan ketidakpuasan hati dalam kalangan setengah pekerja.

9 B

Ulasan: Halangan dalaman yang membantutkan pencapaian wawasan ialah kemahiran teknikal. Ia melibatkan faktor pekerja itu sendiri yang perlu melengkapkan dengan kemahiran teknikal yang mahir dan cekap agar tidak menjejaskan matlamat dicapai.

10 D

Ulasan: Bahagian fungsian pelanggan ialah kebolehan dan keupayaan organisasi perniagaan dalam menyampaikan produk untuk memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan melebihi daripada tahap yang mereka harapkan dan perkhidmatan diberikan secara berterusan dan konsisten.

11 A

Ulasan: Tujuan bahagian fungsian penyelidikan dan pembangunan (R&D) adalah untuk meningkatkan tahap pengeluaran dan pemasaran produk serta menambah baik produk sedia ada.

12 C

Ulasan: Bahagian fungsian pembelian berperanan untuk menentukan kuantiti dan spesifikasi barang yang dibeli adalah tepat. Bahagian ini juga berperanan untuk menentukan pemilihan pembekal yang bersesuaian dan cekap serta memastikan barang diterima tepat pada masa dan lokasi yang telah ditentukan.

13 D

Ulasan: Penggunaan teknologi maklumat penting dalam urusan perniagaan bagi mewujudkan hubungan dan jaringan yang lebih luas. Jaringan dengan pelanggan dan rakan strategik dalam perniagaan dapat dilaksanakan. Hal ini disebabkan oleh tiada lagi halangan komunikasi yang menjejaskan interaksi antara dua buah atau lebih perniagaan.

14 C

Ulasan: Pengurus sumber manusia dapat menjaga kebajikan pekerja terutamanya dari aspek kesihatan dengan menyediakan kemudahan klinik panel bagi pekerja untuk mendapatkan rawatan kesihatan. Hal ini dapat memberikan kemudahan dan meningkatkan jaminan kesetiaan pekerja terhadap syarikat kerana kemudahan kebajikan yang diberikan.

15 A

Ulasan: R ialah bonus. Bonus diberikan pada setiap hujung tahun jika syarikat mendapat keuntungan. S ialah komisen. Jumlah komisen bergantung kepada jumlah jualan yang dilakukan pekerja.

16 A

Ulasan: Prosedur pengurusan tersebut melibatkan sumber fizikal. Prosedur pengurusan sesebuah organisasi mempunyai standard dan prosedur tertentu dalam pengurusan sumber fizikal.

17 A

Ulasan: Sumber fizikal dapat didefinisikan sebagai aset yang berbentuk ketara atau nyata untuk dimanfaatkan oleh organisasi bagi menjalankan perniagaannya. Sumber fizikal dalam sesebuah operasi perniagaan termasuklah tepung gandum dan mesin pengisar.

18 D

Ulasan: Faktor yang dipertimbangkan oleh pihak bank untuk meluluskan sesuatu pinjaman ialah nilai aset yang dicagar perlulah mempunyai nilai yang tinggi daripada nilai pinjaman dan tempoh bayaran balik pinjaman untuk melihat kemampuan peminjam membayar balik secara bulanan.

19 C

Ulasan: Z ialah overdraf. Overdraf merupakan kemudahan kredit yang disediakan oleh bank perdagangan untuk pemegang akaun semasa dan faedah mengikut kadar harian. Overdraf ini sesuai kepada usahawan yang kurang pasti tentang jumlah, masa dan tempoh pembiayaan yang diperlukan.

20 D

Ulasan: Kelemahan sumber pembiayaan dalam modal terhad, iaitu hanya terikat dengan wang simpanan dari rakan dan saudara mara serta sukar menambah modal dalam masa yang singkat.

21 A

Ulasan: Kelebihan pembiayaan sewa beli kepada usahawan ialah perniagaan dapat menggunakan barang modal seperti jentera untuk menghasilkan pendapatan walaupun bayaran belum dijelaskan. Selain itu, perniagaan boleh menggunakan modal perniagaan untuk perbelanjaan perniagaan lain.

22 D

Ulasan: Agensi yang dimaksudkan oleh Mueez ialah Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) kerana TEKUN menawarkan Program Pembangunan Usahawan Bekas Tentera. Oleh itu, ayahnya yang merupakan bekas tentera boleh membuat pinjaman modal bagi membuka perniagaan kedai gunting rambut.

23 C

Ulasan: Kelebihan pinjaman melalui agensi kerajaan berbanding pinjaman bank ialah kadar faedah yang dikenakan adalah yang rendah. Oleh itu, peminjam tidak perlu menanggung liabiliti atau hutang yang tinggi.

24 D

Ulasan: Kos berubah ialah kos yang berubah mengikut tingkat pengeluaran. Contohnya kos bahan mentah. Apabila unit pengeluaran tinggi maka jumlah kos bahan mentah diperlukan juga adalah tinggi, sebaliknya jika unit pengeluaran rendah maka jumlah kos bahan mentah juga adalah rendah.

25 C

Ulasan: Kos tetap ialah kos yang tidak berubah mengikut jangka masa panjang. Kos tetap juga tidak berubah mengikut tingkat pengeluaran. Contohnya sewa, insurans dan bayaran balik pinjaman.

26 B

Ulasan:

Ekuiti pemilik

= Modal awal + Untung bersih – Ambilan

= RM150 000 + RM72 000 – RM570

= RM221 430

27 **D**

Ulasan:

Untung bersih

= Untung kasar + Hasil – Belanja

= Untung kasar + (Faedah atas simpanan +
Komisen diterima) – (Gaji + Insurans + Kadar
bayaran)

= RM46 200 + (RM2 525 + RM1 500) –
(RM3 600 + RM12 000 + RM4 800)

= RM 46 200 + RM4 025 – RM20 400

= RM29 825

28 **B**

Ulasan: Titik pulang modal berlaku pada titik **X**. Titik **X** menggambarkan jumlah hasil sama dengan jumlah kos yang digunakan. Pada titik **X**, perniagaan mendapat titik pulang, iaitu perniagaan tidak mendapat keuntungan atau tidak mengalami kerugian.

29 **A**

Ulasan:

$$\begin{aligned}\text{Titik Pulang Modal} &= \frac{\text{Kos tetap}}{\text{Harga} - \text{Kos berubah seunit}} \\ &= \frac{\text{RM350 000}}{\text{RM60} - \text{RM25}} \\ &= 10\,000 \text{ unit}\end{aligned}$$

30 **A**

Ulasan: Nisbah kecairan merujuk kepada keupayaan syarikat untuk menukarkan ke dalam bentuk tunai untuk tempoh yang singkat. Kesan nisbah kecairan yang tinggi menunjukkan perniagaan mampu mendapatkan tunai untung untuk membayar hutang dalam tempoh yang singkat.

31 **C**

Ulasan: Peranan usahawan kepada masyarakat ialah menyediakan pelbagai jenis barang termasuk produk dan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan dan kehendak pengguna.

32 **D**

Ulasan: Stok gambar 3, iaitu telefon pintar merupakan stok bergerak perlahan dan mengambil masa yang lama untuk dijual. Ia dikatakan sebagai stok berisiko tinggi kerana mudah menjadi rosak atau ketinggalan zaman sekiranya disimpan lama.

33 **D**

Ulasan: Tindakan yang perlu dilakukan oleh Encik Husni selepas perniagaannya diisytiharkan bankrap ialah menamatkan pendaftaran perniagaan dalam tempoh 30 hari dari tarikh penamatan perniagaan.

34 **D**

Ulasan: Rekod pembelian ialah dokumen yang mengandungi catatan aktiviti pembelian yang dilakukan. Contoh dokumen pembelian ialah bil tunai, resit, invoice dan slip daftar tunai.

35 **B**

Ulasan: Tujuan nota kredit dikeluarkan ialah pembeli memulangkan bekas kosong yang telah dicaj dalam invoice dan komisen diberi kepada pembeli. Selain itu, nota kredit juga dihantar dengan tujuan untuk membetulkan kesilapan dan ketinggalan dalam invoice kerana pembeli telah dikenakan lebihan bayaran.

36 **D**

Ulasan: Situasi yang merupakan contoh ambilan oleh pemilik perniagaan ialah memperoleh stok untuk keluarga. Ambilan ini akan mengurangkan modal pemilik.

37 **B**

Ulasan:

Baki Akhir = (Baki h/b + Jumlah penerimaan) –
(Jumlah perbelanjaan)

= (Tunai di tangan + Penerimaan) – (Pembayaran
+ Peralatan)

= (RM50 000 + RM175 000) – (83 000 + 20 000)

= (RM225 000) – (RM103 000)

= RM122 000

38 **A**

Ulasan: **F** ialah modal, iaitu termasuk dalam penerimaan, iaitu sumber wang yang diterima dalam sesuatu bulan tertentu. **G** ialah iklan, iaitu termasuk dalam pembayaran, iaitu jumlah perbelanjaan dan sumber wang yang digunakan atau dibayar dalam sesuatu bulan tertentu.

39 **A**

Ulasan: **K** ialah harga. Usahawan perlu mempertimbangkan permintaan pengguna, kos pengeluaran dan persaingan dalam menetapkan harga. Usahawan perlu menetapkan harga yang melebihi kos untuk memperoleh keuntungan. Oleh itu, aktiviti **K** memastikan perniagaan memperoleh keuntungan.

40 **B**

Ulasan: Saluran agihan yang digunakan ialah Pengeluar → Peruncit → Pengguna.

Saluran ini melibatkan satu orang tengah sahaja. Pengeluar (**A&Z Enterprise**) akan memasarkan barang kepada peruncit (**Encik Abu**) dan peruncit akan memasarkannya kepada pengguna.

Bahagian A

Soalan	Isi	Markah
1(a)	H – Sebagai petunjuk perniagaan/sebagai panduan perniagaan/menunjukkan kecekapan	1
	H – Untuk mengukur tahap prestasi sesebuah perniagaan/untuk menunjukkan pencapaian prestasi yang baik diperolehi/visi dan misi perniagaan telah tercapai/objektif perniagaan tercapai	1
	H – Perniagaan dapat diteruskan/memastikan kelangsungan sesebuah perniagaan/menentukan suatu hala tuju perniagaan/berdaya saing	1
	H – Dapat memajukan perniagaan/mengembangkan perniagaan/memperbesarkan perniagaan	1
	H – Menunjukkan imej/nama baik perniagaan/kejayaan perniagaan/perniagaan dikenali	1
	H – Dapat meyakinkan pelabur baharu/meningkatkan pelaburan	1
	H – Meningkatkan modal perniagaan/melakukan pembelian aset baharu	1
	H – Sebagai sumber pendapatan seseorang usahawan	1
		[Maksimum: 5 markah]
1(b)(i)	F1 – Milikan tunggal	[Maksimum: 1 markah]
1(b)(ii)	H – Memerlukan pekerja yang tidak ramai/kos overhead atau kos operasi lebih rendah	1
	H – Bahagian pengurusan mudah dilakukan	1
	H – Masalah rungutan pelanggan cepat diselesaikan	1
	H – Mempunyai masa operasi yang fleksibel	1
	H – Strategi perniagaan mudah diubah/keputusan mudah dibuat	1
	H – Menikmati sepenuhnya keuntungan sendiri/tidak perlu berkongsi untung	1
	H – Pembayaran cukai adalah rendah/cukai persendirian	1
	H – Mudah ditubuhkan/syarat yang tidak banyak/dokumentasi kurang	1
	H – Modal adalah sendiri/pinjaman saudara mara/peribadi/kecil	1
	H – Memiliki hubungan baik dengan pelanggan	1
	H – Berdekatan dengan pelanggan	1
		[Maksimum: 4 markah]
2(a)	H – Menyediakan pelbagai kemudahan infrastruktur bagi menjalankan perniagaan	1
	H – Pusat perniagaan/pasar/gerai/tapak perniagaan disediakan	1
	H – Memantau kebersihan/kesihatan/keselamatan/membuat rondaan	1
	H – Peraturan/undang-undang kecil perniagaan diwujudkan/melakukan penguatkuasaan undang-undang	1
	H – Mengeluarkan lesen perniagaan bagi peniaga/memastikan perniagaan yang dijalankan telah didaftarkan	1
	H – Melakukan pengawalan pengiklanan	1
	H – Mengatur jualan awam bagi peniaga	1
	H – Contoh: Perniagaan pasar malam/pasar pagi di kawasan perumahan/pasar awam/mana-mana contoh lain yang sesuai	1
		[Maksimum: 6 markah]

Soalan	Isi	Markah
2(b)	F1 – Spesifik H1 – Objektif sesebuah perniagaan telah dinyatakan dengan khusus/sasaran pengeluaran 100 000 unit/pengeluaran komputer F2 – Boleh diukur H2 – Perbandingan dilakukan dalam bentuk kuantitatif/kualitatif/peningkatan untung sebanyak 15% dalam tempoh setahun/100 000 unit F3 – Jangka masa H3 – Satu penyediaan tempoh masa ditetapkan bagi mencapai objektif/dalam tempoh setahun/tahun 2019 [Mana-mana 2F + 2H = 4m]	1 1 1 1 1 1 [Maksimum: 4 markah]
3(a)	H – Suatu keadaan ekonomi yang telah mengalami proses pertumbuhan/kemerosotan/kejatuhan/kemelesetan/melambung/kitaran ekonomi H – Pelaksanaan dasar kewangan/kadar faedah/penawaran wang H – Pelaksanaan dasar fiskal/perubahan kadar cukai/perbelanjaan oleh pihak kerajaan H – Berlaku perubahan sosiobudaya yang diamalkan/demografi/perubahan amalan/cara hidup H – Perkembangan teknologi semasa telah menjadikan sistem perniagaan lebih cekap/kos operasi menjadi lebih murah/daya pengeluaran menjadi meningkat H – Pelaksanaan peraturan/undang-undang berkaitan perniagaan/penggubalan undang-undang dari semasa ke semasa	1 1 1 1 1 1 [Maksimum: 4 markah]
3(b)	H – Mengawal/memantau/menjaga kewangan setiap bahagian H – Melakukan perbelanjaan mesti berdasarkan kepada bajet yang telah diluluskan H – Masalah salah urus perbelanjaan tidak berlaku H – Mengelakkan aktiviti penipuan/penyelewengan/salah guna kuasa/pecah amanah	1 1 1 1 [Maksimum: 3 markah]
3(c)	H – Penghantar adalah Encik Hafies H – Penerima maklumat adalah Cik Nina H – Penyampaian mesej disampaikan secara lisan kepada Cik Nina/enkod H – Cik Nina dihubungi melalui telefon/saluran H – Cik Nina telah menerima/memahami segala arahan yang dinyatakan Encik Hafies/dekod H – Cik Nina menghantar dokumen sebut harga melalui e mel/memberi maklum balas	1 1 1 1 1 1 [Maksimum: 3 markah]
4(a)(i)	H – Membentuk suatu persekitaran kerja yang kondusif/harmoni/selesa H – Menjadikan pekerja lebih bersemangat/meningkatkan motivasi/kepuasan bekerja H – Mengurangkan masalah tekanan kerja/perselisihan faham H – Mengurangkan kesilapan semasa melakukan pekerjaan H – Meningkatkan kecekapan/kualiti/produktiviti pekerja meningkat H – Pekerja dapat mengeluarkan/menjana pelbagai idea baharu H – Mampu menjalin hubungan baik dengan pihak luar	1 1 1 1 1 1 1 [Maksimum: 3 markah]
4(a)(ii)	H – Membangunkan bakat dan kebolehan pekerja H – Menyediakan sumber pembiayaan/latihan H – Membolehkan pekerja meningkatkan kemahiran/pengetahuan H – Menambah baik hasil perkhidmatan/produk	1 1 1 1

Soalan	Isi	Markah
4(b)	H – Perniagaan akan lebih berdaya saing/persaingan menjadi lebih baik	1
	H – Pencapaian organisasi akan menjadi lebih mantap	1
	H – Meningkatkan motivasi pekerja/produktiviti pekerja/semangat pekerja	1
	H – Penciptaan/penghasilan produk baharu	1
		[Maksimum: 3 markah]
	Gambar 1:	
	H – Sumber fizikal	1
	H – Memerlukan penyelenggaraan dilakukan	1
	H – Memerlukan pengambilan perlindungan insurans	1
	H – Merupakan aset bukan semasa/nyata/ketara/berbentuk aset kekal	1
	H – Berlaku susut nilai/keusangan aset	1
	Gambar 2:	
	H – Sumber teknologi	1
	H – Melibatkan paten/hak cipta terpelihara/MyIPO	1
	H – Perlindungan undang-undang	1
	H – Akta Hak Cipta/Akta Cetak Rompak	1
	H – Perisian/Harta Intelekt/Hasil Karya Kreatif	1
	H – Berlaku perubahan teknologi menyebabkannya telah ketinggalan zaman	1
		[Maksimum: 4 markah]
5(a)	H – Menyediakan suatu rancangan perniagaan yang lengkap	1
	H – Meyakinkan pihak MARA bahawa cawangan yang ingin dibuka di Banting mempunyai potensi untuk berkembang	1
	H – Dapat menjana keuntungan perniagaan	1
	H – Mampu membayar balik pinjaman perniagaan	1
	H – Melampirkan penyata kewangan/rekod jualan dan belian-belian tahun-tahun lepas/menyertakan penyata pendapatan	1
	H – Mendapatkan khidmat nasihat berkaitan pinjaman daripada pihak MARA	1
	H – Jumlah/tempoh/jenis pembayaran balik pinjaman	1
	H – Mengikuti segala syarat khusus MARA yang telah ditetapkan	1
	H – Menyediakan suatu cagaran/penjamin/mengikut kursus	1
	H – Mengemukakan suatu borang permohonan yang lengkap	1
	H – Melampirkan suatu dokumen sokongan	1
	H – Mendapatkan surat kelulusan daripada MARA	1
	H – Menandatangani kontrak pinjaman	1
		[Maksimum: 4 markah]
5(b)	H – Supaya dapat meramal/menilai prestasi perniagaan	1
	H – Untuk perancangan strategi bagi meningkatkan keuntungan/hasil/jualan	1
	H – Melakukan pengawalan jumlah perbelanjaan operasi	1
	H – Mengetahui kedudukan kewangan/untung/rugi	1
	H – Melakukan suatu tindakan terbaik/susulan oleh pihak pengurusan/bonus/dividen	1
	H – Memberi keyakinan kepada pihak bank/pembiaya/pelabur/menilai kemampuan untuk melakukan pembayaran balik hutang	1
	H – Sebagai satu bentuk garis panduan bagi pelaksanaan perniagaan	1
		[Maksimum: 4 markah]
5(c)	H – Sentiasa bekerjasama/saling membantu antara satu sama lain/melakukan penglibatan bersama dalam satu pasukan/menjalinkan hubungan baik antara pekerja/majikan	1

Soalan	Isi	Markah
	H – Memiliki satu matlamat yang sama	1
	H – Berkongsi pengetahuan/idea/kemahiran/kepakaran/kebolehan	1
	H – Memiliki akauntabiliti/tumpuan serta komitmen terhadap prestasi pasukan/bersungguh-sungguh/motivasi	1
	H – Meningkatkan produktiviti/kecekapan	1
	H – Menghasilkan suatu produk yang berkualiti untuk pengguna	1
		[Maksimum: 2 markah]
6(a)	H – Perniagaan gagal didaftarkan/menjalankan perniagaan tanpa lesen	1
	H – Segala perubahan/maklumat perniagaan gagal dimaklumkan	1
	H – Syarat penubuhan gagal dipatuhi	1
	H – Menjalankan perniagaan/perkhidmatan yang dilarang/mana-mana contoh yang sesuai	1
	H – Tidak mempamerkan lesen perniagaan/Borang D/papan tanda	1
	H – Penyalahgunaan lesen/nama/nombor pendaftaran perniagaan berbeza	1
	H – Pemalsuan lesen perniagaan	1
	H – Penamatan pendaftaran perniagaan tidak dilakukan	1
	H – Tidak memperbaharui sijil pendaftaran perniagaan	1
		[Maksimum: 3 markah]
6(b)	F1 – Pengiklanan/iklan	1
	H – Cara komunikasi pemasaran yang dirancang khas untuk memberitahu/memujuk pengguna supaya membeli barang	1
	H – Media cetak/media elektronik/risalah/mana-mana contoh media cetak/mana-mana contoh media massa	1
	H – Menggunakan duta produk/membuat iklan tentang avokado menggunakan televisyen	1
	F2 – Promosi jualan	1
	H – Melakukan pelbagai insentif bagi menarik minat pengguna/meningkatkan jualan produk	1
	H – Contoh: Cabutan bertuah/sampel percuma/diskaun harga potongan harga	1
		[Maksimum: 4 markah]
6(c)	H – Supaya dapat melakukan penilaian projek yang telah dirancang dengan teliti	1
	H – Supaya dapat menjadi garis petunjuk dalam pengurusan perniagaan/hala tuju	1
	H – Perancangan keperluan sumber perniagaan	1
	H – Supaya dapat memberi bantuan kepada perniagaan untuk beroperasi dengan lebih sistematik/lebih teratur/menambah baik	1
	H – Menjangka risiko/masalah yang terjadi semasa pelaksanaan projek	1
	H – Mengurangkan risiko/masalah yang bakal timbul	1
	H – Supaya dapat menentukan projek yang dijalankan mempunyai daya maju	1
	H – Memberi keyakinan kepada pihak bank/pelabur/pembiaya/pihak berkepentingan untuk membuat pelaburan/pembiayaan	1
		[Maksimum: 3 markah]

Bahagian B

Soalan	Isi	Markah
7(a)	H – Skala pasaran domestik	1
	H – Melibatkan peringkat negeri	1
	H – Rumah/projek dikendalikan untuk pasaran sekitar negeri Sabah	1
	H – Dapat memenuhi permintaan dari pelbagai daerah/dalam negeri	1
		[Maksimum: 3 markah]
7(b)	H – Saiz perniagaan adalah besar	1
	H – Jumlah jualan tahunan melebihi 50 juta/20 juta	1
	H – Bilangan pekerja tetap adalah sebanyak 200 orang/lebih daripada 75 orang	1
	H – Jenis bentuk milikan perniagaan ialah Syarikat Sdn. Bhd.	1
	H – Pemilik dan pengurusan syarikat boleh dipisahkan	1
	H – Liabiliti pemegang saham terhad	1
	H – Mempunyai modal yang besar	1
	H – Boleh menampung kos projek/menguruskan projek besar agar menjadi syarikat pembinaan yang unggul	1
	H – Pengoperasian adalah secara besar-besaran	1
	H – Berlaku pengkhususan kerja	1
		[Maksimum: 6 markah]
7(c)	F1 – Bersetuju	1
	H1 – Mempunyai misi, matlamat/objektif yang jelas	1
	H – Ada tempoh masa/menjelang 2021	1
	H – Boleh dicapai	1
	H – Bekerjasama dengan syarikat pengeluar IBS di Eropah	1
	H – Mempunyai sumbangan modal yang lebih besar/aset boleh dikongsi	1
	H – Sumber bahan mentah mudah diperolehi	1
	H – Pelaksanaan pembahagian kerja	1
	H – Perkongsian risiko/perbelanjaan/kerugian/untung	1
	H – Pengeluaran dapat dipertingkatkan/memajukan perniagaan/produktiviti meningkat	1
	H – Menikmati ekonomi bidangan	1
	H – Mempunyai pasaran luas/Eropah/Malaysia/global	1
	H – Mempunyai imej yang baik/telah dikenali	1
	H – Pembubaran usaha sama setelah matlamat dicapai	1
ATAU		
F2 – Tidak setuju	1	
H – Perbezaan visi/misi antara dua organisasi	1	
H – Konflik mudah berlaku	1	
H – Mempunyai perbezaan budaya/cara/pengurusan/bahasa/peraturan	1	
H – Perkongsian untung	1	
H – Jarak jauh/sukar berkomunikasi	1	
H – Penggunaan kos yang tinggi/perbelanjaan tinggi/nilai duit mata wang asing lebih mahal	1	
H – Melakukan penambahan pekerja	1	
		[Maksimum: 6 markah]

Soalan	Isi	Markah
8(a)	H – Menawarkan barang/ikan bilis/menjual ikan bilis	1
	H – Menyediakan pelbagai jenis ikan bilis	1
	H – Memenuhi suatu keperluan/kehendak	1
	H – Memberi peluang pekerjaan	1
	H – Membantu meningkatkan pendapatan	1
	H – Membantu meningkatkan taraf hidup	1
	H – Kadar jenayah dapat dikurangkan	1
	[Maksimum: 3 markah]	
8(b)	F1 – Pengeluar → Pemborong → Peruncit → Pengguna	1
	H – Ikan bilisnya dijual secara pukal kepada peruncit/pemborong	1
	H – Aktiviti pecah pukal dilakukan oleh pemborong	1
	H – Peruncit akan melakukan jualan kepada pengguna akhir/selaras mengikut permintaan pengguna	1
	H – Dapat meluaskan pasaran/memperbesarkan lagi perniagaannya	1
	H – Peningkatan jualan/keuntungan	1
	H – Pengangkutan sendiri disediakan oleh pemborong dan peruncit	1
	H – Penyimpanan stok terlalu banyak dapat dielakkan	1
	H – Menyebabkan ikan bilis dapat bertahan lama/barang keperluan	1
	H – Dapat meningkatkan pendapatan/gaji	1
	H – Dapat meningkatkan taraf hidup	1
	H – Dapat menyebabkan berlaku pengurangan kadar jenayah	1
	F2 – Pengeluar → Peruncit → Pengguna	1
	[Mana-mana 1F + 5H = 6m] [Maksimum: 6 markah]	
8(c)	F1 – Menaikkan/meningkatkan harga produk jualan	1
	H – Harga perlu dapat menampung kos operasi/meletakkan harga mahal	1
	H – Menggunakan pekerja yang lebih ramai/dapat membiayai kos operasi	1
	H – Melakukan penambahbaikan infrastruktur kedai	1
	H – Melakukan penetapan harga mengikut gred ikan bilis	1
	F2 – Mengubah suai/memperbaiki strategi produk	1
	H – Melakukan pengubahsuaian pembungkusan menjadi lebih menarik	1
	H – Mempelbagaikan bentuk atau saiz pembungkusan/timbangan	1
	H – Melakukan penggredan bagi ikan bilis	1
	H – Pelanggan mempunyai pelbagai pilihan untuk membeli ikan bilis	1
	H – Pelbagai produk berasaskan ikan bilis dihasilkan	1
	H – Contoh: Sambal bilis/keropok bilis/sate bilis/contoh relevan	1
	H – Membuat penjenamaan bagi ikan bilis yang dikeluarkan	1
	H – Mempunyai sijil halal JAKIM/GMP/sijil pengiktirafan/keselamatan	1
	[Maksimum: 6 markah]	
9(a)(i)	H1 – Nisbah semasa = $\frac{\text{Aset Semasa}}{\text{Liabiliti Semasa}} = \frac{75\,000}{17\,000}$	1
	H2 – 4.4 : 1 / 4 : 1 / 4.0 : 1	1
	[Maksimum: 2 markah]	
9(a)(ii)	H – Prestasi perniagaan menunjukkan tahap yang baik/memberangsangkan/membanggakan	1
	H – Hutang syarikat dapat ditampung dengan aset yang ada	1

Soalan	Isi	Markah
9(b)	H – Melalui setiap RM1 liabiliti semasa, syarikat mempunyai aset semasa sebanyak RM4.40 untuk menjelaskan liabiliti tersebut	1
	H – Nilai aset semasa adalah sebanyak RM75 000/liabiliti semasa hanya mempunyai RM17 000	1
	H – Aset semasa boleh digunakan untuk membayar pinjaman	1
	H – Mempunyai nilai kecairan yang tinggi/mudah memperoleh tunai	1
	H – Mampu membuat pembayaran hutang dalam tempoh singkat/segera	1
	H – Berupaya untuk memberi keyakinan kepada pembiayaan	1
	[Maksimum: 5 markah]	
	F1 – Sewa beli	1
	H – Mesin jahit/perabot disewa daripada bank	1
	H – Perpindahan hak milik mesin jahit/perabot berpindah kepada syarikat selepas semua ansuran dijelaskan	1
	F2 – Pajakan	1
	H – Mesin jahit/perabot disewakan daripada bank bagi suatu tempoh tertentu	1
	H – Pihak syarikat hanya sebagai penyewa/pemilik kekal adalah pihak bank	1
	H – Pihak syarikat tidak menanggung barang usang/lama/syarikat pajakan menanggung kos penyelenggaraan	1
	F3 – Overdraf	1
	H – Melakukan pengeluaran wang yang melebihi jumlah simpanan akaun semasa untuk membeli mesin jahit/menyewa mesin jahit	1
	H – Penggunaan wang sedia ada bagi menanggung kos operasi/perbelanjaan lain	1
	F4 – Pinjaman Perniagaan Gadaian	1
	H – Pihak syarikat akan menggunakan barang yang berharga sebagai cagaran untuk membuat pinjaman	1
	H – Jika gagal menjelaskan hutang akan menyebabkan barang menjadi hak milik pihak bank/penebusan barang perlu dilakukan semula	1
	F5 – Pinjaman	1
	H – Penjamin/aset/mesin jahit sedia ada/stok digunakan sebagai cagaran	1
	F6 – Pemfaktoran	1
	H – Melakukan jualan invois/RM25 000 bagi mendapatkan tunai pada harga diskaun	1
	H – Pihak bank/syarikat pemfaktoran mengambil alih hutang	1
	[Mana-mana 4F + 4H]	[Maksimum: 8 markah]

Bahagian C

Soalan	Isi	Markah
10(a)	F1 – Bank XX	1
	H – Mempunyai kadar faedah tetap/tidak berubah/5.5%	1
	H – Faedah yang dikenakan tidak terdedah kepada risiko kenaikan kadar faedah/perubahan dasar/polisi bank/kerajaan	1
	H – Jumlah faedah dikenakan lebih murah/RM27 500/Bank MM RM34 300	1
	H – Jumlah bayaran dikenakan lebih murah/RM127 500/Bank MM RM134 300	1
	H – Mempunyai tempoh pembayaran balik yang lebih pendek/selama lima tahun	1
	H – Cagaran tidak diperlukan/tiada cagaran	1
	ATAU	
	F2 – Bank MM	1
	H – Mempunyai kadar faedah adalah lebih rendah/4.9%	1

Soalan	Isi	Markah
10(b)	H – Perubahan kadar faedah boleh menjadi lebih rendah/menikmati faedah jika berlaku pengurangan kadar faedah	1
	H – Mempunyai tempoh pembayaran balik yang lebih panjang/selama tujuh tahun	1
	H – Bayaran ansuran bulanan adalah lebih rendah RM159.81/Bank XX RM2 215	1
		[Maksimum: 5 markah]
	F1 – Gaya pengurusan autokratik	1
	H – Pemimpin adalah seorang yang memiliki matlamat/objektif/misi/visi yang jelas dalam perniagaan	1
	H – Memaksimumkan kuasa mutlak sebagai ketua	1
	H – Memberi arahan notis/memberi arahan kepada orang bawahan	1
	H – Memastikan arahan yang diberi dipatuhi/dilaksanakan	1
	H – Membuat segala kuasa keputusan/tiada kompromi/tegas	1
10(c)(i)	H – TPM = $\frac{\text{Kos Tetap}}{\text{Harga-Kos Berubah Seunit}} = \frac{100\,000}{250 - 170}$ = 1 250 unit	1
		1
10(c)(ii)		[Maksimum: 2 markah]
	H1 – Paksi harga dan kuantiti	1
	H2 – Titik Pulang Modal/1 250	1
	H3 – Garisan untuk kos tetap, jumlah kos	1
	H4 – Jumlah hasil	1
	H5 – Lorek keuntungan	1
		[Maksimum: 3 markah]

Soalan	Isi	Markah
10(c)(iii)	H5 – Lorek keuntungan H6 – Garis kuantiti 1 360 unit	1 1 [Maksimum: 2 markah]
10(d)	H – Jumlah hasil jualan akan menjadi semakin kurang H – Bilangan sasaran jualan tidak dapat dicapai untuk memenuhi matlamat/objektif yang ditetapkan syarikat H – Tidak mampu untuk menanggung kos operasi H – Contoh: Kos upah/mana-mana contoh yang sesuai H – Kos pengeluaran adalah tinggi H – Kos bahan mentah mahal/berkualiti tinggi/diimport H – Berlaku pengurangan keuntungan/berkemungkinan mengalami kerugian/sangat mementingkan keuntungan H – Menyebabkan potensi untuk membuat pelaburan baharu/mengembangkan perniagaan H – Contoh: Beli mesin baharu/mana-mana contoh yang sesuai H – Peluang bagi melepasi pasaran antarabangsa terhad	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Maksimum: 4 markah]

KERTAS 1**1 B**

Ulasan: Rakan kongsi lelap menanggung liabiliti terhad serta hanya menyumbangkan modal sahaja dan tidak aktif dalam pengurusan. Namun begitu masih menerima bahagian untung dan menanggung kerugian.

2 C

Ulasan: Perubahan pemilikan perniagaan dari Syarikat Suria Sdn. Bhd. kepada Syarikat Suria Berhad berlaku disebabkan pemilikan berhad dapat menggalakkan pengumpulan modal yang lebih besar kerana bilangan pemegang syer tidak terhad.

3 D

Ulasan: Kelebihan perniagaan francais kepada francais termasuklah menanggung risiko kegagalan yang rendah kerana perniagaan francais adalah jenama yang sudah terkenal dan mendapat sokongan pihak pengurusan terutamanya dari aspek bimbingan dan latihan.

4 D

Ulasan: Perniagaan francais merupakan satu perniagaan yang telah dikenali ramai dan berisiko rendah kerana kebanyakan produk telah lama bertapak dan dikenali ramai. Oleh itu, francais mengalami risiko kegagalan yang rendah berbanding francaisor.

5 A

Ulasan: Koperasi ialah sebuah organisasi perniagaan yang ditubuhkan oleh sekumpulan individu secara sukarela dengan konsep “milik bersama” oleh semua anggota. Aktiviti yang dijalankan oleh koperasi tidak melibatkan unsur politik disebabkan matlamat koperasi ialah menjaga kebajikan anggota-anggotanya.

6 B

Ulasan: Saiz bagi perniagaan Puan Anita ialah saiz kecil, iaitu jualan tahunan hanya sebanyak RM500 000 dan pekerja tetap seramai 30 orang. Manakala sektor yang terlibat ialah sektor kedua kerana melibatkan aktiviti perkilangan kerepek.

7 D

Ulasan: Agensi tersebut merupakan pihak berkuasa tempatan. Peranan termasuklah menyediakan

kemudahan infrastruktur yang dapat menjamin keselesaan kehidupan masyarakat setempat dan menyediakan pusat-pusat perniagaan atau perdagangan seperti pasar-pasar dan gerai-gerai.

8 B

Ulasan: Pengangguran struktur berlaku apabila sesebuah negara mengalami perubahan struktur ekonomi. Sebilangan buruh akan menganggur kerana tidak mampu mencari pekerjaan di sektor lain.

9 B

Ulasan: Trend persekitaran perniagaan bagi graf 1 ialah trend meningkat. Faktor dalaman yang mempengaruhi trend meningkat ialah pekerja yang bermotivasi tinggi, kreatif, inovatif, rajin, berdisiplin dan berkemahiran tinggi dapat meningkatkan daya pengeluaran sesebuah perniagaan.

10 A

Ulasan: Faktor persekitaran yang membawa kepada perubahan perniagaan bagi faktor dalaman ialah sumber manusia dan faktor luaran ialah ekologi. Sumber manusia dalaman merujuk kepada pekerja yang sedang berkhidmat dalam sesebuah organisasi manakala ekologi melibatkan isu alam sekitar yang memberi kesan kepada perniagaan.

11 B

Ulasan: Kos tetap ialah kos yang tidak berubah mengikut tingkat pengeluaran. Contohnya sewa bangunan dan insurans.

12 B

Ulasan: Penetapan objektif organisasi perlu mempunyai sekurang-kurangnya satu objektif yang mempunyai ciri SMART. Ciri yang perlu diambil kira dalam penetapan objektif termasuklah dinyatakan secara khusus, iaitu dikenali sebagai spesifik dan mampu dicapai dengan kemampuan yang ada, iaitu boleh dicapai.

13 D

Ulasan: Jika kuantiti keluaran berada pada Y ia menggambarkan jumlah hasil sama dengan jumlah kos yang digunakan atau perniagaan mencapai keuntungan minimum.

14 **D**

Ulasan: Faktor dalaman yang mempengaruhi perubahan visi perniagaan ialah kewangan. Kewangan merupakan satu fungsi perniagaan yang berkaitan dengan sumber kewangan yang boleh diperoleh dan bagaimana wang tersebut dibelanjakan.

15 **D**

Ulasan: Bahagian fungsian yang terlibat bagi Rajah 2 ialah pengeluaran. Pengeluaran merupakan proses menghasilkan barang melalui proses transformasi yang menukarkan input kepada output bagi memenuhi keperluan kehendak pengguna.

16 **C**

Ulasan: Peranan yang dimainkan oleh bahagian fungsian pengurusan sumber manusia ialah perancangan sumber manusia, iaitu membentuk polisi berkaitan pembangunan kerjaya dan peranan perhubungan industri, iaitu membantu menyelesaikan sebarang pertikaian semasa proses rundingan dijalankan.

17 **B**

Ulasan: Saluran agihan yang sesuai digunakan bagi produk gambar 2 ialah Pengeluar → Peruncit → Pengguna. Saluran agihan ini hanya melibatkan satu orang tengah sahaja. Pengeluar memasarkan mesin basuh kepada peruncit dan peruncit akan menjual mesin basuh kepada pengguna.

18 **D**

Ulasan: Barang dan perkhidmatan yang dipasarkan melalui saluran agihan ini ialah barang bernilai tinggi, iaitu kapal terbang. Jenis saluran ini dikenali sebagai pemasaran langsung. Pengeluar memasarkan barang secara terus kepada pengguna akhir.

19 **B**

Ulasan: Ramesh telah menjalankan tanggungjawab di bahagian fungsian pembelian. Bahagian fungsian pembelian juga turut berperanan untuk menentukan pemilihan pembekal yang bersesuaian dan cekap serta memastikan barang yang diterima tepat pada masa dan lokasi yang ditentukan.

20 **A**

Ulasan: Pihak pengurusan sumber manusia perlu memberi penerangan tanggungjawab tertentu dengan jelas, iaitu perlu merancang deskripsi tugas. Deskripsi tugas yang jelas dan lengkap boleh

meningkatkan kecekapan dan produktiviti pekerja semasa menjalankan tugas.

21 **D**

Ulasan: Aspek pengelolaan sumber manusia dalam pembangunan perniagaan ialah struktur organisasi. Fungsi struktur organisasi adalah untuk memberi penjelasan tentang tanggungjawab, jawatan, jalur hubungan komunikasi dan deskripsi tugas.

22 **A**

Ulasan: Struktur organisasi berdasarkan matriks adalah mengikut fungsi dan struktur organisasi mengikut produk. Dikenali juga sebagai sistem berbilang arahan.

23 **D**

Ulasan: Manfaat yang diperoleh daripada penawaran faedah gambar 3 ialah ia dapat menjamin kesetiaan pekerja kerana kemudahan faedah yang diberikan membuatkan pekerja berasa lebih selesa dan dihargai serta mendapat manfaat dari segi perubatan dan tempat penjagaan anak apabila berkhidmat.

24 **D**

Ulasan: Faktor penentu bagi sistem penggajian, iaitu elaun tersebut ialah lokasi pekerja dan jenis tugas. Sistem penggajian akan dipengaruhi oleh kos sara hidup setempat, kedudukan geografi kawasan dan risiko lokasi serta kemudahan infrastruktur yang ada. Manakala pekerja yang menjalankan tanggungjawab besar akan diberi ganjaran yang lebih tinggi.

25 **B**

Ulasan: Komisen ialah ganjaran yang diberikan kepada pekerja yang terlibat dalam aktiviti jualan. Oleh itu, contoh yang menunjukkan pengiraan komisen ialah lima peratus insentif daripada hasil jualan bulanan.

26 **C**

Ulasan: Syarikat dapat mengurangkan kerugian akibat pekerja yang melakukan pecah amanah ialah mengambil polisi jaminan setia. Polisi ini menanggung rugi majikan daripada mana-mana kerugian kewangan yang langsung akibat kelakuan pekerja-pekerja yang pecah amanah, seperti pemalsuan, penggelapan wang dan lain-lain lagi.

27 **C**

Ulasan: Jenis faedah yang diberikan oleh Syarikat Syahmin Bhd. ialah bonus. Bonus ialah penghargaan yang dibayar secara tunai kepada

pekerja pada akhir tempoh tertentu berdasarkan prestasi perniagaan.

28 **A**

Ulasan: X ialah bahan mentah. Bahan mentah digunakan dalam pengeluaran barang untuk menghasilkan barang lain atau barang siap.

29 **C**

Ulasan: R ialah penyelenggaraan dan baik pulih secara terancang. Penyelenggaraan melibatkan penyediaan jadual pemeriksaan seperti pemeriksaan dua kali sebulan untuk memastikan kerosakan peralatan dapat dicegah sebelum peralatan rosak.

30 **B**

Ulasan: Harta intelek merujuk kepada hasil kreativiti atau ciptaan daya intelektual seseorang dan bertujuan untuk menjaga perniagaan daripada ancaman cetak rompak, barangan tiruan dan sebagainya.

31 **C**

Ulasan: Sumber pembiayaan dalaman terdiri daripada P, iaitu simpanan peribadi dan Q rizab. Simpanan peribadi merupakan sumber asas yang diperlukan usahawan. Manakala rizab ialah keuntungan yang diperolehi daripada hasil pelaburan.

32 **D**

Ulasan:

Untung Bersih

= Untung Kasar + Hasil – Belanja

= (Jualan – Belian) + (Sewa terima) – (Insurans + Gaji)

= (RM40 500 – RM30 000) + (RM2 400) – (RM1 505 + RM2 500)

= RM10 500 + RM2 400 – RM4 005

= RM8 895

33 **D**

Ulasan: Situasi yang menunjukkan kos berubah ialah Alifah mendapat bekalan bahan mentah dari Adli Enterprise. Kos bahan mentah akan berubah mengikut tingkat pengeluaran.

34 **D**

Ulasan: Nisbah semasa = $\frac{\text{Aset Semasa}}{\text{Liabiliti Semasa}}$
$$= \frac{\text{RM277 351}}{\text{RM31 042}}$$
$$= 8.93 : 1$$

35 **B**

Ulasan: Z ialah pusing ganti aset. Pusing ganti aset menunjukkan kecekapan perniagaan dalam menggunakan aset untuk menjana jualan. Nisbah yang semakin tinggi lebih baik kerana menunjukkan kecekapan pengurusan aset.

36 **C**

Ulasan: Sumbangan usahawan kepada negara termasuklah mewujudkan pengaliran masuk modal asing. Pelaburan modal asing dapat meningkatkan hasil, pengeluaran dan pendapatan negara melalui pungutan cukai.

37 **C**

Ulasan: Situasi yang menggambarkan stok bergerak pantas ialah Pak Kadir menjual 30 ekor ayam di pasar tani setiap hari. Stok ayam ini dapat dijual dengan cepat. Stok ini berisiko rendah kerana kepantasan jualan dapat mengelakkan masalah stok ayam luput dan busuk.

38 **A**

Ulasan: X ialah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012. Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) ialah perniagaan alternatif yang dikawal selia di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 yang menggabungkan ciri-ciri sebuah syarikat dan perkongsian konvensional.

39 **C**

Ulasan: X ialah promosi. Promosi ialah satu proses, cara atau kaedah untuk memberitahu, menyedarkan, memujuk dan mempengaruhi pengguna untuk membeli sesuatu produk atau perkhidmatan. Promosi juga merupakan penyampaian maklumat barangan melalui media massa.

40 **A**

Ulasan: Pernyataan I adalah betul. Melalui rancangan perniagaan, usahawan boleh menganalisis semua aspek dalam perniagaan seperti pengurusan, pembuatan, pembiayaan dan pengurusan sumber manusia secara terperinci. Ini sekali gus dapat menilai kebolehlaksanaan sesebuah perniagaan. Pernyataan II adalah salah. Ini kerana sasaran keuntungan dinyatakan dalam rancangan pemasaran.

Bahagian A

Soalan	Isi	Markah
1(a)	F1 – Secara percuma/produk atau perkhidmatan percuma	1
	H1 – Perkhidmatan/barang didapati tanpa memerlukan bayaran	1
	C1 – Contoh pihak Mercy Malaysia memberikan bantuan barang keperluan percuma/ bantuan perubatan apabila terjadi bencana alam/mana-mana contoh yang sesuai	1
	F2 – Jualan pada harga kos	1
	H2 – Penjual tidak mengambil sebarang keuntungan	1
	C2 – Contoh peserta bengkel kecantikan dibekalkan bahan pada harga kos/mana-mana contoh lain yang sesuai	1
	F3 – Jualan pada harga di bawah kos	1
	H2 – Penjual mengenakan harga barang yang lebih rendah berbanding kos sebenar/ kerajaan memberikan subsidi bagi barang tersebut	1
	H3 – Contoh: Harga tepung – pengguna hanya membayar separuh daripada harga sebenar/mana-mana contoh yang sesuai	1
	[Mana-mana 1F + 1H + 1C (berkait) + mana-mana 1 F/C/H = 4m]	[Maksimum: 4 markah]
1(b)	F – Kejuruteraan	1
	H – Menyediakan jentera/mesin/peralatan untuk pengeluaran	1
	H – Melibatkan kebergantungan kepada jenis aktiviti pengilangan yang dilakukan	1
	H – Contoh: Perodua memerlukan mesin khas yang sesuai untuk menghasilkan kereta seperti reka bentuk dan kualiti yang ditetapkan/mana-mana contoh yang sesuai	1
	[Mana-mana 1F + 2H = 3m]	[Maksimum: 3 markah]
1(c)	H – Pasaran antarabangsa/skala antarabangsa	1
	H – Melibatkan negara seluruh dunia	1
	H – Merentasi laluan sempadan sesebuah negara	1
	H – Perkhidmatan ditawarkan ke Australia/Eropah/Asia/Afrika Selatan	1
	H – Melibatkan skala global	1
		[Maksimum: 3 markah]
2(a)	H – Satu pernyataan ringkas yang menerangkan tujuan/visi/hala tuju/matlamat utama sesebuah perniagaan	1
	H – Satu ketetapan/garis panduan/mana-mana contoh visi	1
	H – Menjelaskan proses capaian visi	1
	H – Merupakan satu asas kepada pernyataan/pembentukan objektif	1
	H – Memudahkan agihan sumber kepada setiap bahagian pengurusan	1
		[Maksimum: 2 markah]
2(b)	H – Menjawab pertanyaan pelanggan berkaitan barang yang dijual	1
	H – Membuat jualan bersemuka secara dalam talian	1
	H – Menyediakan sebut harga/jangkaan barang yang diperlukan pengguna	1
	H – Melakukan rundingan dengan pengguna berkaitan dengan diskaun dan terma jual beli	1
	H – Memberi nasihat teknikal kepada pengguna	1
	H – Merancang dan mengurus masa yang bersesuaian untuk membuat promosi jualan	1

Soalan	Isi	Markah
2(c)	H – Menyemak dan mengemas kini rekod pengguna supaya senang menghubungi pengguna	1
	H – Membangun/merancang strategi/melaksanakan rancangan jualan	1
	H – Contoh program pengiklanan/strategi harga/strategi promosi	1
	H – Memberi cadangan bagi penambahbaikan reka bentuk produk baharu	1
	H – Melakukan penyelidikan pasaran/segmen pasaran/corak pembelian/analisis pesaing	1
	[Maksimum: 4 markah]	
	H – Kilang Beras Syarikat Seri Mawar Jaya mengeluarkan invois/bil tunai kepada Pasar Raya Salisha	1
	H – Bayaran diterima dalam bentuk cek/tunai	1
	H – Resit dikeluarkan sebagai bukti bayaran telah dibuat	1
	H – Nota kredit dikeluarkan sekiranya berlaku pembayaran	1
	H – Nota kredit dikeluarkan sekiranya berlaku penambahan bayaran	1
	H – Penyata kewangan dikeluarkan setiap bulan	1
	[Maksimum: 4 markah]	
3(a)	F – Kadar pengangguran meningkat	1
	H – Penduduk tiada pekerjaan/hilang pekerjaan/tiada peluang pekerjaan	1
	H – Bilangan pekerja dikurangkan oleh firma/syarikat	1
	F – Kuasa beli penduduk menurun	1
	H – Pekerja tiada gaji/upah/pendapatan berkurang	1
	H – Perbelanjaan terpaksa dikurangkan penduduk	1
	F – Membantutkan ekonomi negara	1
	H – Aktiviti perniagaan menjadi lembap/perlahan	1
	H – Pengguna semakin kurang permintaan	1
	F – Pendapatan negara berkurangan	1
	H – Penurunan hasil kutipan cukai	1
	[Mana-mana 2F + 2H = 4m]	
	[Maksimum: 4 markah]	
3(b)	H – e-mel digunakan untuk mencari pembekal	1
	H – Pesanan/tempahan dilakukan secara dalam talian	1
	H – <i>e-banking</i> digunakan bagi tujuan memudahkan urusan kewangan	1
	H – Pembayaran secara dalam talian dilakukan	1
	H – Laman sosial digunakan untuk berkomunikasi dengan pembekal	1
	H – Maklum balas diberikan melalui Whatsapp/Telegram/contoh lain	1
	[Maksimum: 4 markah]	
3(c)	H – Supaya dapat meluaskan pasaran/mengembangkan pasaran yang telah sedia ada/menguasai pasaran menjadi lebih besar/memperbesarkan perniagaan	1
	H – Supaya dapat menambahkan keuntungan/jualan	1
	H – Supaya dapat menembusi pasaran baharu/mendapat pelanggan baharu/melibatkan peluang pasaran	1
	H – Supaya dapat meningkatkan imej/nama baik perniagaan	1
	H – Supaya dapat berdaya saing/boleh bersaing	1
	[Maksimum: 2 markah]	

Soalan	Isi	Markah
4(a)	H – Aset disewa dengan tujuan membeli	1
	H – Bank memberikan sewa kepada usahawan/bank melakukan pembelian aset	1
	H – Usahawan menjelaskan pembayaran wang pendahuluan	1
	H – Pembayaran baki dilakukan secara ansuran bulanan	1
	H – Aset dimiliki oleh bank	1
	H – Usahawan akan mendapat hak milik aset hanya selepas ansuran dijelaskan	1
	H – Sekiranya tidak membayar ansuran, pihak bank boleh menarik semula aset	1
	H – Contoh: Pembelian rumah/kereta/mana-mana contoh lain yang sesuai	1
		[Maksimum: 5 markah]
4(b)	Ha – Memiliki kelayakan seperti ijazah/diploma/sijil dalam bidang seni/ teknologi maklumat/pengiklanan	1
	Hb – Mempunyai pengalaman sebagai pereka bentuk	1
	Hc – Mempunyai pengetahuan tentang produk pengiklanan	1
	Hd – Mempunyai pengalaman dalam bidang pengiklanan	1
	H1 – Masa bekerja dapat dijimatkan	1
	H2 – Kos dapat dijimatkan/kurang latihan diperlukan	1
	H3 – Kualiti produk pengiklanan dapat dipertingkatkan	1
	H4 – Daya pengeluaran/produktiviti dapat dipertingkatkan	1
	H5 – Kesilapan dapat dikurangkan/kecekapan dipertingkatkan/efisien	1
	H6 – Menggalakkan kreativiti dan inovasi	1
	<i>[Mana-mana satu Ha-Hd perlu dikaitkan dengan mana-mana H1–H4 = 2m Jika hanya diberikan umum, iaitu H1–H6 hanya diberikan 1m sahaja]</i>	[Maksimum: 5 markah]
5(a)	H – Kedudukan lokasi yang strategik/sesuai	1
	H – Mempunyai potensi untuk mendapatkan keuntungan/berkembang dalam perniagaan	1
	H – Berdekatan dengan pelanggan	1
	H – Mempunyai kos sewa yang berpatutan/bersesuaian	1
	H – Tempat menjadi perhatian/tumpuan ramai	1
	H – Mempunyai pelbagai kemudahan infrastruktur/seperti ruang niaga/kemudahan tempat meletak kenderaan/mana-mana contoh yang bersesuaian	1
	H – Pelanggan mudah mengunjungi tempat tersebut	1
	H – Berdekatan dengan pembekal/mudah mendapatkan bekalan bahan mentah	1
		[Maksimum: 6 markah]
5(b)	20 April	
	H – Merupakan resit/keratan cek/baucar pembayaran	1
	H – Bayaran sewa kedai direkodkan/kos operasi direkodkan/RM1 200	1
	H – Menunjukkan bukti pembayaran dilakukan	1
	25 April	
	H – Memo	1
	H – Ambilan tunai direkodkan/RM200 bagi kegunaan pemilik	1
	H – Modal dikurangkan	1
		[Maksimum: 4 markah]

Soalan	Isi	Markah
6(a)	H – Supaya dapat mengetahui/menganalisis kedudukan kewangan perniagaan	1
	H – Hala tuju perniagaan dapat ditentukan	1
	H – Supaya dapat mengenal pasti pulangan perniagaan yang diperoleh/keuntungan perniagaan	1
	H – Membuat perbandingan/menilai prestasi perniagaan	1
	H – Melakukan pertimbangan sama ada untuk memberi ganjaran/dividen/bonus	1
	H – Supaya dapat menjadi petunjuk untuk merancang pengagihan sumber yang berkesan	1
	H – Bagi mengetahui kemampuan perniagaan untuk menjelaskan pembayaran hutang/kredit/liabiliti	1
	H – Membolehkan pihak bank/pembiaya/pembekal dapat menilai keupayaan/kecekapan	1
		[Maksimum: 6 markah]
6(b)	H – Supaya dapat mengkaji prestasi Syarikat Makanan Rosila	1
	H – Bagi mengetahui sama ada pengeluaran yang dilakukan oleh Syarikat Makanan Rosila berdaya maju/mampu bersiang	1
	H – Syarikat Makanan Rosila boleh menjana keuntungan/mendapatkan pulangan	1
	H – Memberi keyakinan pihak bank tentang kemampuan kewangan perniagaan	1
	H – Menunjukkan kemampuan Syarikat Makanan Rosila menjelaskan hutang/kredit/pinjaman	1
		[Maksimum: 4 markah]

Bahagian B

Soalan	Isi	Markah
7(a)	F – Perkongsian Liabiliti Terhad/PLT/usaha sama	1
	H – Liabiliti adalah terhad	1
	H – Tidak melibatkan harta peribadi David dan Azlan	1
	H – Kerugian yang ditanggung hanya setakat modal yang dilaburkan/risiko dapat disebarkan	1
	H – Bilangan pekongsi tiada had maksimum/perlu bilangan pekongsi yang lebih daripada 20 orang	1
	H – Melibatkan modal yang banyak	1
	H – Perniagaan masih boleh diteruskan sekiranya kedua-dua meninggal/hayat berterusan	1
	H – Entiti berasingan/David atau Azman memiliki hak untuk menyaman rakan kongsi	1
	H – Tidak tertakluk pada sistem audit/setiausaha syarikat tidak wajib dilantik	1
	H – Tidak perlu menunjukkan penyata kewangan kepada pihak SSM	1
	H – Kos penubuhan lebih murah/kos dapat dijimatkan	1
	H – Dapat berkongsi kepakaran dan pengalaman	1
	H – Dapat melakukan pengeluaran secara besar-besaran/menikmati ekonomi bidangan/meningkatkan produktiviti	1
		[Maksimum: 7 markah]
7(b)	F – Pencarian nama	1
	H – Memastikan nama perniagaan masih belum dimiliki oleh pihak lain	1
	F – Pengisian borang pendaftaran perniagaan	1

Soalan	Isi	Markah
7(c)	H – Semua maklumat pemilik/rakan kongsi diisi dengan lengkap	1
	F – Penyerahan dokumen lengkap/bayaran kepada SSM	1
	H – Contoh dokumen/salinan kad pengenalan/penubuhan syarikat	1
	F – Mendapat kelulusan dari SSM	1
	H – Menerima sijil perakuan pendaftaran perniagaan/Borang D	1
	[Mana-mana 1F+1H = 4m]	[Maksimum: 4 markah]
	H – Adanya peraturan/undang-undang yang ditetapkan oleh pihak kerajaan/SSM	1
	H – Melalui akta perkongsian liabiliti terhad 2012 melindungi semua pihak yang terlibat	1
	H – Penetapan cukai SST/5% bagi komponen komputer	1
	H – Teknologi yang berubah semakin maju membuatkan permintaan bekalan komponen komputer semakin meningkat	1
	H – Gaya hidup pengguna masa kini lebih fokus pada penggunaan teknologi	1
	H – Perkembangan ekonomi yang pesat meningkatkan kuasa beli pengguna	1
	H – Hubungan diplomatik yang baik menyebabkan pasaran dapat diperluaskan/menarik minat pelabur asing	1
	H – Politik yang stabil membolehkan perniagaan dapat diteruskan dengan baik	1
	H – Dasar kerajaan yang menyokong industri digital teknologi/subsidi/pengecualian cukai/mana-mana contoh yang sesuai	1
		[Maksimum: 4 markah]
8(a)	H – Menggunakan perlindungan insurans dan keselamatan	1
	H – Contoh kemalangan/kebakaran/mana-mana contoh lain yang sesuai	1
	H – Kemudahan keselamatan dipasang/CCTV/alat mencegah kebakaran di pejabat	1
	H – Mendapatkan wang pampasan/ganti rugi/melindungi bangunan pejabat	1
	H – Melakukan penyelenggaraan/baik pulih secara terancang	1
	H – Contoh: Bas persiaran/enjin atau minyak hitam perlu ditukar atau diservis secara berkala/mana-mana contoh yang sesuai	1
	H – Setiap peralatan dipastikan berfungsi dengan baik untuk digunakan	1
	H – Sumber manusia yang berkemahiran/berpengalaman/sumber teknologi diuruskan dengan baik	1
	H – Pemberian insentif/ganjaran/sistem penggajian yang cekap dan kompetitif	1
		[Maksimum: 6 markah]
8(b)	H – Kebajikan pekerja atau pemandu sentiasa dijaga	1
	H – Contoh: Diberikan kemudahan perubatan/klinik panel/mana-mana contoh lain yang sesuai	1
	H – Pemberian insentif/elaun lebih masa/ganjaran lain/faedah-faedah lain	1
	H – Pemberian penghargaan/kenaikan pangkat/anugerah/pengiktirafan	1
	H – Pemberian gaji yang kompetitif kepada pemandu pelancong berdasarkan kelayakan	1
	H – Supaya pemandu pelancong tidak berhenti kerja/supaya pemandu pelancong setia bekerja dengan syarikat	1
	H – Gaya pengurusan yang sesuai dengan syarikat diamalkan	1
	H – Contoh gaya pengurusan demokratik	1
	H – Syarikat dan pekerja menandatangani kontrak perjanjian	1
	H – Pemandu pelancong selesa/bermotivasi untuk bekerja	1
	H – Latihan kemahiran diberikan	1
		[Maksimum: 4 markah]

Soalan	Isi	Markah
8(c)	H – Mempromosikan/memperkenalkan pelbagai tempat menarik yang terdapat di Malaysia	1
	H – Melibatkan kerjasama dengan agensi pelancongan/individu dari luar negara	1
	H – Menggalakkan kemasukan pengaliran masuk wang asing	1
	H – Pendapatan negara dapat ditingkatkan dengan cukai yang dikenakan	1
	H – Supaya memperbaikiimbangan dagangan negara	1
	H – Menggalakkan perkembangan ekonomi negara dengan maju	1
	H – Menambahkan hasil industri pelancongan	1
	H – Memerlukan lebih ramai pemandu pelancong	1
	H – Melaksanakan tanggungjawab sosial	1
	H – Mengurangkan masalah pengangguran dalam negara	1
		[Maksimum: 5 markah]
9(a)	H – Supaya dapat menjadi panduan untuk mencapai tujuan/visi/misi	1
	H – Bagi mengukur prestasi perniagaan yang dijalankan	1
	H – Menunjukkan hala tuju/sasaran ingin dicapai	1
	H – Supaya semua pihak memperoleh kefahaman berkaitan sasaran yang ingin dicapai	1
	H – Petunjuk untuk membentuk strategi	1
	H – Memastikan perniagaan dapat diteruskan/kelangsungan perniagaan/melancarkan produktiviti	1
	H – Supaya perniagaan boleh bersaing antara satu sama lain dalam pasaran	1
	H – Supaya perniagaan dapat dikembangkan	1
	H – Mengelakkan berlakunya penyelewengan	1
		[Maksimum: 5 markah]
9(b)	H – <i>Mesurable</i> /objektif boleh diukur	1
	H – Contoh kuantitatif/syer pasaran 50%	1
	H – Penyataan produk secara khusus	1
	H – Contoh: Produk Agrokimia/penetapan pasaran di Malaysia	1
	H – Mempunyai tempoh masa pencapaian objektif/ <i>time frame</i>	1
	H – Contoh: Masa tiga tahun	1
	H – Objektif boleh dicapai/ <i>munasabah/realistik/attainable</i>	1
	H – Contoh: Mendapat tempat ketiga dalam masa tiga tahun	1
		[Maksimum: 5 markah]
9(c)	H – Penggunaan gaya pengurusan yang bersesuaian/gaya pengurusan demokratik/sokongan/serdana	1
	H – Pelantikan pekerja yang mempunyai kemahiran/berkelayakan/bermotivasi tinggi	1
	H – Deskripsi tugas/spesifikasi yang jelas dan lengkap disediakan	1
	H – Latihan pembangunan kerjaya disediakan	1
	H – Menjalankan aktiviti pemasaran yang aktif/mana-mana contoh yang sesuai	1
	H – Melakukan aktiviti pengeluaran secara-besar besaran/ekonomi bidangan/meningkatkan aktiviti	1
	H – Melakukan penambahbaikan dan pembangunan produk baja R&D	1
	H – Melaksanakan peruntukan sumber kewangan yang mencukupi	1
	H – Menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi bagi meluaskan pasaran	1
		[Maksimum: 5 markah]

Bahagian C

Soalan	Isi	Markah
10(a)	F1 – Wajar	1
	H – Modal yang diberikan akan menjadi lebih banyak/besar	1
	H – Dapat berkongsi kepakaran/idea/kemahiran antara satu sama lain	1
	H – Supaya dapat memberi bantuan dalam aspek pengurusan	1
	H – Supaya dapat berkongsi risiko yang sama/risiko disebarkan	1
	[Mana-mana 1F + 2H = 3m]	
	ATAU	
	F2 – Tidak wajar	1
	H – Keuntungan terpaksa dikongsi	1
	H – Perniagaan akan lebih mudah terubur/berlakunya perselisihan faham/rakan kongsi meninggal/tidak siuman/muffis/perintah mahkamah	1
	H – Tindakan negatif atau buruk rakan kongsi boleh menjejaskan imej perniagaan	1
		[Maksimum: 3 markah]
10(b)	H – Melakukan siasatan ke atas aduan yang diterima daripada penjaga	1
	H – Mendapatkan bukti/melihat semula rakaman CCTV/soal selidik anak-anak asuhan	1
	H – Memberi teguran kepada pengasuh yang mendatangkan masalah/melakukan rundingan bersama pengasuh	1
	H – Memberikan latihan/kemahiran/kursus kepada pengasuh	1
	H – Contoh: Kursus penjagaan kanak-kanak/kursus pengurusan taska/mana-mana contoh lain yang sesuai	1
	H – Menyediakan standard prosedur operasi/SOP/mengamalkan budaya profesional	1
	H – Memberikan motivasi kepada pengasuh	1
	H – Memberikan bentuk insentif yang munasabah/menjaga kebajikan pengasuh/memberi faedah yang sesuai/mana-mana contoh yang sesuai	1
		[Maksimum: 5 markah]
10(c)(i)	H – Kain rentang hanya boleh dilihat oleh penduduk di kawasan tertentu sahaja/di kawasan TAC sahaja	1
	H – Liputan kecil/tidak meluas/tidak menyeluruh	1
	H – Aspek visual tidak menarik perhatian/tiada kesan audio/bunyi/animasi/visual statik	1
	H – Maklumat kurang jelas/sukar dibaca oleh pengguna kenderaan/gangguan daripada kain rentang yang lain	1
	H – Tidak banyak maklumat dapat diberikan/disampaikan	1
	H – Melibatkan kos kain rentang	1
		[Maksimum: 4 markah]

Soalan	Isi	Markah
10(c)(i)	F1 – Media cetak	1
	H – Risalah diedarkan	1
	H – Diselit dalam surat khabar/penghantaran dari rumah ke rumah	1
	H – Maklumat lebih banyak boleh diberikan/disampaikan kepada pelanggan lama atau baharu	1
	H – Supaya dapat mengetahui kewujudan TAC	1
	F2 – Media elektronik	1
	H – Seperti media sosial/contoh Facebook/Instagram/mana-mana contoh yang sesuai	1
	H – Liputan adalah lebih besar/luas	1
	H – Segala maklumat yang hendak disampaikan lebih cepat/jelas/menarik/berkesan	1
	H – Terdapat visual/audio/animasi	1
	H – Penjimatan kos	1
	H – Boleh diakses/dilihat bila-bila masa/di mana-mana sahaja	1
		[Maksimum: 3 markah]
10(d)	$H1 = \frac{\text{Untung Bersih}}{\text{Pendapatan Bersih atau Jualan Bersih}} \times 100\%$ $= \frac{190\,700}{244\,100} \times 100\% \quad \text{ATAU} \quad \frac{121\,350}{198\,400} \times 100\%$ <i>[Pilih mana-mana satu pengiraan = 1m]</i>	1
	H2 = 78.12% H3 = 61.16%	1
	H4 – Setiap RM1 jualan bersih, untung bersih pada tahun 2018 ialah 78.12 sen berbanding tahun 2019 ialah 61.6 sen	1
	H5 – Margin untung bersih pada tahun 2019 menunjukkan pengurangan sebanyak 16.96% berbanding 2018/ menurun daripada 78.12% kepada 61.16%	1
	H6 – Perniagaan kurang cekap dalam pengurusan operasi pada tahun 2019 berbanding tahun 2018	1
	H7 – Pada tahun semasa, iaitu 2018 lebih cekap dalam pengurusan operasinya	1
		[Maksimum: 5 markah]

KERTAS 1**1 B**

Ulasan: Organisasi bukan bermotifkan untung ialah organisasi yang memenuhi keperluan awam dalam pelbagai bidang termasuk pendidikan, keagamaan, sosial dan budaya. Oleh itu, Yayasan Chow Kit merupakan satu organisasi bukan bermotifkan untung yang membantu memenuhi keperluan kanak-kanak di Chow Kit serta sekitarnya dan Majlis Belia Selangor yang menjalankan aktiviti-aktiviti berkaitan pembangunan belia di Selangor.

2 D

Ulasan: Ali mengambil tindakan menukar bentuk pemilikan perniagaannya dari milikan tunggal (Restoran Ali) kepada perkongsian (Restoran Ali dan Rakan) kerana perniagaan perkongsian itu menjadikan beliau dapat mengumpul modal lebih besar bersama rakan kongsi dan risiko untung rugi dapat ditanggung bersama-sama.

3 B

Ulasan: Syarikat Sendirian Berhad kebiasaannya lebih kecil berbanding dengan Syarikat Awam Berhad. Pemegang saham syarikat sendirian berhad terdiri daripada ahli keluarga atau rakan-rakan yang rapat. Oleh itu, perbezaan bagi syarikat sendirian berhad ialah saham boleh diurusniagakan dalam kalangan ahli manakala bagi syarikat awam berhad pula saham boleh diurusniagakan di Bursa Malaysia.

4 B

Ulasan: Francaisi merupakan syarikat yang membeli hak kebenaran untuk menggunakan jenama daripada francaisor. Oleh itu, francaisi perlu membuat pembayaran dalam bentuk fi kepada francaisor seperti yang termaktub dalam perjanjian.

5 C

Ulasan: Q merupakan sektor tertier yang melibatkan aktiviti membekalkan perkhidmatan tertentu daripada pengeluar terus kepada pengguna. Pekerjaan yang melibatkan perkhidmatan termasuklah akauntan.

6 A

Ulasan: Persamaan perniagaan bersaiz kecil dengan perniagaan bersaiz sederhana ialah kedua-duanya adalah fleksibel, iaitu kedua-dua perniagaan mudah membuat perubahan strategi dalam perniagaan apabila diperlukan.

7 B

Ulasan: Amanah Ikhtiar menyediakan pembiayaan berbentuk pinjaman tunai kepada usahawan atau peniaga yang ingin mendapatkan modal bagi mengembangkan perniagaan yang dijalankan.

8 D

Ulasan: Pihak kerajaan sentiasa membantu peniaga memajukan perniagaan mereka antaranya termasuklah mengadakan latihan dan kursus dalam pengurusan perniagaan bagi meningkatkan kemahiran dan ilmu dalam pelbagai aspek perniagaan yang dijalankan seperti MARA dan turut mempromosikan keluaran tempatan di pasaran antarabangsa melalui MATRADE.

9 B

Ulasan: Pihak kerajaan boleh memberi insentif kepada pihak perniagaan supaya pengurusan sesebuah perniagaan membenarkan pekerja terus bekerja. Contoh insentif yang boleh diberikan ialah pengecualian cukai atas pembayaran gaji pekerja dalam tempoh tertentu.

10 D

Ulasan: Taraf perintis diberikan kepada syarikat yang menyertai promosi oleh kerajaan. Syarikat dikecualikan pembayaran cukai selama lima tahun.

11 A

Ulasan: Dalam aspek persekitaran luaran, persekitaran perniagaan berada dalam keadaan positif dan boleh menjayakan sesebuah perniagaan apabila kemudahan kredit jangka pendek disediakan oleh pembekal bahan mentah.

12 D

Ulasan: Faktor yang dipertimbangkan untuk menghasilkan visi, misi dan objektif perniagaan ialah daya saing dan syer pasaran. Daya saing ialah kemampuan sesebuah perniagaan untuk mengekalkan operasi perniagaannya dalam industri dan syer pasaran merupakan bahagian atau peratus penguasaan jumlah pengguna yang membeli barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh sesebuah perniagaan dalam pasaran berbanding pesaing.

13 C

Ulasan: Aktiviti tersebut dikendalikan oleh fungsian bahagian pembelian. Pembelian merupakan aktiviti yang dilakukan oleh dua pihak, iaitu penjual dan pembeli bagi tujuan menukarkan barang dan perkhidmatan dengan menggunakan alat transaksi yang sah.

14 C

Ulasan: Bahagian fungsian tersebut ialah pengagihan yang dibentuk untuk memastikan setiap barang yang dikeluarkan dapat diterima oleh pengguna mengikut tempat dan masa yang betul. Bahagian ini juga memastikan pengangkutan yang digunakan juga bersesuaian dengan barang yang hendak diagihkan agar tidak berlaku pembaziran masa dan kos.

15 A

Ulasan: Pasangan yang betul ialah bahagian fungsian jualan, iaitu merupakan suatu transaksi yang memberikan nilai tambah dalam memenuhi keperluan pelanggan dan memberi manfaat bersama kepada penjual dan pembeli.

16 A

Ulasan: Bahagian fungsian penyelidikan dan pembangunan R&D adalah untuk meningkatkan tahap pengeluaran dan pemasaran produk. Selain itu, usaha penyelidikan dan pembangunan juga dapat menghasilkan produk yang berkualiti dengan kos efektif.

17 B

Ulasan: E-dagang ialah suatu sistem urusan perniagaan berkaitan dengan tempahan, pembelian dan pembayaran dilakukan secara dalam talian (*online*).

18 D

Ulasan: Faktor penurunan jumlah jualan tahunan dan kemelesetan ekonomi menyebabkan sesebuah perniagaan terpaksa menawarkan skim penamatan perkhidmatan secara sukarela kerana perniagaan tidak mampu membayar gaji kepada pekerja disebabkan masalah yang dialami.

19 A

Ulasan: Amalan 5S yang diamalkan oleh Syarikat Maju ialah berkaitan dengan peranan pemantapan budaya profesional. Amalan kerja yang beretika, berintegriti dan mementingkan kecemerlangan dapat mewujudkan dan memantapkan budaya profesional di tempat kerja.

20 A

Ulasan: Gaji ialah bayaran secara tetap yang dibayar oleh majikan kepada pekerja yang menyumbang tenaga dalam sesebuah organisasi. Contoh komponen gaji termasuk upah dan elaun.

21 C

Ulasan: Agensi yang terlibat dalam prosedur mengurus sumber teknologi ialah MyIPO. Usahawan boleh mendaftar paten melalui Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).

22 B

Ulasan: B ialah Rizab. Rizab ialah keuntungan yang diperoleh daripada hasil pelaburan dan digunakan sebagai pembiayaan semasa perniagaan dijalankan untuk modal pusingan.

23 D

Ulasan: Sumber pembiayaan tersebut ialah pemfaktoran. Pemfaktoran merupakan kemudahan pembelian akaun penghutang atau *invois* yang disediakan oleh bank dan institusi kewangan atau syarikat pemfaktoran untuk sesebuah perniagaan.

24 D

Ulasan: Faktor yang dipertimbangkan oleh pihak bank untuk meluluskan sesuatu pinjaman ialah nilai aset yang dicagarkan dan tempoh bayaran balik pinjaman. Nilai aset yang dicagarkan mestilah melebihi nilai yang dipinjam dan tempoh bayaran balik pinjaman mempengaruhi kadar faedah yang perlu dibayar.

25 A

Ulasan: Kos tetap ialah kos yang tidak berubah mengikut tingkat pengeluaran. Contoh kos tetap ialah insurans.

26 D

Ulasan: Liabiliti semasa bersifat hutang jangka pendek. Akaun belum bayar merupakan liabiliti semasa dalam penyata kunci kira kira.

27 B

Ulasan:

$$\begin{aligned} \text{Baki akhir} &= (\text{Baki h/b} + \text{Jumlah penerimaan}) - \\ &\quad (\text{Jumlah perbelanjaan}) \\ &= (\text{Tunai di tangan} + \text{Penerimaan}) - \\ &\quad (\text{Pembayaran} + \text{Peralatan}) \\ &= (\text{RM50 000} + \text{RM 175 000}) - (83\,000 + 20\,000) \\ &= (\text{RM225 000}) - (\text{RM103 000}) \\ &= \text{RM122 000} \end{aligned}$$

28 **A**

Ulasan:

$$\begin{aligned}\text{Untung Bersih} &= \text{Untung Kasar} + \text{hasil} - \text{Belanja} \\ &= [(RM28 \times 10\,000) - (RM18 \times 10\,000)] + 0 - \\ &\quad (RM16\,000 + RM1\,000) \\ &= [RM280\,000 - RM180\,000] - RM17\,000 \\ &= RM83\,000\end{aligned}$$

29 **C**

Ulasan: Kos tetap ditunjukkan pada **R**. Jumlah Kos **R** adalah sentiasa sama walaupun pengeluaran bertambah atau berkurangan.

30 **D**

Ulasan: Antara kepentingan usahawan kepada masyarakat termasuklah mengambil pekerja untuk proses pengeluaran produk. Ini dapat membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat. Selain itu, usahawan turut menghasilkan reka bentuk produk mengikut permintaan yang dapat memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat.

31 **A**

Ulasan: Perniagaan yang berkaitan dengan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 ialah Mutiara Rini Enterprise yang merupakan bentuk pemilikan tunggal.

32 **D**

Ulasan: Kemahiran berfikir secara kreatif ialah apabila usahawan itu berupaya mencipta sesuatu barang termasuklah mencipta satu alat penjimatan petrol. Usahawan yang berfikir kreatif juga mampu untuk meramalkan jualan perniagaan pada masa depan, iaitu usahawan membuat jangkaan terhadap jualan masa depan berdasarkan bukti dan maklumat tertentu.

33 **A**

Ulasan: **X** ialah borang PNA 42, iaitu usahawan perlu mengisi borang carian nama terlebih dahulu sebelum mendaftarkan perniagaan. Terdapat tiga pilihan nama cadangan perniagaan yang perlu diisi dalam borang tersebut.

34 **C**

Ulasan: Rekod kos operasi ialah dokumen yang mengandungi catatan aktiviti perbelanjaan atau kos perniagaan selain daripada kos pembelian barang niaga. Dokumen yang perlu disimpan dalam rekod kos operasi ialah bil utiliti.

35 **B**

Ulasan: Nama Perniagaan yang didaftar oleh Puan Maryati ialah Restoran Soto Enak menggunakan nama tred. Oleh itu, jumlah pendaftaran yang dikenakan ialah RM60.

36 **A**

Ulasan: Butiran bagi **K** ialah modal, iaitu merupakan penerimaan wang masuk dan **L** ialah iklan, iaitu melibatkan pembayaran duit keluar untuk membayar iklan.

37 **A**

Ulasan: Contoh ambilan perniagaan memperoleh stok untuk kegunaan keluarga. Ambilan ini akan mengurangkan modal pemilik dan perlu direkodkan pada dokumen rekod ambilan.

38 **C**

Ulasan: **Y** ialah harga. **Y** dapat membantu meningkatkan produk dengan penetapan nilai barang. Penetapan harga yang berpatutan adalah penting kerana pelanggan biasanya bersikap sensitif terhadap harga sesuatu produk atau perkhidmatan.

39 **D**

Ulasan: Kaedah promosi tersebut merupakan satu kaedah jualan langsung. Jualan langsung adalah satu kaedah melibatkan interaksi dan pertemuan secara peribadi antara jurujual dengan bakal pelanggan.

40 **D**

Ulasan: Pernyataan I adalah salah. Ini kerana gaya pengurusan *laissez-faire* menyebabkan pekerja malas dan tidak bermotivasi kerana majikan terlalu memberi kebebasan kepada pekerja. Pernyataan II adalah salah. Ini kerana pemimpin gaya kepimpinan *laissez-faire* yang terlalu memberi ruang kebebasan akan mewujudkan masalah tingkah laku yang sukar dikawal seterusnya pekerja tidak cemerlang dan menyebabkan organisasi gagal mencapai matlamat.

Bahagian A

Soalan	Isi	Markah
1(a)	H – Dapat berkongsi kepakaran/pengetahuan antara dua syarikat atau individu	1
	H – Dapat berkongsi sumber/sumber bahan mentah/teknologi antara dua syarikat	1
	H – Modal atau dana dapat ditambah	1
	H – Pasaran dapat diluaskan	1
	H – Perniagaan akan dapat menambahkan keuntungan	1
	H – Risiko perniagaan dapat disebarkan	1
	H – Kedudukan imej perniagaan dapat dipertingkatkan	1
	H – Perniagaan usaha sama boleh dibubarkan setelah matlamat tercapai	1
	H – Perniagaan dapat menjalankan pengeluaran secara besar-besaran/dapat menikmati ekonomi البلدان	1
		[Maksimum: 3 markah]
1(b)	F – Sektor utama/primer	1
	H – Aktiviti pengekstrakan sumber semula jadi/aktiviti mengeluarkan bahan mentah atau hasil semula jadi dari laut	1
	C – Perikanan/aktiviti menangkap ikan atau sotong atau udang/dilakukan oleh nelayan	1
		[Maksimum: 3 markah]
1(c)	H – Kemelesetan/meleset	1
	H – Terjadinya/masalah deflasi	1
	H – Perniagaan yang dijalankan merosot/kitaran perniagaan jatuh merudum/pendapatan perniagaan menjadi semakin berkurangan/gaji pekerja tidak mampu dibayar, aktiviti perniagaan tidak dapat dikembangkan/ekonomi semakin merosot	1
	H – Pendapatan kerajaan semakin sedikit/hasil kutipan cukai menjadi berkurang	1
	H – Penduduk tiada pekerjaan/masalah pengangguran semakin meningkat	1
	H – Penduduk tidak mempunyai wang untuk membeli/permintaan ke atas barang semakin berkurang	1
	H – Kerajaan melaksanakan dasar fiskal/dasar kewangan	1
		[Maksimum: 4 markah]
2(a)	H – Merupakan penetapan perancangan melibatkan fokus	1
	H – Perancangan dalam tempoh jangka masa panjang	1
	H – Menjadi panduan kepada perniagaan untuk membuat keputusan dan tindakan	1
	H – Supaya hala tuju perniagaan berada pada garis landasan yang tepat	1
		[Maksimum: 3 markah]
2(b)	H – Tidak mampu mengembangkan perniagaan	1
	H – Perniagaan mengalami kerugian/keuntungan gagal diperolehi/sasaran untung tidak dicapai	1
	H – Perniagaan tidak akan mampu bertahan/gagal bersaing dalam industri yang sama	1
	H – Menghadapi kesukaran membesarkan perniagaan/tidak dapat membuka cawangan	1
	H – Pasaran menjadi terhad/tidak dapat meluaskan pasaran/gagal mendapat pasaran baharu	1
		[Maksimum: 3 markah]

Soalan	Isi	Markah								
2(c)	F1 – Sumber manusia	1								
	H1a – Memiliki pekerja yang mempunyai pengetahuan/pengalaman/kemahiran dalam melakukan tugas/mengendalikan penggunaan mesin	1								
	H1b – Pekerja diberikan latihan/kursus/pelbagai insentif yang sesuai diberikan	1								
	F2 – Gaya pengurusan	1								
	H2 – Amalan gaya pengurusan autokratik/demokratik/mana-mana contoh yang sesuai	1								
	F3 – Kewangan	1								
	H3a – Mampu atau cukup untuk menambahkan pengeluaran/dari 5% kepada 10% sebulan/menjalankan pelaburan modal/modal besar	1								
	H3b – Didapati daripada pembiayaan bank/keuntungan rizab/pihak kerajaan/mana-mana contoh sesuai	1								
	F4 – Teknologi	1								
	H4a – Mesin moden/canggih digunakan	1								
	H4b – Penggunaan aplikasi TMK/e-mel/laman sosial/mana-mana contoh yang sesuai	1								
	[Maksimum: 4 markah]									
3(a)	H – Mengikut Akta Paten 1983/Pengurusan Paten	1								
	H – Supaya melindungi reka bentuk motosikal syarikat tersebut	1								
	H – Supaya tidak disalahgunakan pihak lain/tidak ditiru/disabotaj/tidak diciplak	1								
	H – Syarikat boleh mendakwa/melakukan tuntutan di mahkamah	1								
	H – Perlindungan undang-undang/tempoh perlindungan 20 tahun	1								
	H – Motosikal belum dipasarkan/dikeluarkan/dizahirkan	1								
	[Maksimum: 3 markah]									
3(b)	H – Kemudahan pembelian akaun penghutang/akaun belum terima/invois/bil oleh pihak bank	1								
	H – Syarikat pempfaktoran membeli invois atau akaun belum terima pada harga diskaun	1								
	H – Peniaga memindahkan tugas mengutip hutang daripada pelanggan kepada syarikat pempfaktoran	1								
	H – Peniaga mendapat tunai segera	1								
	H – Tiada berlaku risiko hutang lapuk	1								
	[Maksimum: 3 markah]									
3(c)	<table><tr><th>Kos Tetap</th><th>Kos Berubah</th></tr><tr><td>H – Kos tidak berubah walaupun pengeluaran meningkat atau menurun/malar</td><td>H – Kos berubah jika pengeluaran meningkat atau menurun</td></tr><tr><td>H – Kos tetap ada walaupun pengeluaran tidak berlaku</td><td>H – Semakin banyak pengeluaran semakin tinggi kos</td></tr><tr><td>H – Contoh gaji/insurans/sewa/mana-mana contoh yang sesuai</td><td>H – Contoh kos bahan mentah/bil utiliti/upah/buruh langsung atau mana-mana contoh yang sesuai</td></tr></table>	Kos Tetap	Kos Berubah	H – Kos tidak berubah walaupun pengeluaran meningkat atau menurun/malar	H – Kos berubah jika pengeluaran meningkat atau menurun	H – Kos tetap ada walaupun pengeluaran tidak berlaku	H – Semakin banyak pengeluaran semakin tinggi kos	H – Contoh gaji/insurans/sewa/mana-mana contoh yang sesuai	H – Contoh kos bahan mentah/bil utiliti/upah/buruh langsung atau mana-mana contoh yang sesuai	1 + 1
	Kos Tetap	Kos Berubah								
	H – Kos tidak berubah walaupun pengeluaran meningkat atau menurun/malar	H – Kos berubah jika pengeluaran meningkat atau menurun								
	H – Kos tetap ada walaupun pengeluaran tidak berlaku	H – Semakin banyak pengeluaran semakin tinggi kos								
	H – Contoh gaji/insurans/sewa/mana-mana contoh yang sesuai	H – Contoh kos bahan mentah/bil utiliti/upah/buruh langsung atau mana-mana contoh yang sesuai								
		1 + 1								
		1 + 1								
[Maksimum: 4 markah]										

Soalan	Isi	Markah
4(a)	H – Memenuhi keperluan atau kehendak masyarakat/mengatasi masalah barang tiada	1
	H – Memberikan pelbagai pilihan barang atau perkhidmatan kepada masyarakat	1
	H – Menghasilkan produk atau perkhidmatan	1
	H – Memberikan peluang pekerjaan/mengurangkan masalah pengangguran	1
	H – Memberikan pendapatan kepada masyarakat	1
	H – Meningkatkan taraf hidup/kuasa membeli barang atau perkhidmatan	1
	H – Mengurangkan bilangan jenayah/mewujudkan keamanan atau ketenteraman	1
	H – Menjadi ikutan/ccontoh teladan atau ikutan	1
		[Maksimum: 3 markah]
4(b)	H – Pendaftaran melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	1
	H – Mendaftar dalam bentuk tred/pertukangan/perdagangan/profesional	1
	H – Mengisi Borang PNA42/borang carian nama/Borang A/Borang pendaftaran perniagaan	1
	H – Membuat bayaran fi RM30 jika guna nama sendiri/RM60 jika guna nama tred	1
	H – Mendapat borang D/Sijil Perakuan Pendaftaran/Pendaftaran mendapat kelulusan	1
	H – Operasi perniagaan di Malaysia Barat/Wilayah Persekutuan	1
	H – Perniagaan milikan tunggal/perkongsian	1
	H – Borang D dipamerkan di premis perniagaan	1
	H – Mengisi maklumat tambahan/penamatan perniagaan dalam tempoh 30 hari	1
	H – Mempamerkan nama perniagaan	1
	H – Memperolehi lesen perniagaan dari pihak berkuasa tempatan	1
		[Maksimum: 4 markah]
4(c)	H – Merekod segala pembelian barang niaga yang telah dibuat	1
	H – Untuk membuat bayaran kepada pihak pembekal/seperti syarat diskaun tunai/10% 14 hari 5% 21 hari/mengikut syarat serahan/K.&K. di K.	1
	H – Jumlah hutang yang perlu dibayar ditunjukkan/RM 3 790.00	1
	H – Bagi menyediakan penyata pendapatan, penyata kewangan/dokumen kewangan	1
	H – Berlakunya urus niaga belian secara kredit/hutang	1
	H – Sebagai bukti menunjukkan urus niaga belian berlaku	1
	H – Rujukan pada masa depan	1
		[Maksimum: 3 markah]
5(a)(i)	F – Perniagaan saiz kecil	[Maksimum: 1 markah]
5(a)(ii)	F1 – Kos overhead rendah	1
	H1 – Kos operasi/kos operasi pengurusan perniagaan yang rendah	1
	F2 – Kos upah rendah	1
	H2 – Hanya memerlukan pekerja yang sedikit/15 orang sahaja	1
	F3 – Fleksibel	1
	H3 – Mudah menukarkan strategi perniagaan/mudah memberikan atau membuat keputusan	1
	F4 – Cepat menyelesaikan masalah dan rungutan pelanggan	1
	H4 – Mengurangkan masalah birokrasi/borang aduan tidak perlu diisi	1
	F5 – Modal kecil	1
	H5 – Diperoleh daripada wang simpanan sendiri/pinjaman ahli keluarga/sumber pembiayaan dalaman	1
		[Maksimum: 4 markah]

[Mana-mana 2F + 2H = 4m]

Soalan	Isi	Markah
5(b)	H – Mencari kawasan pasaran baharu/mengeksport ke luar negara/membuka tempat cawangan baharu/tempat lebih strategik	1
	H – Terlibat dalam ekspo/pameran perniagaan	1
	H – Melalui aktiviti promosi yang aktif serta agresif/pengiklanan/promosi jualan	1
	H – Rundangan dua hala dilakukan/diplomatik	1
	H – Terlibat dalam pameran ke luar negara melalui MATRADE	1
	H – Mewujudkan usaha sama/membentuk kerjasama kukuh dengan semua pihak/pihak kerajaan	1
	H – Mengeluarkan produk yang berkualiti/unik/berdaya saing/melakukan penambahbaikan produk sedia ada/meningkatkan kualiti produk	1
	H – Mempelbagaikan kaedah aplikasi TMK	1
	H – Melantik wakil agen/mencari rakan kongsi strategik	1
	[Maksimum: 5 markah]	
6(a)(i)	F – Struktur organisasi berdasarkan pelanggan	[Maksimum: 1 markah]
6(a)(ii)	H – Keperluan dan kehendak pelanggan dapat dipenuhi/pelanggan berasa puas hati	1
	H – Pekerja diberikan perkhidmatan mengikut kepakaran	1
	H – Memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan terbaik	1
	H – Masalah dapat diselesaikan dengan cekap/cepat	1
	H – Pelanggan lebih setia terhadap perniagaan	1
	H – Perniagaan yang sesuai ialah perkhidmatan/perbankan/insurans/mana-mana contoh lain	1
	[Maksimum: 4 markah]	
6(b)	H – Sijil Perakuan Pendaftaran Perniagaan/Borang D/Lesen Perniagaan/Notis Perbadanan Syarikat perlu dipamerkan	1
	H – Papan tanda perniagaan yang mengikut spesifikasi ditetapkan dipamerkan	1
	H – Dokumen rasmi perniagaan seperti invoice/resit/nota serahan/contoh lain perlu meletakkan nama dan nombor pendaftaran perniagaan	1
	H – Sijil perakuan pendaftaran perlu diperbaharui dalam tempoh 30 hari selepas pemerbadanan sesebuah syarikat	1
	H – Perubahan maklumat perniagaan perlu didaftarkan dalam masa 30 hari dari tarikh perubahan	1
	H – Pendaftaran perniagaan perlu ditamatkan dalam tempoh 30 hari dari tarikh penamatan perniagaan/mengisi borang C	1
	[Maksimum: 5 markah]	

Bahagian B

Soalan	Isi	Markah
7(a)	H – Mempunyai satu perniagaan yang dijalankan secara sistematik	1
	H – Perniagaan menghadapi risiko kegagalan yang rendah	1
	H – Pihak pengurusan francais atau Syarikat W&T Ekspres memberi sokongan	1
	H – Imej perniagaan terkenal/jenama popular atau terkenal/dikenali seluruh Malaysia	1
	H – Mempunyai banyak jaringan perniagaan yang lebih baik	1
	H – Pengalaman yang banyak tidak diperlukan	1
	H – Latihan/kursus/bimbingan diberikan	1
	H – Syarikat W&T Ekspres menjalankan promosi	1
	H – Reka bentuk adalah seragam	1
	[Maksimum: 4 markah]	

Soalan	Isi	Markah
7(b)	F1 – Kesan negatif	
	H – Menjatuhkan imej perniagaan/menjejasakan imej	1
	H – Wujud tanggapan negatif/boikot/pelanggan tidak percaya dengan perkhidmatan syarikat	1
	H – Pelanggan tidak mahu menggunakan lagi perkhidmatan/pelanggan bertukar kepada syarikat penghantaran lain	1
	H – Syer pasaran sedia ada akan terjejas	1
	H – Keuntungan akan berkurang	1
	H – Menghadapi masalah tidak dapat bersaing dengan syarikat lain	1
	F2 – Kesan positif	
	H – Syarikat berusaha memberi kualiti perkhidmatan yang lebih baik	1
	<i>*Mana-mana satu kesan negatif dan satu positif</i>	
		[Maksimum: 6 markah]
	7(c)	
	H – Berbincang berkaitan masalah pekerja	1
	H – Pekerja bermasalah diberikan sesi kaunseling	1
	H – Memberikan amaran bertulis/contoh amaran bertulis yang sesuai	1
	H – Memberikan amaran lisan/contoh amaran lisan yang sesuai	1
	H – Memotong gaji pekerja/elaun/perlu menarik semula faedah yang diterima	1
	H – Pekerja ditukarkan ke bidang tugas/jabatan lain	1
	H – Kebajikan pekerja dijaga	1
	H – Insentif yang munasabah diberikan/memberikan faedah perubatan, cuti rehat/ sistem penggajian/mana-mana contoh yang sesuai	1
	H – Motivasi/semangat pekerja ditingkatkan	1
	H – Gaya pengurusan sokongan/serdemokrasi diamalkan/contoh mana-mana yang sesuai	1
	H – Latihan peningkatan kemahiran diberikan	1
		[Maksimum: 5 markah]
8(a)(i)	F – Pengangguran kitaran	[Maksimum: 1 markah]
8(a)(ii)	F1 – Pelaksanaan dasar fiskal	1
	H1 – Kadar cukai diturunkan/pengguna boleh berbelanja lebih/kuasa beli meningkat/ perbelanjaan kerajaan meningkat/pakej rangsangan ekonomi/subsidi upah/ BRIM/mana-mana contoh yang sesuai	1
	F2 – Pelaksanaan dasar kewangan	1
	H2 – Kadar faedah diturunkan/penawaran wang ditingkatkan/masyarakat digalakkan berbelanja/pengurangan wang simpanan/syarat sewa beli dilonggarkan/ mendapatkan modal/moratorium	1
	<i>[Mana-mana 2F + 2H = 4m]</i>	[Maksimum: 4 markah]
8(b)	H – Penurunan keuntungan/berlaku kerugian/jualan perniagaan mengalami kemerosotan	1
	H – Kos perniagaan tidak mampu ditanggung/dibayar/mana-mana contoh yang berkaitan	1
	H – Pengeluaran menurun/tidak dapat melakukan aktiviti berskala besar/tidak mampu bersaing	1
	H – Bilangan pekerja akan berkurangan/kekurangan pekerja	1
	H – Perniagaan tidak mampu berkembang/tidak dapat membesarkan perniagaan/ tidak dapat membuka cawangan baharu	1
	H – Nama baik/imej perniagaan tercalar atau terjejas	1
	H – Produk yang dikeluarkan kurang berkualiti	1

Soalan	Isi	Markah
8(c)	H – Pihak pelabur/pembiaya/pihak luar kurang yakin untuk melabur dalam perniagaan	1
		[Maksimum: 4 markah]
	H – Perancangan semula struktur atau organisasi pengurusan sumber manusia yang baharu	1
	H – Pembentukan polisi baharu bagi pekerja/melakukan penjadualan pekerja	1
	H – Pekerja asing diberhentikan/dikurangkan/pekerja tempatan dikekalkan	1
	H – Pekerja serba boleh dikekalkan/pekerja berjawatan penting dikekalkan	1
	H – Pekerja berpendapatan tinggi/gaji besar/berisiko/bermasalah/berumur dikurangkan	1
	H – Sistem tindakan pemberhentian pekerja yang sistematik dibentuk	1
	H – Penamatan kontrak secara sukarela/Skim Pemisahan Sukarela (VSS)/mana-mana contoh lain yang sesuai	1
	H – Skim menilai semula gaji/faedah yang diberi/potongan gaji perlu dinilai atau dikaji	1
9(a)	H – Perkhidmatan ditamatkan/pencen/bersara awal/cuti tanpa gaji	1
	H – Mengurangkan pekerja diberhentikan/kehilangan pekerjaan	1
		[Maksimum: 6 markah]
	H – Prestasi perniagaan merosot/menurun	1
	H – Peratus margin untung bersih tahun 2019 sebanyak 66.5% manakala pada tahun 2020 sebanyak 55.4%	1
	H – Berlaku pengurangan 11.1%	1
	H – Pada tahun 2019 menunjukkan setiap RM1 jualan bersih menunjukkan 66.5 sen untung bersih diperoleh	1
	H – Pada tahun 2020, setiap RM1 jualan bersih, untung bersih ialah RM55.4 sen	1
	H – Pada tahun 2020 pengurusan operasi kurang cekap berbanding 2019	1
	H – Untung bersih menunjukkan pengurangan sebanyak 11.1 sen	1
9(b)		[Maksimum: 4 markah]
	H – Perancangan kewangan yang baharu dilakukan seperti keperluan perniagaan	1
	H – Objektif kewangan yang baharu juga ditetapkan sebagai garis panduan	1
	H – Pengurangan kos dicadangkan bagi meningkatkan margin untung	1
	H – Perancangan penambahan sumber pendapatan lain/pelaburan/dividen/faedah simpanan tetap	1
	H – Mencadangkan strategi promosi yang berkesan untuk menghabiskan stok jualan pakaian	1
	H – Kaedah pembiayaan yang dapat meningkatkan keuntungan/mendapatkan dana/modal perlu dikenal pasti	1
	H – Bajet kewangan yang diluluskan perlu diagihkan	1
	H – Melakukan ramalan/analisis berkaitan kewangan syarikat	1
	H – Menyediakan laporan kewangan dengan lengkap terperinci	1
	H – Perbelanjaan setiap bahagian perlu dikawal dan dipantau/mengelakkan tiada penyelewengan	1
		[Maksimum: 6 markah]

Soalan	Isi	Markah
9(c)	H – Syarikat telah menukarkan stok pakaian sebanyak tiga kali pada tahun 2019 berbanding 2.5 kali pada tahun 2020/lebih 0.5 kali lebih baik	1
	H – Nilai kadar pusing ganti stok tahun 2019 lebih tinggi berbanding 2020 lebih rendah/tahun 2019 lebih cekap	1
	H – Aktiviti jualan pakaian lebih tinggi/laris berbanding tahun 2020	1
	H – Tahun 2019 menunjukkan kos penyimpanan adalah sedikit	1
	H – Pakaian/fesyen memenuhi permintaan cita rasa pengguna pada masa tersebut	1
	H – Modal tidak berkait atau terikat dengan stok	1
	H – Sektor ekonomi kebanyakan ditutup pada tahun 2020 kerana pandemik/COVID-19/PKP	1
	[Maksimum: 5 markah]	

Bahagian C

Soalan	Isi	Markah
10(a)	H – Trend menurun	1
	H – Keuntungan perniagaan menurun/merosot/jatuh	1
	H – Pengurangan sebanyak RM20 000/dari RM55 000 kepada RM35 000	1
	H – Pemasaran yang dijalankan kurang berkesan	1
	H – Kaji selidik tidak dilakukan	1
	H – Tidak menggunakan aplikasi teknologi maklumat/tiada jualan dalam talian/tidak mengikuti perkembangan terkini	1
	H – Perniagaan tidak dapat bersaing dengan perniagaan lain	1
	H – Pekerja tidak mahir atau tiada kepakaran dalam bidang TMK	1
10(b)	[Maksimum: 3 markah]	
	H – Penggunaan e-dagang/e-pemasaran/laman sesawang	1
	H – Untuk melakukan aktiviti promosi pakaian butik	1
	H – Supaya mendapat liputan luas/meluaskan pasaran/global	1
	H – Untuk menarik perhatian pembeli dengan memuat naik gambar/animasi/video	1
	H – Aktiviti jualan boleh dilakukan pada bila-bila masa/24 jam	1
	H – Aktiviti belian boleh dilakukan di mana-mana sahaja	1
	H – Proses penjualan/tempahan/pembelian menjadi lebih cepat/masa dapat dijitamkan	1
	H – Penggunaan <i>e-banking</i> /pembayaran <i>online</i> /mana-mana contoh yang sesuai	1
	H – Kos dapat dijitamkan/kos operasi adalah lebih rendah/mana-mana contoh yang sesuai	1
	H – Meningkatkan keuntungan/jualan perniagaan	1
	H – Memperolehi maklum balas dengan segera/aduan/testimoni/mana-mana contoh yang sesuai	1
10(c)(i)	[Maksimum: 4 markah]	
	F – Bahagian Fungsian Teknologi Maklumat dan Komunikasi/ICT	[Maksimum: 1 markah]

Soalan	Isi	Markah
10(c)(ii)	H – Perniagaan disyorkan menggunakan sistem/perisian terkini mengikut keperluan butik	1
	H – Sistem dipastikan tidak digodam/diceroboh	1
	H – Data dipastikan disimpan dengan selamat/diletakkan <i>password</i>	1
	H – Sistem simpanan disediakan/ <i>backup</i> jika berlaku kecemasan	1
	H – Penyelenggaraan secara berkala dilakukan/antivirus	1
	H – Pekerja yang dibenarkan sahaja dipastikan boleh mengakses data	1
	[Maksimum: 4 markah]	
10(d)	F – Pengiklanan	1
	H – Media bercetak/media elektronik digunakan	1
	H – Penyampaian maklumat lebih jelas, terperinci/menarik	1
	H – Contoh: Radio/media sosial/Facebook, Instagram/mana-mana contoh yang sesuai	1
	F – Publisiti	1
	H – Maklumat pakaian disalurkan melalui media massa	1
	H – Pihak media massa yang menanggung kos siaran/mendapat kos percuma	1
	H – Maklumat lebih dipercayai/meyakinkan/temu ramah/dokumentari	1
	F – Promosi jualan	1
	H – Menggunakan pelbagai insentif dalam tempoh masa tertentu	1
	H – Contoh: Diskaun, kupon, mana-mana contoh yang sesuai	1
	F – Jualan langsung	1
	H – Melibatkan interaksi dan pertemuan secara peribadi/bersemuka/melakukan demonstrasi	1
	H – Wakil ejen/penjual dilantik	1
10(e)	[Mana-mana 2F + 2H = 4m]	
	[Maksimum: 4 markah]	
	Pilihan 1	
	F – Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga/TEKUN	1
	H – Agensi yang memberi bantuan modal tambahan	1
	H – Konsep yang diamalkan ialah pinjaman atas simpanan	1
	H – Maksimum pembiayaan hanya setakat RM50 000	1
	H – Bayaran lebih pendek/5 tahun sahaja	1
	H – Hutang habis segera/hutang yang lama tidak terikat	1
	Pilihan 2	
	F – Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad/CGC	1
	H – Menawarkan jaminan kredit/tidak memerlukan penjamin/tiada cagaran	1
	H – Membantu atau menyokong perniagaan mendapat pembiayaan oleh pihak bank	1
	H – Jumlah pembiayaan lebih tinggi/RM50 000 – RM300 000	1
	H – Tempoh bayaran lebih panjang/7 tahun	1
	H – Ansuran bulanan yang dibayar lebih rendah	1
	[Mana-mana 1F + 3H = 4m]	
	[Pilih mana-mana satu Pilihan 1 atau Pilihan 2]	
	[Maksimum: 4 markah]	

KERTAS 1**1 C**

Ulasan: Organisasi bukan bermotifkan untung (OBBU) ialah organisasi yang memenuhi keperluan awam dalam pelbagai bidang termasuk pendidikan, keagamaan, sosial dan budaya. OBBU bermatlamat meningkatkan penglibatan sektor awam dalam kegiatan masyarakat termasuklah Majlis Belia Selangor. Majlis Belia Selangor ialah sebuah pertubuhan NGO yang mewakili golongan belia di Selangor bertujuan menggalakkan kemajuan belia yang seimbang di semua bidang ekonomi, sosial, mental, fizikal, akhlak dan politik.

2 A

Ulasan: Rakan kongsi lelap juga dikenali sebagai *sleeping partner*. Ia merupakan individu yang menyumbangkan modal perniagaan tetapi tidak terlibat secara langsung dalam operasi perniagaan. Jenis rakan kongsi ini berhak menerima peratus keuntungan dan menanggung kerugian tanpa ada gaji.

3 B

Ulasan: Syarikat Awam Berhad mempunyai bilangan ahli yang dibenarkan antara dua orang hingga tiada had maksimum. Selain itu sahamnya diurusniagakan di Bursa Malaysia dan terbitan syer hanya ditawarkan kepada orang awam.

4 C

Ulasan: Encik Ridzuan menjalankan perniagaan francais. Perniagaan francais mesti dikendalikan mengikut sistem yang telah ditetapkan oleh francaisor dan perlu mendapatkan keseragaman reka bentuk produk.

5 D

Ulasan: Sektor ketiga melibatkan aktiviti membekalkan perkhidmatan tertentu daripada pengeluar terus kepada pengguna. Oleh itu Saedah menjadikan ladang ternakan kambingnya sebagai tempat kunjungan ramai.

6 D

Ulasan: Pada Era 1990-an kerajaan mula menggalakkan rakyat untuk menceburi sektor kedua, iaitu pengilangan bagi tujuan mengurangkan kebergantungan kepada barang import. Manakala menjelang abad ke-21 penekanan yang lebih tinggi diberikan kepada sektor perkhidmatan dan antaranya ialah pelancongan selaras dengan matlamat Malaysia untuk menjadi negara maju.

7 B

Ulasan: Pengangguran struktur berlaku disebabkan perubahan struktur industri secara keseluruhan. Industri tidak memerlukan kemahiran pekerja menyebabkan pekerja diberhentikan.

8 A

Ulasan: Cara kerajaan mengatasi situasi deflasi ialah dengan pengurangan cukai supaya boleh meningkatkan pendapatan boleh guna penduduk dan menambah perbelanjaan kerajaan dengan memberikan rangsangan ekonomi melalui bantuan kepada sektor perniagaan.

9 A

Ulasan: Agensi yang menyediakan pembiayaan perniagaan ialah Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). Ia menawarkan Skim Pembiayaan Ikhtiar dan Skim Pembiayaan Ikhtiar Ibu Tunggal.

10 B

Ulasan: Misi ialah satu pernyataan ringkas tentang tujuan kewujudan sesebuah organisasi. Ia merupakan satu ketetapan matlamat menjelaskan aktiviti organisasi yang akan dilaksanakan untuk mencapai visi.

11 B

Ulasan: Q ialah gaya pengurusan autokratik. Gaya pengurusan ini menjelaskan tindakan majikan yang tegas terhadap pekerja dan boleh menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan pekerja.

12 C

Ulasan: Bagi penetapan objektif sesebuah perniagaan melibatkan konsep SMART. Antaranya ialah ia boleh dicapai dan spesifik, iaitu perlu dinyatakan secara khusus.

13 D

Ulasan: Salah satu faktor yang dipertimbangkan untuk menghasilkan visi, misi dan objektif ialah syer pasaran. Syer pasaran merujuk peratus pengguna yang dikuasai oleh sesebuah perniagaan dalam sesebuah pasaran.

14 D

Ulasan: Sekiranya kuantiti pengeluaran berada di kawasan yang berlorek maka sesebuah perniagaan akan mengalami kerugian. Perniagaan akan mengalami kerugian jika mengeluarkan kuantiti produk kurang daripada Q.

15 **D**

Ulasan: Faktor dalaman yang mempengaruhi perubahan visi perniagaan ialah sumber manusia. Sumber fizikal kepada tenaga pekerja yang memberi sumbangan fizikal dan kemahiran dalam organisasi perniagaan.

16 **D**

Ulasan: Faktor luaran atau persekitaran luaran yang boleh menjayakan sesebuah perniagaan termasuklah kemudahan kredit yang diberikan oleh pembekal luar. Perubahan faktor luaran boleh memberi kesan kepada pencapaian VMO.

17 **B**

Ulasan: Teknologi maklumat dan komunikasi merangkumi penggunaan teknologi komputer seperti perisian untuk mengubah, memindahkan, memproses, menyimpan dan melindungi semua maklumat yang diperlukan dalam sesebuah organisasi perniagaan secara selamat, mudah dan cepat.

18 **B**

Ulasan: Bahagian fungsian yang berkaitan dengan Encik Rahim ialah pembelian. Bahagian fungsian pembelian berperanan juga melalui tatacara pembelian yang betul, iaitu menerima sebut harga daripada pembekal.

19 **A**

Ulasan: Bahagian fungsian yang terlibat bagi rajah 4 ialah pengeluaran. Pengeluaran merupakan proses menghasilkan barang melalui proses transformasi yang menukarkan input kepada output bagi memenuhi keperluan dan kehendak pengguna.

20 **A**

Ulasan: Apabila peniaga berinteraksi dengan organisasi luar, maka ia dapat mengukuhkan jaringan perniagaan dan menambahkan sumber perniagaan seperti bahan mentah dan sumber pembiayaan.

21 **B**

Ulasan: Setiap pekerja bagi semua organisasi perniagaan akan diberi insentif ganjaran yang dinyatakan dalam kontrak pekerjaan. Pembahagian insentif termasuklah penyediaan skim kesihatan dan perlindungan kebajikan pekerja.

22 **C**

Ulasan: Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) 1955 mewajibkan caruman dibuat oleh majikan 12% dan pekerja 11% setiap bulan.

23 **A**

Ulasan: Antara jenis faedah ialah bonus tunai dan komisen. Komisen merupakan ganjaran yang dibayar kepada wakil atau ejen yang berjaya menjual sesuatu barang atau perkhidmatan bagi pihak organisasi. Bonus tunai ialah penghargaan yang dibayar secara tunai kepada pekerja pada akhir tempoh tertentu berdasarkan prestasi perniagaan.

24 **C**

Ulasan: Sumber fizikal yang terlibat bagi ejen minyak wangi secara dalaman ialah produk siap, iaitu minyak wangi dan peralatan teknologi maklumat seperti telefon pintar atau komputer.

25 **D**

Ulasan: Pengurusan sumber fizikal berperanan untuk mengurus keperluan dan kemudahan sumber fizikal bagi kegunaan pekerja, dan kelancaran proses dan aktiviti perniagaan. Cara pengurusan sumber fizikal termasuklah mengambil perlindungan insurans dan membaik pulih secara terancang.

26 **A**

Ulasan: Antara kelemahan sumber pembiayaan dalaman ialah menyukarkan modal ditambah dalam masa yang singkat dan ini menyebabkan sukar untuk mengembangkan perniagaan kerana sumber modal terhad.

27 **B**

Ulasan: Kemudahan yang digunakan oleh Khalis ialah overdraf dan Ar-Rahnu. Overdraf ialah kemudahan kredit yang disediakan oleh bank perdagangan untuk pemegang akaun semasa. Manakala Ar-Rahnu dari sudut syarak merujuk kepada satu barang yang berharga seperti barang kemas untuk dijadikan sebagai cagaran untuk mendapatkan pinjaman.

28 **B**

Ulasan: Perbelanjaan utiliti adalah kos yang ditanggung oleh syarikat untuk menggunakan perkhidmatan syarikat utiliti seperti kumbahan, elektrik, pembuangan sampah, Internet dan sebagainya.

29 **A**

Ulasan: Kos tetap ialah kos yang tidak berubah mengikut perubahan tingkat pengeluaran. Contoh kos tetap ialah perbelanjaan insurans.

30 **D**

Ulasan:

Aset bukan semasa = Mesin + Perabot
= RM35 000 + RM15 000
= RM50 000

31 **C**

Ulasan:

Nisbah semasa = $\frac{\text{Aset Semasa}}{\text{Liabiliti Semasa}}$
= $\frac{\text{RM25 000}}{\text{RM5 000}}$
= 5 : 1

32 **A**

Ulasan: Kadar pusing ganti stok Hasnol perabot menunjukkan lebih banyak, iaitu sebanyak 8 kali daripada Nani Furniture sebanyak 6 kali. Oleh itu jualan Hasnol Perabot lebih laris di pasaran.

33 **D**

Ulasan: Kelebihan kerjaya usahawan termasuklah menawarkan pelbagai produk kepada pengguna. Produk yang ditawarkan sekali gus memenuhi keperluan dan kehendak pengguna.

34 **B**

Ulasan: Antara tanggungjawab sosial yang boleh dijalankan oleh sesebuah organisasi perniagaan ialah memberi sumbangan kewangan kepada golongan kurang berkemampuan atau badan-badan kebajikan.

35 **A**

Ulasan: Perniagaan yang tertakluk kepada Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 ialah perniagaan milikan tunggal dan perkongsian. Oleh itu perniagaan tersebut ialah Harmoni Trading dan Mas dan Min Enterprise.

36 **C**

Ulasan: Perubahan maklumat perniagaan yang perlu didaftarkan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) ialah lokasi premis. Ini kerana ia merupakan perubahan alamat utama perniagaan dijalankan. Pendaftaran perubahan maklumat perniagaan dalam masa 30 hari dari tarikh perubahan (jika terdapat perubahan).

37 **B**

Ulasan: Invois ialah dokumen yang dikeluarkan oleh penjual kepada pembeli apabila urusan niaga dijalankan secara kredit.

38 **B**

Ulasan:

Baki h/b = (Baki b/b + Jumlah penerimaan)
– Jumlah perbelanjaan
= (0 + RM35 400) – RM5 450
= RM29 950

39 **B**

Ulasan: **R** ialah harga. Penetapan harga yang berpatutan adalah penting kerana pelanggan biasanya bersikap sensitif terhadap harga sesuatu produk atau perkhidmatan.

40 **C**

Ulasan: **S** ialah kaedah promosi jualan langsung. Ia merupakan satu kaedah jualan yang melibatkan interaksi dan pertemuan secara peribadi antara jurujual dengan pelanggan.

Bahagian A

Soalan	Isi	Markah
1(a)	H – Sektor awam dapat melibatkan diri dalam kegiatan kemasyarakatan	1
	H – Memberi peluang kepada diri supaya dapat terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan	1
	H – Memberi bantuan kepada golongan yang tidak berkemampuan/B40/OKU/gelandangan	1
	H – Nasib insan yang memerlukan dijamin terbelas	1
	H – Contoh ditawarkan satu perkhidmatan rawatan/pendidikan dengan sukarela/contoh yang sesuai	1
	H – Penglibatan sektor swasta/NGO/perseorangan dipertingkatkan	1
	H – Melaksanakan tanggungjawab sosial/menjaga kebajikan	1
	H – Contoh menderma, memberi bantuan makanan/peralatan/contoh yang sesuai	1
		[Maksimum: 5 markah]
1(b)(i)	F1 – Sektor sekunder/sektor kedua	[Maksimum: 1 markah]
1(b)(ii)	H – Tenaga kerja tempatan berkurang/tidak mencukupi/tidak selaras dengan apa yang diperlukan negara/pekerja asing kurang seramai 14 000	1
	H – Sektor lain menjadi pilihan penduduk tempatan	1
	H – Penduduk tempatan mempunyai kemahiran yang rendah	1
	H – Bagi bidang yang lebih profesional/arkitek/contoh yang sesuai	1
	H – Kemahiran dan kelayakan penduduk adalah tinggi	1
	H – Oleh itu tidak layak sebagai buruh/pekerja tidak mahir	1
	H – Insentif atau gaji yang diberikan adalah rendah/tidak wajar dengan kelayakan/tidak menjadi tarikan	1
	H – Pekerja mempunyai risiko yang tinggi/berbahaya/kotor	1
		[Maksimum: 4 markah]
2(a)	H – Boleh diukur/ <i>measurable</i>	1
	H – Pencapaian sebelum dan selepas boleh dibandingkan	1
	H – Bentuk adalah kualitatif/bentuk kualiti/berbentuk kepuasan	1
	H – Boleh dijalankan sepanjang masa	1
	H – Beri mana-mana contoh yang sesuai/jualan meningkat sebanyak 20%	1
		[Maksimum: 4 markah]
2(b)	F1 – Jaringan perniagaan dapat diwujudkan	1
	H1 – Operasi perniagaan dapat diperkukuhkan/perniagaan dapat dikembangkan	1
	F2 – Hubungan baik sedia ada dapat diperkukuhkan	1
	H2 – Pencapaian matlamat/VMO dapat dipertingkatkan	1
	F3 – Kerjasama strategik dapat dijalankan	1
	H3 – Keuntungan hasil dapat dijana/jualan meningkat/kepakaran/teknologi dapat dikongsi	1
	F4 – Sumber perniagaan dapat ditambah	1
	H4 – Pembiayaan dan sumber bekalan bahan mentah	1
		[Maksimum: 6 markah]
		[Mana-mana 3F + 3H = 6m]

Soalan	Isi	Markah	
3(a)	H – Mewujudkan keselesaan di tempat kerja/suasana kondusif/seronok/ceria	1	
	H – Meningkatkan motivasi pekerja/pekerja lebih mempunyai semangat	1	
	H – Meningkatkan tahap kepuasan pekerja	1	
	H – Mengurangkan kesilapan tugas/pembaziran dapat dielakkan	1	
	H – Meminimumkan stres/tekanan kerja	1	
	H – Menghasilkan idea baharu/lebih kreatif/inovatif	1	
	H – Meningkatkan produktiviti/mencapai matlamat perniagaan	1	
	[Maksimum: 5 markah]		
	3(b)	H – Pinjaman perniagaan gadaian/Ar-Rahnu	1
		H – Mencagar barang kemas/barang berharga	1
		H – Puan Sariah memperoleh 65%–75% daripada nilai sebenar gadaian/nilai pinjaman kurang daripada nilai cagaran	1
		H – Tidak mempunyai kadar faedah	1
		H – Caj upah simpan dikenakan kepada Puan Sariah	1
		H – Setelah hutang telah dibayar, Puan Sariah dapat barang kemas semula/ditebus	1
		H – Sekiranya hutang gagal dibayar, barang kemas akan diambil atau dilelong oleh pihak Ar-Rahnu	1
		H – Mudah mendapat tunai	1
		[Maksimum: 5 markah]	
4(a)	F1 – Stok bergerak pantas	1	
	H1a – Stok ini dapat dijual dengan cepat/laju/laris	1	
	H1b – Mempunyai risiko yang rendah/mengatasi masalah stok lapuk/usang/busuk	1	
	C1b – Contoh barang keperluan harian/contoh yang sesuai	1	
	F2 – Stok bergerak perlahan	1	
	H2a – Stok ini memerlukan masa yang lama untuk dijual/	1	
	H2b – Mempunyai risiko yang tinggi/akan ketinggalan jika stok disimpan lama	1	
	C2 – Contoh perabot/mana-mana contoh yang sesuai	1	
	[Mana-mana 2F + 2H + 2C= 4m]		
	4(b)	H – Promosi jualan	1
		H – Menyediakan pelbagai jenis insentif	1
		H – Minat pengguna akan lebih tertarik/dipengaruhi/dipujuk	1
		H – Meningkatkan jualan/menambah keuntungan	1
		H – Contoh beli satu percuma dua	1
		H – Jangka masa promosi adalah pendek/tempoh tertentu/sehingga 31 Januari 2022	1
		H – Promosi terhad di lokasi yang tertentu sahaja/Kuala Lumpur/Putrajaya/Johor Bahru/Kota Kinabalu/Kuching	1
		[Maksimum: 4 markah]	
5(a)		H – Gaya pengurusan diamalkan tidak sesuai dengan pekerja/contoh gaya pengurusan yang sesuai	1
	H – Mempunyai sumber manusia yang tidak produktif/kreatif/inovatif	1	
	H – Segala aktiviti pemasaran/promosi yang dijalankan kurang berkesan	1	
	H – Pengeluaran yang dihasilkan adalah tidak mencukupi bagi memenuhi permintaan	1	
	H – Masih menggunakan mesin lama/keinggalan zaman	1	
	H – Teknologi maklumat terkini tidak digunakan	1	
	H – Tidak menjalankan penyelidikan/R&D	1	

Soalan	Isi	Markah
5(b)	H – Masalah kedudukan kewangan yang tidak stabil/tidak kukuh/pembiayaan sukar diperolehi/contoh yang sesuai	1
		[Maksimum: 4 markah]
	H – Barang dilabelkan sebelum dihantar pada masa yang tepat/ kerja-kerja akhir	1
	H – Semua tempahan diperiksa	1
	H – Memastikan melengkapkan penghantaran dokumen/nota serahan/invois/bukti penghantaran	1
	H – Jadual pergerakan kenderaan disediakan	1
	H – Kenderaan yang dipilih dipastikan selamat bersama barang yang dihantar	1
	H – Sentiasa memenuhi keperluan bekalan yang berlaku	1
	H – Sentiasa membantu bahagian fungsian lain	1
		[Maksimum: 6 markah]
6(a)	H – Bertujuan untuk mentaksir penyata kewangan	1
	H – Mengukur keupayaan/kemampuan syarikat menukarkan aset kepada tunai	1
	H – Nilai aset perlu dipastikan tidak terjejas apabila ditukarkan kepada wang tunai	1
	H – Jika nisbah kecairan adalah tinggi maka menunjukkan perniagaan mampu membayar hutang dengan segera/tempoh pendek	1
	H – Ia terdiri daripada nisbah semasa/nisbah ujian asid	1
	H – Kecekapan syarikat mengurus pinjaman jangka pendek adalah dengan menggunakan aset semasa	1
	H – Formula	
	$\text{Nisbah semasa} = \frac{\text{Aset Semasa}}{\text{Liabiliti Semasa}}$	
	ATAU	
	$\text{Nisbah ujian asid} = \frac{\text{Aset Semasa} - \text{Inventori Akhir}}{\text{Liabiliti Semasa}}$	1
6(b)	H – Semakin tinggi nilai sesuatu nisbah kecairan maka menunjukkan perniagaan mempunyai prestasi yang lebih baik	1
		[Maksimum: 4 markah]
	H – Borang carian nama syarikat/Borang 13A perlu diisi	1
	H – Supaya mengelakkan nama yang sama/Kek Kuntum Sdn. Bhd.	1
	H – Memperolehi kelulusan nama	1
	H – Melakukan permohonan pemerbadanan syarikat	1
	H – Mengisi Borang Permohonan Pendaftaran Sesebuah Syarikat (Akta Syarikat 2016)	1
	H – Melengkapkan maklumat syarikat/nama syarikat/status syarikat/jenis perniagaan/alamat pejabat berdaftar	1
	H – Membayar yuran/fi pendaftaran/mengikut jualan saham	1
	H – Sijil/Notis Pemerbadanan Syarikat dikeluarkan	1
	H – Memastikan dokumen telah mematuhi setiap prosedur	1
	H – Melakukan pelantikan setiausaha syarikat dalam tempoh 30 hari dari pemerbadanan syarikat	1
		[Maksimum: 6 markah]

Soalan	Isi	Markah
7(a)	H1 – Entiti berasingan	1
	H1a – PLT mempunyai hak mendakwa/menyaman/memperoleh/melupus harta	1
	H2 – Liabiliti terhad	1
	H2a – Encik Mohsin dan Encik Amin mempunyai tanggungan terhad hanya setakat modal yang telah dilaburkan sahaja/tanpa melibatkan harta peribadi	1
	H3 – Hayat berterusan	1
	H3a – Jika Encik Mohsin atau Encik Amin telah meninggal dunia/kurang siuman/mufliis, perniagaan masih boleh dijalankan/beroperasi	1
	H4 – Fleksibiliti perniagaan	1
	H4a – Encik Mohsin dan Encik Amin boleh meletakkan syarat tambahan seperti dalam perjanjian perkongsian	1
	H5 – Menjimatkan kos/ia tidak terikat kepada sistem audit	1
	H6 – Modal menjadi lebih besar/modal adalah sumbangan daripada Encik Mohsin dan Encik Amin	1
	H7 – Kepakaran dapat dikongsi/Encik Amin seorang tukang masak	1
	H8 – Risiko ditanggung bersama/kerugian dikongsi mengikut perjanjian	1
	[Maksimum: 6 markah]	
7(b)	F1 – Tidak wajar	1
	H – Berlaku lebihan bahan mentah yang dibeli/pembaziran	1
	H – Mungkin berlaku kerosakan bahan mentah/luput tarikh	1
	H – Peningkatan kos pengeluaran/terpaksa membeli bahan mentah yang lain/pengurangan keuntungan/terjadinya kerugian	1
	H – Kualiti makanan akan terjejas	1
	H – Imej terjejas/penurunan permintaan	1
	H – Ruang menyimpan bahan mentah/tempat penyimpanan tidak mencukupi	1
	H – Terjadinya penyelewengan/kecurian/penipuan	1
	H – Modal adalah terikat dengan stok/berlaku aliran tunai tinggi	1
	F2 – Wajar	1
	H – Memperoleh diskaun daripada pembekal/harga bahan mentah lebih murah	1
	H – Produk siap boleh diberikan harga jual yang murah/pelanggan boleh diberikan diskaun	1
	H – Lebih ramai pelanggan akan tertarik untuk membeli produk	1
	H – Meningkatkan jualan/meningkatkan keuntungan	1
	H – Bekalan/pengeluaran akan sentiasa berterusan	1
	[Maksimum: 5 markah]	
7(c)	H – Menyimpan bahan mentah yang dibeli di tempat yang sesuai/contoh yang sesuai/peti sejuk beku	1
	H – Memastikan bahan mentah sentiasa dalam keadaan baik	1
	H – Mewujudkan kad stok/sistem inventori bagi mengawal keluar masuk bahan mentah	1
	H – Hendaklah mendapatkan perlindungan insurans bagi mengelakkan risiko	1
	H – Mempunyai ciri-ciri keselamatan/CCTV untuk mengurangkan kecurian/kehilangan bahan mentah	1
	H – Bagi meminimumkan kerugian/dapat ganti rugi	1
	H – Contoh insurans kebakaran/insurans kecurian/contoh yang sesuai	1
	H – Peti sejuk diselenggara secara berjadual	1
[Maksimum: 4 markah]		

Soalan	Isi	Markah
8(a)	H – Skala pasaran domestik	1
	H – Pakaianya telah dipasarkan sehingga pencapaian peringkat kebangsaan	1
	H – Pasaran meliputi seluruh negara	1
	H – Ditembusi melalui perniagaan	1
	H – Menikmati ekonomi bidangan/harga kos seunit adalah lebih kecil	1
	H – Memperoleh keuntungan	1
	[Maksimum: 4 markah]	
8(b)	H – Kreatif/Puan Aliya telah mencipta suatu pakaian yang unik	1
	H – Memenuhi keperluan/kehendak/memenuhi cita rasa pelanggan	1
	H – Inovatif/mengubah suai/menambahbaikan/pelbagai jenis rekaan	1
	H – Setiap hasil rekaan yang dihasilkan mengikut trend perkembangan fesyen semasa	1
	H – Sentiasa bijak mengambil peluang/melakukan pemasaran pakaian ke seluruh negara	1
	H – Memasarkan produk secara dalam talian	1
	H – Berani menanggung risiko ketidakpastian/perubahan fesyen/risiko kerugian	1
8(c)	H – Fleksibel dalam memasarkan pakaian	1
	[Maksimum: 6 markah]	
	H – Perniagaan dapat dikembangkan/pasaran pakaian dapat diluaskan ke seluruh negara	1
	H – Membentuk jaringan/hubungan yang lebih luas	1
	H – Menjadikan proses jual beli pakaian lebih cepat	1
	H – Urusan perniagaan menjadi lebih mudah/urusan bayaran/boleh dijalankan pada bila-bila masa/24 jam	1
	H – Perniagaan menjadi lebih cekap dan efisien/pemasaran lebih berkesan/menggunakan alatan teknologi	1
9(a)	H – Kos operasi lebih rendah/semua jenis kos yang terlibat dalam perniagaan	1
	H – Dapat memaksimumkan keuntungan	1
	[Maksimum: 5 markah]	
	H – Bahagian fungsian jualan berperanan menerima pesanan komponen elektronik dari Eropah/seperti jumlah harga yang ditetapkan/item yang telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak	1
	H – Bahagian fungsian jualan memberitahu maklumat pesanan kepada bahagian fungsi pengeluaran	1
	H – Bahagian fungsian pengeluaran menerima bahan mentah/menyenaraikan sumber bahan mentah yang diperlukan untuk membuat produk	1
	H – Bahagian fungsian pembelian sentiasa memastikan bahan mentah adalah mencukupi bagi proses pengeluaran/membuat pesanan bahan mentah bagi proses pengeluaran	1
9(b)	H – Bahagian fungsian kewangan membuat kepada pembekal/menyimpan invoice yang diterima daripada pembekal	1
	H – Bahagian fungsian pengeluaran memastikan menghasilkan komponen elektrik yang dipesan pelanggan/berkualiti/mencukupi	1
	H – Bahagian fungsian pengagihan mengedarkan komponen elektrik kepada pelanggan adalah seperti pesanan pembelian	1

Soalan	Isi	Markah
9(b)	H – Bahagian fungsian kewangan menghantar dokumen invois kepada pelanggan/bayaran diterima daripada pelanggan	1
		[Maksimum: 6 markah]
	H – Meliputi kos perbelanjaan/peningkatan kos operasi	1
	H – Kos pembayaran gaji yang tinggi/RM1 200 ke RM1 500/peningkatan RM300	1
	H – Akan berlaku pengurangan untung bersih/keuntungan	1
	H – Menunjukkan kemampuan kewangan WNJSB/kemampuan organisasi untuk membayar gaji pekerja “kewangan”	1
	H – Perlu ada persetujuan bersama dengan pihak pengurusan/pihak yang mempunyai kepentingan	1
	H – Merujuk semula berkaitan undang/peraturan kerajaan tentang penetapan gaji minimum	1
	H – Majikan masih terlibat dengan kontrak/perjanjian lama yang melibatkan kos tertentu	1
	<i>*Sebarang bentuk gaji pesaing tidak boleh diterima</i>	1
		[Maksimum: 4 markah]
	9(c) Implikasi negatif	
	H – Tindakan mogok/piket akan dilakukan oleh pekerja WNJSB	1
	H – Kedudukan imej WNJSB akan terjejas	1
9(c)	H – Pekerja menjadi tidak setia/bertukar kepada syarikat pesaing/berhenti kerja	1
	H – Berlaku lebih banyak masalah pusing ganti pekerja	1
	H – Kos melatih pekerja baharu yang tiada kemahiran/pengalaman perlu ditanggung oleh WNJSB	1
	H – WNJSB akan mengalami masalah kehilangan pekerja/mempunyai pengalaman/pekerja menjadi tidak mencukupi/lebih kesan pada majikan	1
	H – Pekerja yang ada menjadi kurang mempunyai motivasi/tidak kreatif	1
	H – Produktiviti menjadi semakin menurun/pengeluaran menjadi terjejas/ perniagaan semakin merosot dan jatuh	1
	H – Pihak WNJSB lebih memilih mengambil/menggaji pekerja asing	1
	H – Tindakan undang-undang/Akta Kerja 1955 boleh dikenakan	1
	Implikasi positif	
	H – Kos pengoperasian adalah rendah/menjimatkan kos	1
	H – Peningkatan keuntungan	1
	H – Perniagaan akan dapat mencapai matlamat	1
		[Maksimum: 5 markah]
10(a)	H – Keperluan dan kehendak pengguna dapat dipenuhi/produk basikal dapat disediakan untuk pengguna	1
	H – Memberi kemudahan menjalankan aktiviti riadah/gaya hidup/kesihatan/aktiviti berbasikal	1
	H – Pelbagai pilihan warna disediakan/terdapat empat warna/kuning/biru/merah/hijau	1
	H – Peluang pekerjaan ditawarkan/pengangguran dapat dikurangkan	1
	H – Peningkatan taraf hidup pekerja	1
	H – Melestarikan alam sekitar	1
	H – Tanggungjawab sosial dijalankan/contoh yang sesuai	1
	H – Kadar jenayah dapat dikurangkan	1
		[Maksimum: 4 markah]

Soalan	Isi	Markah
10(b)	H – Saiz rim basikal perlu dibesarkan/tayar basikal dibesarkan/berkaitan tayar basikal sahaja	1
	H – Dapat menampung jumlah berat penumpang yang melebihi 100kg/obes	1
	H – Pelana/tempat duduk basikal perlu dilebarkan	1
	H – Pelana perlu dibuat daripada span/getah/fleksibel/adalah yang lembut	1
	H – Bentuk kualiti rangka basikal perlu ditingkatkan/diperbuat daripada aloi/titanium/tahan lasak	1
	H – Melakukan pemasangan gear pada basikal	1
	H – Mempelbagaikan jenis basikal/terdapat yang boleh dilipat/ <i>mountain bike</i> /basikal <i>off-road</i> /lain contoh yang sesuai	1
	H – Melakukan pemasangan alat keselamatan/aksesori/lampu/loceng/menitikberatkan keselamatan	1
		[Maksimum: 4 markah]
10(c)	H – Institusi Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia/SIRIM	1
	H – Sentiasa memastikan basikal/produk di pasaran adalah menepati piawaian yang telah ditetapkan/bermutu tinggi/mempunyai kualiti	1
	H – Melakukan kajian bagi memastikan basikal selamat digunakan/boleh guna/basikal yang baik	1
	H – Menjalankan aktiviti penyelidikan produk/basikal	1
	H – Memberikan segala maklumat berkaitan pembangunan/perubahan dalam teknologi tinggi	1
	H – Mengeluarkan sijil pengiktirafan bagi basikal	1
		[Maksimum: 4 markah]
10(d)	TPM = $\frac{\text{Kos tetap}}{\text{Harga seunit} - \text{Kos berubah seunit}}$	1
	TPM baharu = Kos berubah = $\text{RM2 800} \times \frac{20}{100} + 2 800$	1
	= RM560 + RM2 800	1
	= RM3 360	1
	= $\frac{\text{RM600 000}}{\text{RM4000} - \text{RM3360}}$	1
	= 937.5 unit / 938 unit	1
		[Maksimum: 4 markah]
10(e)	F1 – Wajar	1
	H – Dapat memenuhi cita rasa/keinginan pelanggan/penghasilan basikal lebih berkualiti	1
	H – Jualan bertambah/permintaan dapat ditingkatkan	
	H – Peningkatan keuntungan	1
	H – Dapat mengatasi pesaing/syer pasaran dapat dikuasai	1
	H – Kedudukan imej perniagaan menjadi lebih baik	1
	H – Kesetiaan pelanggan dapat dikekalkan/pelanggan lebih percaya	1
	ATAU	
	F2 – Tidak wajar	1
	H – Peningkatan kos/peningkatan kos berubah/RM560	1
	H – Harga jualan perlu ditingkatkan	1
	H – Bahan mentah perlu ditambah/peralatan yang sesuai/melatih pekerja	1
	H – Sasaran jualan tidak dicapai/jualan perlu dicapai sebanyak 938 unit	1
	H – Nilai margin untung adalah lebih rendah/kemungkinan rugi	1
		[Mana-mana 1F + 3H = 4m] [Maksimum: 4 markah]

KERTAS 1**1 D**

Ulasan: Koperasi ialah sejenis perniagaan yang dijalankan untuk kepentingan ahlinya. Ahli koperasi bekerja bersama untuk memenuhi keperluan mereka dan keuntungan yang diperoleh akan dikongsi antara ahli. Matlamat utama koperasi bukan sekadar untuk membuat keuntungan besar, tetapi untuk memastikan ahlinya mendapat faedah yang adil. Berbeza dengan syarikat atau perkongsian yang bertujuan untuk keuntungan peribadi atau syarikat, koperasi lebih fokus kepada memenuhi keperluan anggota secara kolektif.

2 A

Ulasan: Maklumat ini merujuk kepada Syarikat Awam Berhad. Dalam syarikat ini, ciri I: bilangan ahli boleh bermula dari dua orang dan tidak ada had maksimum. Ini bermakna ramai orang boleh jadi pemegang saham. Ciri II: saham syarikat ini boleh dibeli dan dijual di Bursa Malaysia, iaitu pasaran saham terbuka. Manakala ciri III dan IV tidak betul kerana pemilik syarikat tidak perlu menggunakan harta peribadi untuk bayar hutang syarikat dan pemegang saham hanya bertanggungjawab atas jumlah wang yang mereka laburkan (liabiliti terhad).

3 C

Ulasan: Dalam francais, syarikat induk (francaisor) membuat perjanjian dengan usahawan (francaisi) untuk membenarkan usahawan menjalankan perniagaan menggunakan jenama, sistem dan produk syarikat induk. Pilihan lain tidak betul kerana **A:** francais yang membayar fi kepada francaisor, bukan sebaliknya. **B:** francais tidak boleh membuat peraturan perniagaan sendiri. Mereka perlu ikut garis panduan yang ditetapkan oleh francaisor. **D:** tempoh perniagaan francais biasanya terhad dan berdasarkan perjanjian, bukan kekal.

4 C

Ulasan: Saiz sederhana: perniagaan ini mempunyai 60 pekerja dan jualan tahunan sebanyak RM4 juta. Berdasarkan ciri-ciri ini, perniagaan ini diklasifikasikan sebagai saiz sederhana. Sektor tertier: Pusat Perubatan Seri Qaseh menawarkan perkhidmatan kesihatan yang tergolong dalam sektor tertier. Sektor tertier melibatkan perniagaan yang menyediakan perkhidmatan seperti kesihatan, pendidikan atau pelancongan. Pilihan lain tidak tepat kerana sektor sekunder biasanya

melibatkan pembuatan atau pemprosesan barang, bukan perkhidmatan.

5 D

Ulasan: Kerajaan membantu peniaga dengan mempromosikan produk tempatan ke peringkat antarabangsa. Ini membantu peniaga menjual produk mereka ke luar negara, membuka peluang pasaran yang lebih luas dan meningkatkan keuntungan. Kerajaan menyediakan platform seperti pameran perdagangan antarabangsa untuk membantu produk tempatan dikenali di luar negara. Pilihan lain tidak tepat kerana lebih berkaitan dengan tanggungjawab peniaga, bukan bantuan langsung daripada kerajaan untuk memajukan perniagaan.

6 D

Ulasan: Pasangan yang menunjukkan huraian jenis pelepasan cukai yang betul ialah taraf perintis. Pelepasan cukai taraf perintis ialah insentif cukai yang diberikan oleh kerajaan kepada syarikat-syarikat yang terlibat dalam aktiviti tertentu yang dipromosikan oleh kerajaan seperti industri yang strategik atau berpotensi besar untuk memajukan ekonomi negara. Dengan status taraf perintis, syarikat tersebut mendapat pengecualian cukai pendapatan sebahagian atau sepenuhnya bagi tempoh tertentu lima tahun. Tujuannya adalah untuk menggalakkan syarikat-syarikat menjalankan perniagaan dalam bidang yang kerajaan mahu kembangkan seperti teknologi baharu, inovasi atau projek penting dalam sektor tertentu dengan meringankan beban cukai mereka semasa mereka baru memulakan operasi.

7 A

Ulasan: Peranan MATRADE ialah untuk mempromosikan perdagangan antarabangsa bagi produk dan perkhidmatan Malaysia. Salah satu cara MATRADE menjalankan peranan ini adalah dengan mencetak dan mengedarkan bahan bacaan mengenai aktiviti perdagangan di Malaysia. Ini bermakna mereka menyediakan maklumat terkini dan lengkap tentang perdagangan Malaysia seperti statistik eksport, maklumat pasaran, panduan bagi pengeksport, dan peluang perdagangan yang ada. Bahan bacaan ini membantu usahawan dan peniaga tempatan untuk memahami peluang yang ada di pasaran antarabangsa, strategi eksport, serta dasar dan inisiatif kerajaan yang berkaitan dengan perdagangan.

Dengan maklumat ini, peniaga lebih bersedia untuk menembusi pasaran luar dan memperluas perniagaan mereka di peringkat antarabangsa.

8 **D**

Ulasan: Kedudukan kewangan yang stabil bermaksud perniagaan mempunyai cukup wang dan sumber kewangan yang kukuh. Ini adalah faktor dalaman yang sangat penting kerana ia membantu perniagaan bersaing dengan lebih baik. Dengan kewangan yang stabil, perniagaan boleh melabur dalam perkara yang meningkatkan prestasi seperti teknologi baharu, lebih banyak pemasaran, atau meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan. Ini memberi perniagaan kelebihan berbanding pesaing dan menjadikannya lebih kuat dan lebih tahan dalam menghadapi cabaran pasaran.

9 **A**

Ulasan: Aini Enterprise menggunakan carta Gantt untuk merancang dan menyiapkan 1,000 pasang pakaian dalam tempoh tertentu. Ini berkaitan dengan ciri objektif bagi jangka masa, iaitu untuk memastikan projek siap tepat pada waktunya. Carta Gantt membantu Aini Enterprise mengatur setiap langkah dalam proses pengeluaran pakaian dengan jelas, termasuk jadual masa untuk setiap tugas. Dengan carta ini, Aini Enterprise dapat memastikan bahawa semua kerja dibuat mengikut perancangan dan siap dalam masa yang ditetapkan. Ini penting untuk mencapai objektif, terutama apabila ada tarikh akhir yang perlu dipenuhi, supaya pelanggan puas hati dan perniagaan berjalan lancar.

10 **B**

Ulasan: Dalam situasi ini, kos berubah merujuk kepada perbelanjaan Kafe Alif untuk bahan mentah yang dibeli setiap bulan. Kos ini adalah bergantung pada pengeluaran atau jualan yang dilakukan oleh kafe tersebut. Kos berubah ialah kos yang berubah mengikut jumlah pengeluaran atau jualan. Dalam kes ini, Kafe Alif perlu membeli bahan mentah bernilai RM1,000 setiap bulan. Jumlah ini boleh berubah sekiranya Kafe Alif perlu menghasilkan lebih banyak atau kurang makanan, bergantung pada permintaan pelanggan. Contohnya, jika pelanggan bertambah dan kafe perlu menghasilkan lebih banyak hidangan, kos bahan mentah akan meningkat. Ini menjadikan bahan mentah sebagai kos berubah kerana ia bergantung pada jumlah barang yang dihasilkan.

11 **D**

Ulasan: Bahagian ICT berperanan untuk memastikan semua perisian baharu yang

digunakan dalam organisasi berfungsi dengan baik. Sekiranya pekerja menghadapi masalah dengan perisian baharu seperti tidak tahu cara menggunakannya atau ada ralat teknikal, bahagian ICT akan membantu menyelesaikan masalah tersebut. Ini termasuk memberi panduan, latihan, dan menyelesaikan sebarang isu teknikal supaya pekerja dapat menggunakan perisian dengan lancar dan produktiviti organisasi tidak terjejas.

12 **D**

Ulasan: Bahagian jualan bertanggungjawab untuk berhubung terus dengan pelanggan. Mereka perlu menjawab pertanyaan daripada pelanggan seperti mengenai produk yang ditawarkan. Selain itu, mereka juga menyediakan jangkaan harga barang yang diperlukan dan memberi nasihat teknikal kepada pengguna mengenai cara produk tersebut boleh digunakan atau faedahnya. Semua ini adalah tugas utama bahagian jualan untuk memastikan pelanggan mendapat maklumat yang mereka perlukan sebelum membeli sesuatu produk.

13 **A**

Ulasan: Zamri Enterprise adalah perniagaan menggunting rambut, iaitu perkhidmatan yang diberikan secara langsung kepada pelanggan. Oleh itu, tidak ada keperluan untuk melalui orang tengah atau pengedar kerana perkhidmatan ini disediakan terus kepada pengguna akhir. Ini bermakna pelanggan datang terus ke Zamri Enterprise untuk mendapatkan perkhidmatan gunting rambut. Jadi, saluran agihan “pengeluar terus kepada pengguna” adalah yang paling sesuai kerana perniagaan ini memberikan perkhidmatan tanpa melalui pihak lain.

14 **C**

Ulasan: Gangguan adalah sebarang perkara yang menghalang atau mengganggu mesej daripada sampai dengan jelas kepada penerima. Contohnya, bunyi bising di sekeliling, talian telefon yang terputus, atau orang lain bercakap dengan kuat semasa kita cuba berkomunikasi. Semua ini menyebabkan penerima tidak dapat memahami mesej dengan baik, dan komunikasi menjadi kurang berkesan.

15 **B**

Ulasan: Bahagian jualan bertanggungjawab untuk menerima pesanan daripada pengguna. Ini adalah sebahagian daripada proses aliran barang, di mana pelanggan membuat pesanan untuk produk, dan bahagian jualan menguruskan pesanan tersebut. Pilihan yang lain tidak tepat: A.

Pembelian – Menghantar invois kepada pelanggan sebaliknya tugas menghantar invois adalah untuk bahagian jualan atau kewangan, bukan pembelian.
C. Pengeluaran – Menyediakan senarai harga barang sebaliknya pengeluaran menghasilkan barang, bukan menyediakan senarai harga (tugas bahagian jualan).
D. Kewangan – Membuat pesanan bahan mentah sebaliknya membuat pesanan bahan mentah adalah tugas bahagian pembelian, bukan kewangan.

16 **A**

Ulasan: Pemantapan budaya profesional bermaksud memastikan semua pekerja bekerja dengan cara yang berkualiti tinggi dan mengikut piawaian profesional. Dengan mengamalkan TQM, pengurus sumber manusia memastikan semua pekerja sentiasa fokus untuk meningkatkan kualiti kerja mereka, berusaha memperbaiki proses, dan memenuhi keperluan pelanggan. Ini membantu membentuk budaya kerja yang profesional, di mana setiap orang bertanggungjawab memberikan perkhidmatan terbaik dan sentiasa mencari cara untuk memperbaiki mutu kerja.

17 **A**

Ulasan: Sistem penggajian terbahagi kepada gaji dan faedah. **X** ialah elaun kerana elaun merupakan contoh jenis bentuk gaji kepada pekerja. Elaun adalah bayaran tambahan selain gaji asas yang diberikan untuk tujuan tertentu seperti elaun perjalanan, makan atau perumahan. Elaun ini membantu menampung perbelanjaan tertentu yang perlu ditanggung oleh pekerja dalam melaksanakan tugasnya.

18 **C**

Ulasan: Situasi yang betul ialah pilihan II dan III. Pilihan II, iaitu Kedai Kasut Mawar Trading memasang kamera litar tertutup (CCTV) untuk mengawasi keselamatan perniagaan. Ini adalah langkah untuk melindungi sumber fizikal seperti barangan dan premis kedai daripada kecurian atau kerosakan. Pilihan III, iaitu Kedai Biskut Maira membuat penyelenggaraan mesin secara berkala bagi mengelakkan peningkatan kos. Penyelenggaraan berkala adalah penting untuk memastikan sumber fizikal seperti mesin, sentiasa berfungsi dengan baik dan mengelakkan kerosakan yang boleh menyebabkan kos pembaikan yang tinggi. Manakala pilihan lain (I dan IV) tidak berkaitan dengan pengurusan sumber fizikal, tetapi lebih kepada harta intelek.

19 **A**

Ulasan: Syarikat perfileman perlu menguruskan sumber teknologi untuk mendapatkan perlindungan hak cipta terpelihara. Dalam industri perfileman, hak cipta terpelihara adalah penting untuk

melindungi karya kreatif seperti filem, muzik, dan skrip daripada diciplak atau disalahgunakan oleh pihak lain. Untuk memastikan perlindungan hak cipta, syarikat perfileman perlu mengurus teknologi seperti perisian penyuntingan, sistem penyimpanan data, dan kaedah enkripsi dengan baik. Ini membantu syarikat untuk menghasilkan karya berkualiti dan melindungi hasil karya mereka daripada dicuri atau disalin tanpa izin. Mengurus sumber teknologi dengan baik juga memastikan keselamatan data dan memudahkan proses pendaftaran hak cipta.

20 **C**

Ulasan: Pasangan yang betul berkaitan sumber pembiayaan ialah sumber pembiayaan dalaman ialah simpanan peribadi dan sumber luaran ialah pajakan. Simpanan peribadi adalah contoh sumber pembiayaan dalaman kerana ia berasal dari dalam perniagaan atau individu itu sendiri. Ini bermakna pemilik perniagaan menggunakan wang sendiri untuk membiayai perniagaan, tanpa melibatkan pihak luar. Pajakan adalah contoh sumber pembiayaan luaran kerana ia melibatkan pihak lain untuk mendapatkan peralatan atau aset yang diperlukan untuk perniagaan. Dalam pajakan, perniagaan menyewa peralatan daripada pihak luar untuk tempoh tertentu, yang membolehkan perniagaan menggunakan aset tersebut tanpa perlu membeli dengan wang tunai.

21 **C**

Ulasan: Sumber pembiayaan luaran merujuk kepada kemudahan kredit untuk pemegang akaun semasa dan sewaan aset dengan tujuan membeli aset. Kemudahan kredit untuk pemegang akaun semasa adalah satu bentuk sumber pembiayaan luaran di mana bank atau institusi kewangan memberi kemudahan kredit (overdraft) kepada pemegang akaun semasa. Sewaan aset dengan tujuan membeli aset dikenali sebagai sewa beli. Sewa beli ialah satu kaedah di mana perniagaan atau individu menyewa sesuatu aset (seperti kenderaan atau mesin) dengan niat untuk membeli aset tersebut pada akhirnya. Dalam tempoh sewa, mereka akan membuat bayaran secara ansuran. Setelah semua bayaran selesai, pemilikan aset tersebut akan dipindahkan kepada penyewa.

22 **A**

Ulasan: Jenis pembiayaan tersebut ialah pajakan. Dalam pajakan, perniagaan boleh menggunakan sesuatu aset seperti jentera untuk tempoh tertentu tanpa perlu membelinya secara terus. Bank

atau syarikat pajakan adalah pemilik jentera tersebut, dan mereka juga yang menanggung kos penyelenggaraan. Perniagaan hanya perlu membuat bayaran tetap untuk menggunakan jentera tersebut selama tempoh yang dipersetujui.

23 D

Ulasan: Overdraf adalah kemudahan yang diberikan oleh bank yang membolehkan pemegang akaun semasa seperti Encik Razali untuk mengeluarkan wang lebih daripada baki yang ada dalam akaunnya. Dalam situasi ini, Encik Razali menggunakan kemudahan overdraf untuk membayar pembekal walaupun jumlah simpanannya tidak mencukupi. Dengan overdraf, perniagaan atau individu boleh mendapatkan wang segera untuk menampung keperluan kewangan dalam jangka masa pendek. Ia sangat berguna untuk menguruskan aliran tunai, terutama apabila ada perbelanjaan segera seperti membayar pembekal, tetapi dana tunai tidak mencukupi pada waktu itu. Namun, overdraf ini perlu dibayar balik dengan faedah, bergantung kepada terma yang telah dipersetujui dengan bank.

24 D

Ulasan: Pemfaktoran ialah satu bentuk sumber pembiayaan di mana perniagaan menjual akaun penghutangnya kepada syarikat pemfaktor pada harga diskaun. Dalam pemfaktoran, perniagaan menjual akaun penghutang, iaitu wang yang masih belum diterima daripada pelanggan kepada syarikat pemfaktor. Syarikat pemfaktor ini membeli akaun tersebut dengan harga diskaun, yang bermakna perniagaan akan menerima wang tunai segera tetapi kurang daripada jumlah penuh yang berhutang.

25 B

Ulasan: Kelebihan sumber pembiayaan dalaman ialah faedah tidak dikenakan, iaitu menggunakan modal sendiri tidak melibatkan kos faedah, berbeza dengan pinjaman dari bank, jadi perniagaan dapat mengurangkan beban kewangan dan juga ia Modal mudah diperolehi, iaitu modal dalaman datang dari simpanan atau dana sendiri, jadi lebih mudah dan cepat diperolehi tanpa perlu memenuhi syarat atau menunggu kelulusan pihak luar.

26 B

Ulasan: Akaun Belum Bayar merujuk kepada liabiliti semasa. Akaun Belum Bayar ialah wang yang perniagaan masih berhutang kepada pembekal bagi barangan atau perkhidmatan yang telah diterima tetapi belum dibayar. Ini merupakan contoh liabiliti semasa kerana ia adalah hutang

yang perlu dijelaskan dalam tempoh kurang dari setahun. Akaun Belum Bayar menunjukkan kewajipan kewangan jangka pendek perniagaan yang perlu dibayar segera bagi memastikan operasi perniagaan berjalan dengan lancar tanpa sebarang masalah kewangan.

27 A

Ulasan: Kos tetap ialah kos yang tidak berubah mengikut jumlah pengeluaran atau jualan perniagaan. Insurans kebakaran adalah contoh kos tetap kerana jumlah bayaran insurans ini akan tetap sama, tidak kira berapa banyak perniagaan menghasilkan produk atau menjual. Ia perlu dibayar dalam jumlah yang sama setiap bulan atau tahun.

28 A

Ulasan: Ekuiti pemilik dalam penyata kunci kira-kira menunjukkan jumlah hak milik yang dimiliki oleh pemilik perniagaan selepas menolak semua liabiliti. Ambilan ialah wang atau barang yang diambil oleh pemilik daripada perniagaan untuk kegunaan kerana peribadi. Ambilan mengurangkan ekuiti pemilik, kerana ia diambil daripada keuntungan atau modal perniagaan.

29 A

Ulasan: Untuk mengira peratusan pulangan atas modal, hendaklah menggunakan formula berikut:

$$\text{Pulangan atas modal} = \frac{\text{Untung bersih}}{\text{Modal awal}} \times 100$$

Diberikan: Untung bersih = RM33,000

Modal awal = RM120,000

Gantikan nilai ke dalam formula:

$$\text{Pulangan atas modal} = \frac{33,000}{120,000} \times 100 = 27.5\%$$

30 A

Ulasan: Kelebihan menjadi usahawan kepada diri sendiri ialah dapat meningkatkan pendapatan isi rumah. Seorang usahawan, berpeluang mendapat lebih banyak pendapatan berbanding bekerja untuk orang lain kerana dapat mengawal perniagaan sendiri dan keuntungan yang diperolehi. Ini boleh membantu menambah baik keadaan kewangan keluarga.

31 C

Ulasan: Stok bergerak pantas merujuk kepada barang yang laku keras dan habis dijual dengan cepat kerana ia mempunyai permintaan yang tinggi dan digunakan setiap hari. Minyak masak

adalah contoh stok bergerak pantas kerana ia digunakan dalam memasak dan perlu dibeli secara kerap oleh pelanggan.

32 **B**

Ulasan: Keberuntungan perniagaan memberi manfaat kepada usahawan dalam bentuk meningkatkan imej perniagaan dan melakukan tanggungjawab sosial. Apabila perniagaan menjadi menguntungkan, ia dapat meningkatkan imej perniagaan tersebut. Imej yang baik akan menarik lebih ramai pelanggan kerana orang ramai lebih cenderung mempercayai dan berurusan dengan perniagaan yang berjaya dan stabil. Dengan keuntungan yang diperoleh, usahawan boleh melakukan tanggungjawab sosial seperti menyumbang kepada masyarakat, menyokong program kebajikan, atau menjaga alam sekitar.

33 **A**

Ulasan: Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 adalah akta yang memberi garis panduan untuk mendaftarkan perniagaan seperti pemilikan tunggal dan perkongsian. Kelebihan utama bagi usahawan yang mematuhi akta ini ialah proses penubuhan perniagaan yang mudah. Ia memerlukan sedikit dokumentasi dan kos yang rendah, menjadikannya cepat dan tidak rumit untuk mendaftar dan memulakan perniagaan.

34 **B**

Ulasan: Bentuk perniagaan yang melalui prosedur tersebut ialah bentuk perniagaan milikan tunggal. Perniagaan milikan tunggal dimiliki oleh seorang individu sahaja. Oleh itu, nama perniagaan yang menunjukkan bentuk pemilikan tunggal ialah Sihat Sukan Enterprise.

35 **B**

Ulasan: Ambilan merujuk kepada barang atau wang yang diambil oleh pemilik perniagaan untuk kegunaan peribadi. Memo adalah dokumen yang digunakan untuk merekod ambilan ini. Ia adalah catatan dalaman yang dibuat untuk merekodkan transaksi ini supaya perniagaan tahu berapa jumlah yang telah diambil oleh pemilik.

36 **A**

Ulasan: Invois ialah dokumen yang digunakan apabila membuat belian secara kredit. Dalam situasi ini, Puan Awin membeli barang niaga bernilai RM12,000 secara kredit daripada pembekal Amin. Amin akan mengeluarkan invois untuk

memberitahu Puan Awin tentang jumlah yang perlu dibayar dan syarat-syarat pembayaran. Invois berfungsi sebagai rekod rasmi urusan niaga kredit.

37 **D**

Ulasan: Untuk mengira jumlah pembayaran, perlu menambahkan semua perbelanjaan yang terlibat, iaitu:

Promosi = RM500

Penghutang = RM300

Insurans = RM1,200

Belian tunai = RM7,000

Sewa = RM700

Jumlah pembayaran = $500 + 300 + 1,200 + 7,000 + 700 = 9,700$

Jawapan yang betul ialah D. RM9,700.

38 **C**

Ulasan: Campuran pemasaran terdiri daripada produk, harga, promosi, dan agihan. Apabila perniagaan membuat penetapan nilai terhadap perkhidmatannya, ia merujuk kepada menentukan harga untuk perkhidmatan tersebut. Harga adalah elemen dalam campuran pemasaran yang berkaitan dengan menetapkan nilai atau kos yang perlu dibayar oleh pelanggan untuk menggunakan perkhidmatan.

39 **A**

Ulasan: Rancangan perniagaan penting kerana I: rancangan perniagaan membantu usahawan untuk mengenal pasti dan merancang apa yang diperlukan untuk menjalankan perniagaan dengan lancar seperti modal, pekerja, dan bahan mentah. Meyakinkan pihak pelabur, dan II: rancangan perniagaan yang baik boleh digunakan untuk meyakinkan pelabur atau pihak bank bahawa perniagaan tersebut berpotensi untuk berjaya, supaya mereka bersedia memberi dana atau sokongan kewangan.

40 **C**

Ulasan: Rancangan perniagaan yang baik dapat meyakinkan pihak bank untuk memberikan dana atau pinjaman kerana ia menunjukkan bahawa perniagaan tersebut mempunyai perancangan yang jelas dan potensi untuk berjaya. Bank perlu melihat bahawa perniagaan tersebut mampu menghasilkan keuntungan dan membayar balik pinjaman yang diberikan. Rancangan perniagaan yang lengkap dan teratur membantu memberikan keyakinan kepada pihak bank bahawa usahawan tersebut berwibawa dan berkemampuan dalam menjalankan perniagaan dengan baik.

Bahagian A

Soalan	Isi	Markah								
1(a)(i)	F1 – Organisasi Gambar 1: Organisasi Bermotifkan Untung/OBU F2 – Organisasi Gambar 2: Organisasi Bukan Bermotifkan Untung/OBBU	1 1 [Maksimum: 2 markah]								
1(a)(ii)	<table><tr><th>Gambar 1</th><th>Gambar 2</th></tr><tr><td>H – Melakukan jualan barang/ perkhidmatan kepada pengguna</td><td>H – Menyediakan perkhidmatan kepada anak-anak yatim/ perlindungan/tempat tinggal/ pendidikan</td></tr><tr><td>H – Mendapatkan keuntungan</td><td>H – Memberi Kebajikan/ secara percuma</td></tr><tr><td>H – Modal diperoleh daripada pemilik/ pinjaman/keuntungan perniagaan</td><td>H – Bantuan kewangan didapati daripada sumbangan derma orang awam/ kerajaan/ NGO/ sumbangan</td></tr></table>	Gambar 1	Gambar 2	H – Melakukan jualan barang/ perkhidmatan kepada pengguna	H – Menyediakan perkhidmatan kepada anak-anak yatim/ perlindungan/tempat tinggal/ pendidikan	H – Mendapatkan keuntungan	H – Memberi Kebajikan/ secara percuma	H – Modal diperoleh daripada pemilik/ pinjaman/keuntungan perniagaan	H – Bantuan kewangan didapati daripada sumbangan derma orang awam/ kerajaan/ NGO/ sumbangan	1+1 1+1 1+1 [Maksimum: 4 markah]
Gambar 1	Gambar 2									
H – Melakukan jualan barang/ perkhidmatan kepada pengguna	H – Menyediakan perkhidmatan kepada anak-anak yatim/ perlindungan/tempat tinggal/ pendidikan									
H – Mendapatkan keuntungan	H – Memberi Kebajikan/ secara percuma									
H – Modal diperoleh daripada pemilik/ pinjaman/keuntungan perniagaan	H – Bantuan kewangan didapati daripada sumbangan derma orang awam/ kerajaan/ NGO/ sumbangan									
1(b)	H – Menguruskan tanah/bahan galian H – Menubuhkan kawasan industri atau lokasi pertanian H – Memungut hasil H – Melalui kutipan lesen/cukai/ccontoh yang sesuai H – Menarik kemasukan pelabur dari dalam dan luar negara H – Menubuhkan syarikat berkaitan kerajaan negeri/PKEN H – Mendorong aktiviti Perusahaan Kecil dan Sederhana/PKS/IKS H – Menyediakan bantuan kepada usahawan baharu H – Menyediakan prasarana yang diperlukan	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Maksimum: 4 markah]								
2(a)(i)	H – Merujuk kepada Akta 2016/1965/Akta Syarikat H – Liabiliti terhad/tanggungan setakat modal yang disumbangkan H – Terdapat perkataan berhad dalam nama syarikat H – Tertakluk kadar cukai syarikat/secara profesional/cukai tinggi H – Dikendalikan oleh lembaga pengarah H – Memiliki entiti berasingan H – Mempunyai hayat berterusan/kewujudan kekal Perbezaan <table><tr><th>Syarikat Sendirian Berhad</th><th>Syarikat Awam Berhad</th></tr><tr><td>H – Mempunyai ahli 2–50 orang</td><td>H – Mempunyai ahli 2 – tiada had</td></tr><tr><td>H – Jual beli saham dilakukan dalam kalangan ahli/tidak diniagakan di Bursa Malaysia</td><td>H – Jual beli saham dilakukan di Bursa Malaysia</td></tr><tr><td>H – Saham yang dipindah milik perlu dapat kebenaran ahli lembaga pengarah</td><td>H – Saham adalah bebas untuk dipindah milik</td></tr></table>	Syarikat Sendirian Berhad	Syarikat Awam Berhad	H – Mempunyai ahli 2–50 orang	H – Mempunyai ahli 2 – tiada had	H – Jual beli saham dilakukan dalam kalangan ahli/tidak diniagakan di Bursa Malaysia	H – Jual beli saham dilakukan di Bursa Malaysia	H – Saham yang dipindah milik perlu dapat kebenaran ahli lembaga pengarah	H – Saham adalah bebas untuk dipindah milik	1 1 1 1 1 1 1 1+1 1+1 1+1
Syarikat Sendirian Berhad	Syarikat Awam Berhad									
H – Mempunyai ahli 2–50 orang	H – Mempunyai ahli 2 – tiada had									
H – Jual beli saham dilakukan dalam kalangan ahli/tidak diniagakan di Bursa Malaysia	H – Jual beli saham dilakukan di Bursa Malaysia									
H – Saham yang dipindah milik perlu dapat kebenaran ahli lembaga pengarah	H – Saham adalah bebas untuk dipindah milik									

Soalan	Isi		Markah
2(b)	H – Maklumat berkaitan hal ehwal syarikat dirahsiakan/tidak perlu mengumumkan laporan kewangan kepada orang ramai	H – Maklumat berkaitan hal ehwal syarikat tidak dirahsiakan/perlu mengumumkan laporan kewangan kepada orang ramai	1+1
	*Perlu memberikan sekurang kurangnya satu persamaan dan satu perbezaan bagi memperoleh markah penuh		[Maksimum: 5 markah]
3(a)	H – Memperbaharui maklumat barang/perkhidmatan yang dijalankan dalam pasaran		1
	H – Menjalankan aktiviti promosi barang/perkhidmatan		1
	H – Memperkenalkan/memujuk/mempengaruhi pelanggan		1
	H – Melakukan promosi jualan/pengiklanan/jualan langsung/publisiti/		1
	H – Menyediakan, melakukan pengedaran bahan publisiti/katalog/risalah/poster		1
	H – Menggunakan platform media yang sesuai/media sosial/media elektronik/ contoh: Facebook/Tik Tok		1
	H – Memperolehi/mengemaskini maklumat pelanggan		1
			[Maksimum: 5 markah]
3(b)	F1 – Politik		1
	H1 – Setiap dasar yang ditetapkan mempengaruhi perniagaan/undang-undang yang diluluskan membawa kesan positif/negatif pada perniagaan/politik yang stabil merencanakan perniagaan/aktiviti pelaburan meningkat		1
	F2 – Ekonomi		1
	H2 – Dapat mempengaruhi tindakan kuasa beli/perbelanjaan pengguna/jika pendapatan meningkat bermakna kuasa beli akan meningkat/prestasi perniagaan menjadi baik apabila keadaan ekonomi baik		1
	F3 – Sosiobudaya		1
	H3 – Pembelian barang atau perkhidmatan dipengaruhi melalui amalan/gaya hidup/ sikap pengguna/perubahan cita rasa masyarakat		1
	F4 – Teknologi		1
	H4 – Melalui penggunaan teknologi yang canggih/moden/perniagaan menjadi lebih efisien/cekap/menjimatkan kos/menghasilkan produk berkualiti		1
	F5 – Ekologi		1
	H5 – Aktiviti perniagaan akan dipengaruhi jika berlaku kekurangan sumber semula jadi/bahan mentah/sumber tenaga/kadar pencemaran/campur tangan kerajaan		1
	F6 – Undang-undang		1
	H6 – Aktiviti perniagaan dipengaruhi oleh peraturan/perundangan		1
	[Mana-mana 3F + 3H = 6m]		[Maksimum: 6 markah]
	H – Menjamin kawalan awalan/input berada dalam standard yang baik/berkualiti		1
	H – Contoh: bahan mentah berkualiti/sumber manusia/tenaga kerja mencukupi/ mesin berada dalam keadaan bagus		1
	H – Menjalankan kawalan semasa		1
	H – Kawalan staf/utiliti mesin/pengeluaran		1
	H – Dapat mengatasi masalah pengeluaran dengan segera		1
	H – Melakukan kawalan selepas		1
	H – Kualiti akhir diperiksa bagi memastikan produk mengikut standard yang betul/ mengikut piawaian yang betul		1
	H – Dapat melaksanakan proses pengeluaran/penghasilan produk		1
			[Maksimum: 4 markah]

Soalan	Isi	Markah
4(a)(i)	F1 – Pajak	[Maksimum: 1 markah]
4(a)(ii)	H – Dapat menggunakan 11 mesin jahit industri/mempunyai teknologi tinggi/mahal	1
	H – Modal yang banyak tidak diperlukan/tidak menjejaskan aliran tunai	1
	H – Perlu membayar ansuran/sewa sahaja	1
	H – Diberikan tempoh masa tertentu/lima tahun	1
	H – Kos penyelenggaraan mesin jahit industri tidak perlu ditanggung/kos ditanggung syarikat pajak	1
	H – Boleh menggunakan mesin untuk menjana pendapatan	1
	H – Tolakan cukai dibenarkan bagi bayaran sewa	1
	<i>*Fakta salah, huraian betul diterima</i>	[Maksimum: 3 markah]
4(a)(iii)	F1 – Pernyata aliran tunai	1
	H1 – Merupakan punca perolehan/penggunaan dana/tunai bagi satu tempoh tertentu/melaporkan pembayaran/penerimaan tunai/menunjukkan kemampuan perniagaan membayar hutang.	1
	F2 – Akaun perdagangan dan untung rugi/penyata pendapatan	1
	H2 – Akaun perdagangan jualan bersih/kos jualan/mengira untung kasar/dapatkan untung bersih	1
	F3 – Penyata kedudukan kewangan/kunci kira-kira	1
	H3 – Menunjukkan harta/hutang perniagaan/mengandungi butiran liabiliti/ekuiti pemilik/aset	1
	[Mana-mana 3F + 3H = 6m]	[Maksimum: 6 markah]
5(a)	H – Mengetahui kekerapan pusingan stok/inventori	1
	H – Menunjukkan kemampuan perniagaan menjual barang	1
	H – Membuat pengiraan nisbah pusing ganti stok	1
	H – Jika berlaku peningkatan nisbah dalam menunjukkan stok laku/terjual	1
	H – Membuat pengiraan nisbah pusing ganti aset	1
	H – Stok laku/terjual kerana peningkatan dalam nisbah	1
	H – Apabila nisbah yang tinggi menunjukkan lebih baik/bagus dalam pengurusan aset	1
	H – Menunjukkan keberkesanan menggunakan aset untuk menghasilkan jualan	1
	H – Membuat pengiraan jangka masa pembayaran hutang/pengutipan hutang	1
	H – Menunjukkan cekap dalam pengurusan hutang	1
	H – Jangka masa pendek lebih baik	1
		[Maksimum: 4 markah]
5(b)	H – Maklumat/data pemilik perniagaan	1
	H – Sumber modal perniagaan/modal simpanan sendiri/modal yang dipinjam/maklumat pembiayaan	1
	H – Menggunakan nama perniagaan yang dijalankan/nama sendiri/nama tred	1
	H – Menyatakan alamat/tempat perniagaan dijalankan/lokasi	1
	H – Maklumat bentuk pemilikan perniagaan/milikan tunggal/perkongsian	1
	H – Kegiatan utama perniagaan/produk/perkhidmatan	1
	H – Memasukkan nombor pendaftaran perniagaan/lesen perniagaan	1
	H – Membuat ringkasan bagi setiap bahagian/operasi/pentadbiran/kewangan/contoh yang sesuai	1
		[Maksimum: 6 markah]

Soalan	Isi	Markah
6(a)(i)	F – Keberuntungan perniagaan	[Maksimum: 1 markah]
6(a)(ii)	H – Dapat meluaskan pasaran/membuka cawangan/membesarkan perniagaan	1
	H – Dapat mengukuhkan imej perniagaan	1
	H – Dapat melakukan tanggungjawab sosial/contoh yang sesuai	1
	H – Dapat membuat pembelian peralatan/teknologi terkini/membuat pelaburan	1
	H – Dapat memperolehi sumber manusia yang pakar/mempunyai pengalaman	1
	H – Dapat menetapkan hala tuju perniagaan/visi/misi tercapai	1
		[Maksimum: 4 markah]
6(b)	H – Supaya dapat mengetahui jumlah hutang yang perlu dibayar/dikutip	1
	H – Sebagai salah satu menunjukkan urus niaga secara kredit/belian kredit/jualan kredit	1
	H – Sebagai satu sumber maklumat jual beli/barang yang diniagakan	1
	H – Sebagai pengesahan barang dihantar/diterima	1
	H – Dapat mengetahui kod angkutan	1
	H – Sebagai bukti pembayaran diterima/keluar masuk duit	1
	H – Sebagai bukti berlakunya urus niaga	1
	H – Penyata kewangan dapat disediakan	1
	H – Sumber rujukan masa akan datang	1
	H – Sebagai salah satu dokumen sokongan	1
	H – Sebagai kegunaan pihak berkepentingan/LHDN/kastam/bank/pembiaya	1
		[Maksimum: 5 markah]

Bahagian B

7(a)	F1 – Perbadanan Produktiviti Malaysia/MPC	1
	H1a – Menyediakan input dalam bidang produktiviti	1
	H1b – Mempertingkatkan pembangunan sumber manusia	1
	H1c – Menyediakan latihan/kursus keusahawanan/pengurusan/kawalan kualiti/kewangan	1
	F2 – Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia/MEDEC	1
	H2 – Khidmat nasihat/konsultan berkaitan produktiviti diberikan	1
	F3 – SME Corp. Malaysia	1
	H3 – Menjalankan khidmat nasihat melalui Hub Perusahaan Kecil dan Sederhana/ PKS/PKMS	1
	F4 – Majlis Amanah Rakyat/MARA	1
	H4 – Menjalankan latihan kemahiran/teknikal kepada pekerja	1
	[Mana-mana 3F + 3H = 6m]	[Maksimum: 6 markah]
7(b)(i)	F1 – Calon A/Anis binti Salih	[Maksimum: 1 markah]
7(b)(ii)	H1a – Mempunyai kelayakan/Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Pemasaran dengan kepujian	1
	H1b – Memiliki pengalaman selama dua tahun	1
	H1c – Usia yang masih muda/26 tahun/sentiasa bertenaga/memiliki idea baharu	1
	H1d – Gaji yang ditawarkan adalah lebih rendah/RM3 000.00	1
	ATAU	[Maksimum: 3 markah]

Soalan	Isi	Markah
7(b)(i)	Calon B/ Bahar bin Ahmad	[Maksimum: 1 markah]
7(b)(ii)	H2a – Mempunyai pengalaman selama lima tahun	1
	H2b – Mempunyai pengalaman dalam industri produk kesihatan/Farmasi Cergas Sdn. Bhd.	1
	H2c – Mampu menguruskan pelbagai jenis pelanggan	1
	H2d – Berusia 32 tahun/mampu mengatasi masalah secara matang	1
	H2e – Calon A kurang berpengalaman/hanya dalam tempoh dua tahun	1
	H2f – Calon A tidak mempunyai pengalaman berkaitan produk kesihatan	1
	H2g – Calon B mempunyai kelayakan Diploma Pengurusan Perniagaan	1
		[Maksimum: 3 markah]
7(c)	H – Menawarkan gaji yang kompetitif	1
	H – Menawarkan gaji melebihi paras gaji minimum/RM1 500.00	1
	H – Memberikan elaun tambahan/komisen jualan yang sesuai	1
	H – Diberikan tugas sebagai pengurus pemasaran/tanggungjawab besar	1
	H – Syarikat memiliki kemampuan untuk membayar gaji	1
	H – Lokasi/berada di Taiping/Perak/kos sara hidup rendah	1
	H – Dapat menarik calon menjadi lebih berminat	1
	H – Mampu mengekalkan kesetiaan	1
	H – Berupaya berdaya saing untuk mendapatkan kerja mahir/pakar/pengalaman	1
	H – Dapat mempertingkatkan motivasi/semangat	1
		[Maksimum: 5 markah]
8(a)	F1 – Inovatif	1
	H1 – Menghasilkan pelbagai jenis tart/tart mempunyai perisa buah naga/mempunyai pembungkusan yang menarik	1
	F2 – Berani menghadapi risiko	1
	H2 – Berani menghasilkan tart berperisa baharu/tart buah naga	1
	F3 – Berinisiatif/fleksibel/bertanggungjawab	1
	H3 – Sedia menukar kaedah pembungkusan biskut tartnya	1
	F4 – Tabah	1
	H4 – Mendapat pelbagai respons daripada pelanggan	1
	F5 – Bijak mengambil peluang	1
	H5 – Mengembangkan pasaran dengan kaedah e-dagang	1
	[Mana-mana $3F + 3H = 6m$]	
		[Maksimum: 6 markah]
8(b)	H – Mempunyai pembungkusan yang lebih berwarna-warni/menarik	1
	H – Semasa pos tidak mudah rosak	1
	H – Kos pos dapat dijimatkan	1
	H – Biskut mempunyai kualiti yang lebih baik/selamat/tahan lama	1
	H – Mempunyai maklumat/label produk	1
	H – Didapati bahan pembungkusan lebih ringan/senang dibawa	1
	H – Aspek kos pembungkusan menjadi lebih murah	1
	H – Kotak mesra alam/boleh dikitar semula	1
	H – Penyelenggaraan dan penyusunan kotak menjadi mudah	1
		[Maksimum: 4 markah]
8(c)(i)	F1 – Wajar	[Maksimum: 1 markah]

Soalan	Isi	Markah
8(c)(ii)	H1a – Data dikumpul dengan cepat melalui sistem tempahan	1
	H1b – Proses pembayaran dilakukan dalam talian/ <i>online</i>	1
	H1c – Pelanggan tidak perlu lagi pergi ke lokasi perniagaan untuk membeli/jual beli dilakukan dalam talian/di mana-mana sahaja/dapat memudahkan pembeli	1
	H1d – Urus niaga boleh dilakukan pada bila-bila masa/tempoh 24 jam	1
	H1e – Melibatkan kos operasi yang lebih rendah	1
	H1f – Keuntungan dapat dimaksimumkan/peningkatan jualan/peningkatan permintaan	1
	H1g – Dapat membuat promosi tart/produk/memujuk/menarik/mengiklan	1
	H1h – Maklumat dapat dikemas kini	1
	H1i – Menjalankan penghantaran melalui pos/kurier/ccontoh lain yang sesuai/JNT	1
	H1j – Hubungan/jaringan perniagaan dapat diwujudkan	1
	ATAU	
		[Maksimum: 4 markah]
8(c)(i)	F2 – Tidak wajar	[Maksimum: 1 markah]
8(c)(ii)	H2a – Pelanggan tinggal berdekatan	1
	H2b – Tiada mempunyai sampel/tidak boleh merasa produk/tart buah naga yang dijual	1
	H2c – Terdapat pelanggan ingin membayar secara tunai/bukan secara transaksi <i>online</i>	1
	H2d – Talian Internet yang tidak stabil	1
	H2e – Perniagaan melibatkan skop kecil/hanya biskut tart sahaja	1
	H2f – Berisiko dengan ancaman penipuan/ <i>scammer</i>	1
	H2g – Pengurusan penghantaran barang yang tidak baik/barang diterima rosak	1
		[Maksimum: 4 markah]
9(a)	H – Memberikan insentif yang sesuai	1
	H – Pekerja dipastikan memiliki caruman PERKESO/insurans	1
	H – Memastikan rawatan diberikan kepada pekerja yang mengalami kecederaan	1
	H – Sentiasa menjaga kebajikan pekerja yang mengalami kebakaran kilang	1
	H – Memastikan kebajikan ahli keluarga terjaga/mengambil berat/memberikan bantuan disebabkan pendapatan pekerja terjejas/tidak dapat bekerja	1
	H – Membentuk suasana kerja yang harmoni dan positif	1
	H – Memastikan persekitaran tempat kerja selamat/selesa	1
	H – Mengikut prosedur pengendalian piawai/ <i>Standard Operating Procedure/SOP</i>	1
	H – Menyediakan kemudahan seperti alat pemadam api/plan kebakaran/latihan kebakaran	1
		[Maksimum: 5 markah]
9(b)	H – Mendapat ganti rugi kebakaran jika pihak kilang ada membeli insurans kebakaran	1
	H – Dapat memulihkan kembali perniagaan/kurangkan kerugian	1
	H – Pemilik kilang akan lebih berkeyakinan menjalankan perniagaan jika kilang dilindungi insurans	1
	H – Dapat mengelakkan kebakaran/dikawal	1
	H – Pekerja dapat diselamatkan/tiada berlaku kecederaan dalam kebakaran	1
	H – Dapat menyelamatkan kilang sekiranya penyelenggaraan dibuat berkala	1
	H – Fungsi alat pemadam api/laluan kecemasan/siren kebakaran dapat digunakan dengan baik	1

Soalan	Isi	Markah
9(c)(i)	H – Sekiranya kilang dalam keadaan selamat dapat mengurangkan risiko kebakaran dan kemalangan	1
	H – Imej perniagaan dapat dijaga	1
	H – Dapat mengelakkan denda daripada pihak berkuasa	1
		[Maksimum: 6 markah]
	F1 – Wajar	[Maksimum: 1 markah]
	H – Masalah kerugian menyebabkan kewangan perniagaan terjejas/meningkatkan kos baik pulih	1
	H – Pengeluaran tidak dapat memenuhi permintaan	1
	H – Penurunan produktiviti berlaku/jualan jatuh/penurunan keuntungan	1
	H – Berlaku trauma dalam kalangan pekerja/penurunan motivasi	1
	H – Berlaku pencarian kerja di tempat yang lebih selamat oleh pekerja	1
9(c)(ii)	H – Pemulihan memerlukan masa	1
	H – Berlaku pengurangan tenaga kerja/cuti sakit/pekerja cedera	1
		[Maksimum: 3 markah]
	ATAU	
	F2 – Tidak wajar	[Maksimum: 1 markah]
	H – Ganti rugi diperoleh daripada insurans	1
	H – Tidak perlu menanggung kos rawatan pekerja	1
	H – Pihak insurans menanggung kos baik pulih kilang	1
	H – Dilindungi undang-undang kerajaan/Akta Keselamatan Sosial Pekerja PERKESO	1
		[Maksimum: 3 markah]

Bahagian C

10(a)	H – Pasaran domestik	1
	H – Skala tempatan	1
	H – Lokasi di kawasan perumahan/di Taman Bunga Raya/Ampang	1
	H – Melibatkan saiz pasaran kecil	1
	H – Melibatkan kos operasi rendah	1
		[Maksimum: 3 markah]
10(b)	H – Lokasi/tapak perniagaan adalah strategik	1
	H – Berhampiran kawasan perumahan di Taman Bunga Raya	1
	H – Berdekatan dengan pelanggan/tumpuan ramai	1
	H – Mudah dikunjungi	1
	H – Mempunyai kemudahan infrastruktur/lot kedai/jalan raya	1
	H – Telah memiliki pelanggan yang setia/pelanggan sedia ada/pelanggan tetap	1
	H – Peningkatan kos perpindahan lokasi	1
	H – Perlu melaporkan perubahan maklumat dalam SSM	1
		[Maksimum: 4 markah]

Soalan	Isi	Markah
10(c)	F1 – Pengiklanan	1
	H1 – Memberitahu/mempengaruhi/menarik pelanggan untuk menggunakan perkhidmatan dobi	1
	H1a – Gunakan risalah	1
	F2 – Promosi jualan	1
	H2 – Pelanggan diberikan insentif/basuh RM6.00 pengeringan percuma/tempoh 1–10 Disember 2023/10 hari	1
	[Mana-mana 2F + 2H = 2m]	[Maksimum: 4 markah]
10(d)	H – Syarikat pembekal dihubungi untuk mendapatkan waranti/jaminan	1
	H – Juruteknik diminta membaiki mesin basuh/mesin pengering yang rosak dengan cepat	1
	H – Jadual penyelenggaraan yang ada disemak untuk ditambah baik	1
	H – Pelanggan tetap yang menggunakan perkhidmatan dobi diberi token dan diskaun	1
	H – Melakukan pembelian/penukaran mesin yang baharu/beli dua buah mesin basuh dan dua buah mesin pengering	1
	H – Menyediakan perkhidmatan tambahan/free Wi-Fi/CCTV	1
		[Maksimum: 4 markah]
10(e)(i)	F1 – Membeli secara tunai	[Maksimum: 1 markah]
10(e)(ii)	H1a – Memiliki modal yang cukup untuk beli mesin baharu	1
	H1b – Tidak perlu membayar bayaran bulanan/tidak berhutang	1
	H1c – Mendapat harga diskaun/harga lebih murah	1
	H1d – Imej perniagaan yang nampak bagus/pengurusan kewangan yang baik	1
	H1e – Kurang dokumentasi	1
	H1f – Tiada faedah/barang tidak akan ditarik balik	1
		[Maksimum: 4 markah]
	ATAU	
10(e)(i)	F2 – Membeli secara ansuran	[Maksimum: 1 markah]
10(e)(ii)	H2a – Proses aliran tunai tidak terjejas/hanya perlu modal kecil	1
	H2b – Dapat menggunakan mesin meskipun tidak habis bayar/dapat menjana pendapatan	1
	H2c – Pembiayaan sewa beli digunakan	1
	H2d – Boleh menggunakan duit yang ada untuk tujuan lain/waktu kecemasan/tambah produk lain	1
	H2e – Mesin yang mahal boleh dimiliki/RM35 000	1
		[Maksimum: 4 markah]